

# MANUAL ISLAM & Mak Nyah



جایزه حکما جوان اسلام ملaysia  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Cetakan Pertama.....2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikal, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah jabatan kemajuan Islam Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Manual Islam & Mak Nyah

ISBN 978-983-042-514-6

1. Transsexualism--Religious aspects--Islam.
  2. Male-to-Female transsexuals. 3. Gender identity disorders.
- 306.768

## Aturhuruf & Rekabentuk

**Percetakan Tinta Sdn. Bhd (887586-X)**

5108, Jalan 18/63, Taman Seri Sedang,

43300 Seri Kembangan,

Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-8945 8472

Fax: +603-8945 8472

E-mail: [tintacetak@gmail.com](mailto:tintacetak@gmail.com)

Alhamdulillah, segala puji dirafta'kan kepada Allah SWT dan Selawat serta Salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Penerbitan Manual Islam dan Mak Nyah ini telah membuka lembaran baru kepada JAKIM sebagai mendukung inisiatif kerajaan dalam menjana wasotiyah ke arah transformasi ummah yang cemerlang. Ia merupakan kesinambungan JAKIM dalam usaha membantu kumpulan terpinggir yang memerlukan sokongan dan bimbingan kerohanian untuk kembali kepada fitrah yang sebenar.

Penerbitan manual ini bertujuan meningkatkan kesedaran umat Islam dan tanggungjawab masyarakat di dalam menangani isu Lesbian, Gay, Bisexual, dan Transgender (LGBT). Penerbitan yang julung kali sebagai sumber maklumat yang sangat bermanfaat untuk pemimpin agama, sukarelawan dan individu yang terlibat membantu golongan mak nyah. Diharapkan Manual ini akan menjadi bahan rujukan latihan dan dapat dimanfaat oleh semua sukarelawan dan non-governmental organization (NGO's) Islam. Melalui manual ini diharapkan akan lahir sukarelawan dan pemimpin Islam, NGO's serta individu yang memahami dan berilmu bagi memudahkan untuk melaksanakan pelan tindakan dalam menangani isu Mak Nyah .

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada tenaga kerja yang telah bertungkus lumus mengkaji, mengumpul dan menyediakan data serta maklumat terkini tentang isu Mak Nyah juga bagi memastikan penggubalan dan penerbitan Manual Islam dan Mak Nyah berjaya dilaksanakan.

Adalah diharapkan niat dan usaha murni ini akan mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah SWT juga serta memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh umat Islam.



Sekian Terima Kasih.

**DATO' HJ OTHMAN BIN MUSTAPHA**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



Muka Surat

## KANDUNGAN MANUAL ISLAM DAN MAK NYAH

### Kata-kata Aluan Ketua Pengarah

<b>MODUL 1: PENGENALAN ASAS MAK NYAH</b>	<b>6-23</b>
<b>BAB 1 : Definisi dan Kedudukan Mak Nyah</b>	<b>7-18</b>
Tajuk 1: Definisi Mak Nyah	7
Tajuk 2: Kaedah Penentuan Jantina Khunsa Dari Perspektif	11
Tajuk 3: Kedudukan Mak Nyah Dari Perspektif Perundangan	14
<b>BAB 2 : Hak Asasi Manusia</b>	<b>19-23</b>
Tajuk 1: Hak Asasi Manusia : Mak Nyah	19
Tajuk 2: Gerakan Melampau LGBT & SOGI	22
<b>MODUL 2: MAK NYAH DARI PERSPEKTIF ISLAM</b>	<b>24-38</b>
Tajuk 1: Mak Nyah Dari Perspektif Islam	40
Tajuk 2: Hukum-Hukum Berkaitan Mukhannas	46
<b>MODUL 3: PROFIL, DEMOGRAFI DAN ISU-ISU MAK NYAH</b>	<b>39-48</b>
Tajuk 1: Statistik Mak Nyah	40
Tajuk 2: Permasalahan Dan Identiti Mak Nyah	46
<b>MODUL 4: RAWATAN DAN KHIDMAT SOKONG BANTU</b>	<b>49-164</b>
Tajuk 1: Rawatan Melalui Pendekatan `Ilaj Syarie	50
Tajuk 2: Keperluan Sokong Bantu	157



Muka Surat

## KANDUNGAN MANUAL ISLAM DAN MAK NYAH

<b>MODUL 5: PELAN TINDAKAN</b>	<b>165-212</b>
<b>BAB 1 : TEMU SERU (<i>OUTREACH</i>)</b>	<b>166-177</b>
Tajuk 1 : Definisi dan konsep temu seru	167
Tajuk 2 : Mekanisme pelaksanaan	171
Tajuk 3 : Panduan komunikasi di lapangan	173
Tajuk 4 : Tips merapati sasaran	175
Tajuk 5 : Masalah dan cara mengatasinya	176
<b>BAB 2: MUKAYYAM MAK NYAH (ASAS)</b>	<b>178-198</b>
<b>BAB 3: KELAS PEMANTAPAN (LANJUTAN)</b>	<b>199-200</b>
<b>BAB 4: PROGRAM DAIE MAK NYAH (<i>OUT COME</i>)</b>	<b>201-212</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>213-215</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>216-217</b>

# ***MODUL 1***

## ***PENGENALAN ASAS MAK NYAH***



### **Tujuan**

Modul ini bertujuan menjelaskan pengetahuan asas tentang perkara berikut :

- i. Definisi Mak Nyah
- ii. Kedudukan Mak Nyah Dari Perspektif Perundangan Islam dan Sivil
- iii. Kedudukan Mak Nyah Dari Sudut Hak Asasi Manusia
- iv. Gerakan Melampau Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)

## BAB 1 : DEFINISI DAN KEDUDUKAN MAK NYAH

### TAJUK 1 : DEFINISI MAK NYAH

#### Objektif :

Pada akhir sesi peserta akan dapat memahami :

- i. Definisi mak nyah dari bahasa, undang-undang dan syara'.
- ii. Istilah-istilah yang digunakan oleh golongan mak nyah.
- iii. Kaedah penentuan jantina khunsa berdasarkan syara' dan perubatan.

Dari segi bahasa mak nyah atau khunsa berasal dari perkataan arab ﺍخنث which yang bermaksud lembut, berpisah atau pecah. Khunsa bukan lelaki sejati atau perempuan sejati atau yang ada persamaan baginya sifat lelaki dan wanita, golongan ini dikenali sebagai mukhannas. Lelaki mukhannas memberi maksud penyerupaan percakapan dari sudut lembut dan lunak serta mengoda seperti wanita.

Menurut Kamus Dewan Bahasa, mak nyah ialah panggilan kepada golongan pondan, manakala pondan bermaksud lelaki yang lebih bersifat keperempuanan. Antara lain definisi yang diberikan;

- Bapuk bermaksud lelaki yang lebih bersifat keperempuanan.
- Tomboi bermaksud anak perempuan yang berkelakuan kelelakian (suka memakai pakaian lelaki dan bersifat lasak)

Mak nyah juga dikenali sebagai pondan, bapuk, darai dan Ahqua (Bahasa Cina dialek Hokkien). Mereka juga dikenali sebagai golongan lelaki transeksual, yakni orang-orang yang mempunyai biologi lelaki tetapi mendakwa mempunyai naluri wanita dan sering mendakwa "terperangkap dalam tubuh yang salah" atau "wanita dilahirkan transeksual".

Terdapat pelbagai takrifan yang diberikan oleh ahli akademik yang menjalankan kajian mengenai mak nyah seperti berikut;

- i. Menurut Prof. Hatta Sidi, transeksual ialah seseorang yang mempunyai keinginan untuk menukar jantina kerana merasa dirinya terperangkap dalam jasad yang bertentangan.
- ii. Menurut Profesor Madya Teh Yik Koon, seorang pengkaji dan penyelidik yang aktif berkaitan mak nyah secara amnya merujuk istilah mak nyah sebagai lelaki transeksual, lelaki mukhannas yang mahukan jantina yang lain dari jantina yang mereka lahir. Ianya berbeza dengan kaum Khunsa yang pada dasarnya bermaksud mereka yang dwi jantina.
- iii. Menurut Dr. Syed Hassan Syed Mansor, Pensyarah Jabatan Psikiatri UiTM, mak nyah (transeksual) ialah dilahirkan lelaki dan mempunyai peralatan seksual lelaki tetapi perilaku dan naluri lebih mirip kepada perempuan.
- iv. Tomboi bermaksud anak perempuan yang berkelakuan kelelakian (suka memakai pakaian lelaki dan bersifat lasak)
- v. Lelaki lembut yang mendakwa mempunyai jiwa perempuan yang terperangkap dalam tubuh lelaki.
- vi. Mak nyah seorang lelaki yang berpewatakan perempuan, contoh panggilan seperti 'Bapuk', 'Mak Nyah' semua membawa maksud yang sama iaitu mereka adalah lelaki lembut.
- vii. Transeksual ialah seseorang (lelaki/perempuan) yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantinanya melalui pembedahan.

#### **DEFINISI MAK NYAH MENURUT UNDANG-UNDANG**

Undang-undang syariah negeri-negeri di Malaysia telah mentafsirkan mak nyah dengan pelbagai tafsiran, seperti berikut:

- i. Akta 559 Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan tahun 1997, mentafsirkan mak nyah ialah mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral.
- ii. Bagi lelaki yang berlagak perempuan dan sebaliknya di negeri ini bakal dikenakan tindakan menurut Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah 2012 dan Rang Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah (Pindaan) 2012. Negeri Pahang. Kesalahan itu terkandung dalam Rang Undang-Undang Jenayah Syariah dalam Bahagian IV iaitu kesalahan berhubungan dengan kesusilaan.

- iii. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang, Seksyen 28 menyatakan "Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya".

Undang-undang sivil telah mentafsirkan mak nyah berasaskan kes Wong Chiou Yong vs. Pendaftar Besar/Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2005 adalah lebih khusus, di mana hakim kes tersebut mengenal pasti 'Mak Nyah' sebagai:

*"a person who has undergone hormonal and surgical treatment to change some of the physical characteristics in order to conform more closely to the opposite sex but the biological bodies and functions of their initial sex remained."*

### **DEFINISI MAK NYAH MENURUT SYARAK**

#### ***Mazhab Hanafi***

Iaitu sifat lembut pada perbuatan yang menyerupai perempuan sedangkan dia lelaki. Dia dianggap sebagai orang yang fasik kerana cenderung kepada sifat kewanitaan.

#### ***Mazhab Maliki***

Kecenderungan yang begitu kuat kepada sifat wanita pada kejadiannya hingga hampir sama dari sudut kelembutan, percakapan, pandangan, suara, akalan dan perbuatan

#### ***Mazhab Shafie***

Siapa yang berkelakuan seperti wanita sama ada dalam pergerakannya atau keadaannya. Jika dengan sebab kejadian semulajadi, maka tidak dikira berdosa.

#### ***Mazhab Hanbali***

Seseorang yang tiada syahwat, maka dihukum seperti dalam zawiil al-arham dalam bab melihat.

Dari sudut istilah feqah mentafsirkan khunsa kepada dua:

- i. Seseorang yang mempunyai alat kelamin lelaki dan perempuan
- ii. Atau tiada baginya kedua-dua alat kelamin kecuali yang keluar darinya air kencing Ulama' fiqh membahagikan khunsa kepada dua:

i. ***Khunsa Wadhih (nyata)***

Memiliki tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan dan dapat dibezakan samada lelaki atau perempuan semasa bayi oleh warisnya melalui pemerhatian sifat dan ciri alat kelamin tersebut atau berdasarkan dari alat yang mana satu tempat keluar air kencing terlebih dahulu. Jantina dapat dikenal pasti dengan jelas berdasarkan yang mana alat yang lebih dominan berbanding dengan yang satu lagi yang kurang berfungsi.

ii. ***Khunsa Musykil (tidak nyata)***

Individu yang mempunyai dua alat kelamin dan air kencing keluar serentak dari kedua-dua alat tersebut dan identiti jantinanya sukar dibezakan atau hanya dapat dibezakan setelah baligh. Musykil itu hilang apabila dapat ditentukan dari mana tempat mula keluar air kencing atau kuantiti yang paling banyak atau dikira yang paling akhir berhenti. Jantina mereka juga boleh ditentukan setelah baligh dengan tanda-tanda yang dikenal pasti sama ada memiliki ciri-ciri kewanitaan, seperti kedatangan haid atau kelelakian seperti tumbuh janggut dan misai.

## TAJUK 2 : KAEDEH PENENTUAN JANTINA KHUNSA DARI PERSPEKTIF SYARIAH DAN PERUBATAN

Objektif :

Pada akhir sesi ini peserta akan dapat

- i. Penjelasan mengenai khunsa dari sudut syarak dan perubatan
- ii. Menguraikan perbezaan antara khunsa dan mak nyah

### PERSPEKTIF SYARIAH

Allah telah menetapkan jantina manusia, sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud :

*"Wahai umat manusia, Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal kenalan dan beramah mesra antara satu sama lain. Sesungguhnya disisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan bangsanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya akan keadaan dan amalan kamu"*

Islam mengakui terdapat manusia yang dipanggil khunsa yang mempunyai dua alat kelamin, lelaki dan perempuan. Khunsa terbahagi kepada dua ; wadhih (nyata) dan musykil (tidak nyata). 'Khunsa wadhih' ialah khunsa yang nyata memiliki tanda dominan kelelakian atau keperempuanan . 'Khunsa musykil ' tiada tanda dominan , sukar dibezakan seperti air kencing keluar serentak atau hanya dapat dibezakan setelah baligh.

Mengenai isu jantina dan Orientasi Seksual Dan Identiti Jantina (OSIJ) ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia berpandangan seperti berikut:

#### I. Muzakarah Ke-25 pada 13 Disember 1989 menyimpulkan bahawa:

- a. Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.
- b. Seseorang yang dilahirkan "khunsa musykil" (hermaphrodites) iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan haruskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

- II.** Muzakarah turut memberi pengecualian mengenai penukaran jantina dalam isu kekeliruan jantina Congenital Adrenal Hyperplasia dan Testicular Feminization Syndrome sebagai kategori “khunsa musykil” seperti berikut:
- Bagi kes Congenital Adrenal Hyperplasia (CAH) pembedahan jantina untuk kembali kepada genetik asal iaitu perempuan adalah diharuskan oleh Islam kerana ia boleh dilakukan melalui rawatan hormon dan pembedahan;
  - Manakala bagi kes Testicular Feminization Syndrome (TSF), untuk kembali kepada genetik asal (lelaki) secara pembedahan atau rawatan hormon adalah sukar. Sekiranya individu berkenaan bercadang untuk melakukan juga pembedahan, ia adalah diharuskan selagi mana perbuatan tersebut tidak mendatangkan kemudaratan sama ada dari aspek psikologi atau biologi kepada individu tersebut; dan
  - Bagi kes Testicular Feminization Syndrome yang dikesan ketika dewasa, individu tersebut boleh menjalani kehidupan seperti biasa dan jantina mereka diiktiraf berdasarkan fizikal dan genitalia zahir mereka. Pembedahan untuk mengeluarkan testis (sekiranya ada) adalah harus untuk mengelakkan risiko penyakit seperti mendapat kanser. Perkahwinan dengan pasangan mengalami Testicular Feminization Syndrome tidak perlu dipisahkan
- III.** Muzakarah juga menyimpulkan bahawa hukum lelaki menyerupai wanita (mak nyah) dan wanita menyerupai lelaki (pengkid) adalah haram di sisi agama. Perkahwinan transgender dikira haram dan tidak sah kerana mereka tetap lelaki atau perempuan. Hubungan yang berlaku ialah homoseks.
- IV.** Muzakarah Kali Ke-67 pada 14 April 2005 menyimpulkan hukum menukar status jantina di MyKad seperti berikut:
- Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang diharuskan oleh syarak adalah harus.
  - Menukar status jantina dalam MyKad bagi pemilik yang menjalani pembedahan jantina yang tidak dibenarkan oleh syarak adalah haram.

## SUDUT PERUBATAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menentukan sama ada seseorang individu itu lelaki atau perempuan hanya mengiktiraf jantina biologi seseorang. Ini merujuk kepada 'Omrod Test' dimana faktor biologi seseorang ditentukan oleh tiga (3) perkara iaitu :

- i. Faktor kromosom
- ii. Kehadiran gonads (ovari atau testis)
- iii. Bentuk alat kelamin seseorang itu semasa dilahirkan.

Jantina akan dikenal pasti melalui kaedah ini dan rawatan seperti 'reconstructive surgery' akan dijalankan bagi 'khunsa musykil' atau kekeliruan jantina sebelum kanak-kanak berusia tiga tahun atas faktor kesihatan dan psikologi.

Gonad (ovari dan testis) dibentuk berdasarkan genetik janin. Setiap tubuh mempunyai 46 kromosom dan 23 pasang. Pasangan kromosom yang ke-23 ini menentukan jantina manusia sama ada lelaki (46xy) atau perempuan (46xx)

Dalam kes *Ambiguous Genitalia (Congenital Adrenal Hyperplasia (CAH))*, jantina bayi sukar ditentukan kerana bayi mengalami lebihan hormon yang bertentangan dengan jantina biologi mereka.

Kesilapan pegawai perubatan mungkin menyebabkan bayi dibesarkan sebagai jantina berbeza. Penentuan jantina bayi ini perlu ditangguhkan bagi membolehkan ujian hormon, genetik dan seumpamanya dijalankan, khasnya oleh pakar pediatrik dan endokrinologi.

Dalam kes *Testicular Feminization Syndrome (TFS)* atau *Male Psdohermsphroditism*, ia biasa terjadi disebabkan tisu-tisu yang sepatutnya berkembang menjadi organ lelaki tidak respon kepada hormon lelaki. Oleh itu, organ seks mirip seperti perempuan dan selalunya dibesarkan sebagai perempuan kerana perlakuan serta ciri-ciri sekunder adalah perempuan. Ujian genetik akan mengesahkan kehadiran kromosom lelaki, iaitu 46 xy tetapi individu selesa meneruskan hidup sebagai perempuan .

## TAJUK 3 : KEDUDUKAN MAK NYAH DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN

### Objektif :

Pada akhir sesi peserta akan dapat memahami :

- i. Memahami kedudukan mak nyah daripada sudut perundangan Islam.
- ii. Memahami kedudukan mak nyah daripada sudut perundangan sivil.
- iii. Membuat perbandingan kedudukan mak nyah daripada sudut perundangan Islam dan sivil.

#### UNDANG-UNDANG ISLAM

Dalam Islam, amalan tersebut adalah diharamkan sama sekali dan termasuk dalam golongan dosa-dosa besar. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa nas yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah, iaitu seperti yang berikut:

#### Dalil Al-Quran

##### i. Surah Al-A'raf (Ayat 80-81)

*“Dan Nabi Lut ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsumu bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.”.*

##### ii. Surah Hud (Ayat 77-83)

*“Dan apabila datang utusan Kami kepada Nabi Lut, ia merasa dukacita dengan kedatangan mereka dan merasa tidak berdaya untuk mengawal mereka (dari gangguan kaumnya), sambil berkata: Ini adalah hari yang amat mencemaskan.*

*Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku, mereka lebih suci bagimu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu, takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?*

*Mereka menjawab: Sesungguhnya engkau telah pun mengetahui bahwa kami tidak ada sebarang hajat kepada anak-anak perempuanmu, dan sebenarnya engkau sedia mengetahui akan apa yang kami kehendaki.*

*Nabi Lut berkata: Kalau lahir aku ada kekuatan untuk menentang kamu, atau aku dapat bertumpu ke sesuatu tempat bertahan yang kuat (dari penyokong-penyokong, tentulah aku akan membinasakan kamu).*

*(Mendengarkan yang demikian), tetamunya berkata: Wahai Lut! Sesungguhnya kami adalah (malaikat) utusan Tuhanmu. Kaum engkau yang jahat itu tidak sekali-kali akan dapat melakukan kepada mu (sebarang bencana). Oleh itu pergilah berundur dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam, dan janganlah seorang pun di antara kamu menoleh ke belakang. Kecuali isterimu, sesungguhnya ia akan ditimpah azab yang akan menimpa mereka (kerana ia memihak kepada mereka). Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpa azab kepada mereka ialah waktu subuh; bukankah waktu subuh itu sudah dekat?*

*Maka apabila datang perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu tonggang terbalik, dan Kami hujaninya batu-batu dari tanah terbakar bertalu-talu.*

*Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu, dan ia pula tidaklah jauh dari orang yang zalim itu.”*

## **Dalil Hadith**

### i. **Hadith riwayat Ibn Abbas**

*“Siapa saja yang engkau dapatti mengerjakan perbuatan homoseksual maka bunuhlah kedua pelakunya”. (Ditakhrij oleh Abu Dawud 4/158, Ibn Majah 2/856, At Turmuzi 4/57 dan Darru Quthni 3/124).*

### ii. **Hadith Jabir**

*“Sesungguhnya yang paling aku takuti (menimpa) umatku adalah perbuatan kaum Luth”. (HR Ibnu Majah:2563, 1457. Tirmidzi berkata: Hadits ini hasan Gharib, Hakim berkata, Hadits shahih Isnad).*

### iii. **Hadits Ibnu Abbas:**

*“Allah melaknat siapa saja yang melakukan perbuatan kaum Luth, (beliau mengulanginya sebanyak tiga kali)”. (HR Nasa'i dalam As-Sunan Al-Kubra IV/322 No.7337).*

### iv. **Imam Al-Baihaqi dari Abi Musa Al Asy'ari r.a.:**

*“Apabila seorang lelaki mendatangi lelaki maka mereka berdua berbuat zina, dan apabila seorang wanita mendatangi wanita maka mereka berdua berbuat zina.”.*

### v. Dr. Wahbah Az-Zuhaili (*Kitab Fiqh Islami Wa Adillatuhu jilid 7, hal. 5346*) telah dinyatakan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

*“Sihaq di antara wanita (lesbian) itu adalah zina.”.*

## **Undang-Undang Syariah Negeri-Negeri**

*Perbuatan lesbian, gay, dwiseksual dan transgender merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang Islam di Negeri-Negeri. Di samping itu, Kanun Kesiksaan juga memperuntukkan kesalahan bagi perbuatan kelucahan melampau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 377D seperti yang berikut:*

## ***Outrages on decency***

*377D. Any person who, in public or private, commits, or abets the commission of, or procures or attempts to procure the commission by any person of, any act of gross indecency with another person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years.*

Peruntukan ini telah digunakan bagi kesalahan liwat yang telah dilakukan oleh perayu dalam kes Sukma Darmawan Sasmitaat Madja v. Ketua Pengarah Penjara Malaysia, (1999) 1 M.L.J. 266.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa mengenai transgender yang melibatkan pembedahan alat kelamin, dan ia telah pun dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-126 pada 24 Februari 1983. Fatwa itu berbunyi seperti berikut:

- a) Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak, dan
- b) Seseorang yang dilahirkan "khunsa musykil" iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.".

Meskipun fatwa hanya mengikat umat Islam, namun ia perlu dianggap sebagai panduan moral yang sewajarnya dihormati oleh setiap individu tanpa mengira agama. Kebebasan beragama yang diperuntukkan di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan juga tidak membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perkara 11(5) Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama negara, standard moral yang perlu dipatuhi oleh setiap individu di negara ini adalah berdasarkan standard moral agama Islam.

## **Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan**

- i. Fasal (1) Perkara 8 menyatakan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.
- ii. Fasal (2) Perkara 8 memperuntukkan bahawa tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata, antara lain, atas alasan agama atau jantina dalam mana-mana undang-undang.

Berdasarkan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan tersebut adalah jelas bahawa apa yang dilindungi oleh Perlembagaan ialah hak kesamarataan dari segi jantina seseorang dan bukannya kecenderungan seks seseorang seperti lesbian, gay dan dwiseksual. Justeru, bagi lelaki dan wanita yang mengamalkan cara hidup sebagai lesbian, gay dan dwiseksual, hak mereka sebagai seorang lelaki atau wanita tetap dilindungi oleh Perlembagaan, iaitu sama dengan lelaki dan wanita yang lain.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa memastikan yang setiap undang-undang yang digubal di negara ini mematuhi kehendak Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan tersebut.

Amalan cara hidup sebagai lesbian, gay dan biseksual sebenarnya adalah bertentangan dengan undang-undang, norma agama dan moral di negara ini. Amalan ini dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah dan tidak patut dibenarkan berlaku dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum. Jika dibenarkan, ia boleh mencetuskan suatu suasana yang boleh mencetuskan kekeliruan, kacau bilau dan huru hara dalam masyarakat negara ini. Selain itu, ia juga boleh dilihat sebagai tidak menghormati dan mencabar kedudukan Islam sebagai agama negara di bawah Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

## BAB 2 : HAK ASASI MANUSIA

### TAJUK 1 : HAK ASASI MANUSIA : MAK NYAH

#### Objektif :

Pada akhir sesi peserta akan dapat memberi kefahaman :

- i. Kedudukan mak nyah dari sudut hak asasi manusia
- ii. Kedudukan mak nyah dari sudut perspektif Islam dan Barat
- iii. Kedudukan mak nyah di Malaysia

#### Definisi Hak Asasi Manusia (HAM)

Asas kepada kebebasan, keadilan dan keamanan dunia. Pengabaian terhadap HAM akan mengakibatkan kemasuhan kepada alam dan penghuninya.

#### Perbezaan HAM antara Islam dan Barat

HAM menurut Islam adalah berbeza dari pandangan barat, contohnya setiap manusia mempunyai kebebasan beragama dan mengamalkan kepercayaan mengikut agama yang dianuti. Namun kebebasan beragama ini tidak terpakai kepada manusia yang beragama Islam. Kerana setiap Muslim menukar agama itu bukan hak tetapi adalah menjadi satu kesalahan.

Surah Al-Araf, ayat 80-81, menceritakan mengenai kisah kaum Nabi Lut;

*"Dan Nabi Lut juga (kami utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya : "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seseorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas"*

*(surah al-A'raf ayat 80-81)*

HAM menurut perspektif barat diukur berdasarkan kepada kebebasan seseorang individu untuk bebas membuat pilihan contohnya sekiranya seseorang itu sosialnya lebih terarah kepada sifat keperempuanan atau feminin akan diiktiraf sebagai perempuan walaupun sifat biologinya lelaki dan begitulah sebaliknya. Oleh kerana itulah mereka mengiktiraf hubungan atau perkahwinan sesama jenis dan hubungan tanpa batasan jenis seksual.

**Deklarasi Kaherah Mengenai Hak asasi Manusia Dalam Islam  
The Cairo Declaration Of Human Rights In Islam (CDHRI)**

Negara-negara OIC telah bersetuju dan menetapkan hak asasi manusia berdasarkan syariah Islam. Antara peruntukan CDHRI yang berkaitan dengan mak nyah secara langsung dan tidak langsung ialah:

- Perkara 1 (a) (b)  
Kesamarataan manusia dan keimanan kepada Allah
- Perkara 5 (a) (b)  
Islam mengiktiraf konsep kekeluargaan berdasarkan kepada fitrah semula jadi tanpa sekatan bangsa dan negara
- Perkara 8  
Setiap manusia mempunyai hak dalam nasab kejadian masing-masing
- Perkara 9 (a) (b)  
Setiap manusia mempunyai ruang dan peluang untuk mendapatkan pendidikan untuk membolehkan mengenali agama Islam dan fakta alam semesta.
- Perkara 10  
Islam adalah agama fitrah yang tidak memaksa manusia untuk menganutinya.
- Perkara 11 (a)  
Fitrah manusia mempunyai kebebasan yang tidak boleh dieksplotasi oleh manusia yang lain melainkan kehendak Pencipta.
- Perkara 12  
Fitrah manusia mempunyai hak kebebasan untuk bergerak tanpa sebarang halangan.
- Perkara 13  
Kebebasan dan hak bekerja.
- Perkara 15 (a) (b)  
Hak pemilikan harta.

- Perkara 17 (a) (b) (c)  
Persekutuan bersih, perubatan dan tanggungjawab sosial, kemudahan awam yang disediakan. Kerajaan perlu memastikan semua individu mendapat hak keperluan masing-masing.
- Perkara 18 (a) (b) (c)  
Hak kehidupan individu yang tidak boleh dicabuli dalam urusan peribadi dan rumah tangga serta harta benda.
- Perkara 19 (a) (b) (c) (d) (e)  
Kesemarataan dalam undang-undang.
- Perkara 22 (a) (b) (c) (d)  
Berhak mengutarakan pandangan secara bebas yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah.
- Perkara 24  
Semua hak dan kebebasan ditetapkan dalam deklarasi ini tertakluk kepada syariat Islam.
- Perkara 25  
Syariah Islam merupakan satu-satunya rujukan untuk memberikan penjelasan atau klasifikasi kepada semua perkara yang termaktub dalam deklarasi ini.

## **TAJUK 2 : GERAKAN MELAMPAU; LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT), SEXUAL ORIENTATION AND GENDER IDENTITY (SOGI)**

### **Objektif :**

Pada akhir sesi peserta akan dapat memahami :

- i. Gerakan LGBT peringkat antarabangsa
- ii. Gerakan LGBT peringkat Asean
- iii. Gerakan LGBT di Malaysia
- iv. Tuntutan golongan LGBT

Gerakan Hak Homoseksual (GH), gerakan hak gay atau liberasi gay berkongsi matlamat untuk menyokong hak-hak asasi manusia (HAM) dan persamaan buat golongan lesbian, gay, biseksual dan transeksual ( LGBT). Gerakan ini mendesak supaya undang-undang liwat yang mengharamkan perlakuan homoseksual secara sukarela dibatalkan dan menyeru agar ditamatkan diskriminasi dalam pekerjaan, pinjaman, perumahan, tempat tinggal dan ruangan kehidupan

Dipercayai komuniti ini bergerak agresif sama ada secara bersama dan secara berasingan sebagai gerakan sivil melintasi sempadan agama, bangsa dan negara melalui proses lobi sosiopolitik.

Isu sebenar GH, LGBT atau “Kumpulan Minoriti Seks” (KMS) ialah perlakuan. Penyamarannya sebagai gerakan hak sivil mengalihkan isu “perlakuan” kepada isu “hak” minoriti terpinggir, disalahfahami dan diancam bagi mempengaruhi polisi awam dan penerimaan masyarakat.

#### **ANTARABANGSA**

- International Lesbian & Gay Human Rights Commission –ILGHRC ([www.iglhrc.org](http://www.iglhrc.org)),
- International Lesbian and Gay Association –ILGA (<http://ilga.org/>),
- International Association of Pride Organizers (<http://www.interpride.org>)
- Pink Triangle Coalition

## 'ASEAN'

- ASEAN Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, Intersex and Queer (LGBTIQ) People's Caucus

## MALAYSIA

### i. Seksualiti Merdeka ([www.seksualitimerdeka.org](http://www.seksualitimerdeka.org))

Seksualiti Merdeka merupakan satu acara tahunan sejak 2008 mengenai hak seksualiti yang diadakan di Kuala Lumpur dengan kerjasama NGO di Malaysia. Antara program yang diadakan ialah bengkel, perbincangan, pemutaran filem, penulisan surat dan hal-hal yang lain berkaitan seksualiti. Mereka menggunakan istilah Seksualiti Merdeka untuk mengingatkan bahawa walaupun kita telah berpuluh tahun merdeka, namun tidak semua rakyat Malaysia yang dapat menzahirkan diri mereka yang sebenar.

Matlamat seksualiti merdeka adalah, mereka percaya bahawa setiap orang di Malaysia berhak untuk bebas dari diskriminasi, keganasan ataupun gangguan hanya kerana orientasi seksual dan identiti jantina mereka. Mereka percaya bahawa mereka semua berhak untuk bertanggungjawab terhadap tubuh mereka sendiri. Mereka percaya setiap orang berhak untuk menyayangi dan disayangi sama ada dia gay, lesbian, biseksual, transgender, heteroseksual, asekual, pansexual dan sebagainya.

Antara badan gabungan dan rujukan yang didakwa terlibat ialah :

- i. Malaysia Bar Council
- ii. SUARAM
- iii. Empower
- iv. PT Foundation
- v. United Nation
- vi. Amnesty International Malaysia
- vii. Majlis AIDS Malaysia
- viii. The Safe Clinic, Prinsip Yogyakarta dan para clinician, 3 kaunselor dan 10 psikologi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
- ix. Malaysian Chinese Association (MCA)
- x. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan)
- xi. Sisters In Islam (SIS)

# **MODUL 2**

## **MAK NYAH DARI PERSPEKTIF ISLAM**



### **Tujuan**

*Modul ini bertujuan menjelaskan berkaitan;*

- i. Konsep mak nyah menurut persepektif Islam*
- ii. Hukum hakam yang berkaitan mak nyah menurut perspektif Islam;*
- iii. Fatwa dan pandangan ulama berkaitan mak nyah*

## TAJUK 1 : MAK NYAH DARI PERSPEKTIF ISLAM

### Objektif :

Pada akhir sesi, peserta akan dapat :

- i. Memahami takrif mak nyah menurut perspektif Islam;
- ii. Mengetahui mengenai pembahagian mukhannas dalam Islam;
- iii. Menghuraikan mengenai bentuk dan hukum penyerupaan menurut perspektif Islam.

### PENGENALAN

Isu golongan wanita membawa imej lelaki dan lelaki membawa imej wanita telah lama diperkatakan. Perempuan yang membawa imej lelaki ini dikenali sebagai tomboi ataupun pengkid, manakala lelaki yang membawa imej wanita ini dikenali sebagai mak nyah ataupun pondan.

Mak nyah ataupun pondan adalah berbeza daripada khunsa. Khunsa merujuk kepada seseorang yang dilahirkan dengan mempunyai dua alat kelamin. Mak nyah pula merupakan seseorang yang dilahirkan sebagai lelaki tetapi mempunyai naluri keperempuanan yang mendalam. Mak nyah atau pondan ini ditakrifkan sebagai lelaki yang lebih bersifat keperempuanan, juga dikenali sebagai bapuk. Secara lebih jelas, mak nyah adalah merujuk kepada lelaki yang mempunyai penampilan fizikal.

### TAKRIF MAK NYAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Istilah mak nyah dalam bahasa Arab dikenali sebagai mukhannas. Asal perkataannya <sup>1</sup> yang menunjukkan pecah seperti pecahnya mulut botol, tempayan atau bekas minuman. Lelaki mukhannas memberi maksud penyerupaan percakapannya dari sudut lembut dan lunak serta menggoda seperti wanita.<sup>2</sup>

Para ulama telah membincangkan secara lebih mendalam mengenai takrif mukhannas. Pandangan imam-imam mazhab mengenai mukhannas adalah seperti berikut :

<sup>1</sup>Kamus Dewan Edisi Empat

<sup>2</sup>Kamus Dewan Edisi Empat

<sup>3</sup>Lihat Lisan al-Arab 2/145, Mu'jam Maqayyis al-Lughah 2/180, al-Sihah fi al-Lughah 1/189, Taj al-Arus 5/241.

i. **Mazhab Hanafi:**

Iaitu sifat lembut pada perbuatan yang menyerupai perempuan sedangkan dia lelaki. Dia dianggap sebagai orang yang fasik kerana cenderung kepada sifat kewanitaan.<sup>4</sup>

ii. **Mazhab Maliki:**

Kecenderungan yang begitu kuat kepada sifat wanita pada kejadiannya hingga hampir sama dari sudut kelembutan, percakapan, pandangan, suara, akalan dan perbuatan.<sup>5</sup>

iii. **Mazhab Syafie:**

Siapa yang berkelakuan seperti wanita sama ada dalam pergerakannya atau keadaannya. Jika dengan sebab kejadian semulajadi, maka tidak dikira berdosa.<sup>6</sup>

iv. **Mazhab Hambali:**

Seseorang yang tiada syahwat, maka dihukum seperti dalam zawil al-arham dalam bab melihat.<sup>7</sup>

## PEMBAHAGIAN MUKHANNAS

Para ulama telah membahagikan mukhannas kepada dua golongan:

- i. Seorang lelaki yang sifat fizikalnya secara semulajadi adalah lembut dan tiada sebarang perbuatan sumbang yang dilakukannya. Mengikut pendapat kebanyakan ulama, ia tidaklah menjadi kesalahan jika mutlak keadaannya seperti itu dan ia tidak mampu meninggalkan kelembutannya. Inilah yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam al-Majmu'.
- ii. Sifat yang dibuat-buat sehingga seorang lelaki menjadi lembut seperti wanita. Ia termasuklah menggayakan pakaian wanita dan melakukan pembedahan menukar jantina. Hukumnya tidak dibolehkan dan dicela.

<sup>4</sup>Lihat al-Mabsuth 12/382

<sup>5</sup>Lihat al-Tamhid 23/273

<sup>6</sup>Lihat Mughni al-Muhtaj 4/430

<sup>7</sup>Lihat al-Mughni 7/462

## BENTUK PENYERUPAAN (TASYABBUH)

Tasyabbuh atau penyerupaan bermaksud seorang perempuan yang menyerupai lelaki atau sebaliknya. Dari segi Fiqh, tasyabbuh bermaksud seorang perempuan yang menyerupai lelaki atau lelaki yang menyerupai perempuan dalam perkara-perkara berikut:

- Pakaian.
- Perhiasan.
- Percakapan dan suara.
- Gaya berjalan dan gerak badan.
- Mengubah bentuk fizikal badan.

Dari segi hukum, terdapat beberapa perbuatan golongan mukhannas yang dianggap tercela iaitu:

### Pertama: Menginaikan kedua belah tangan dan kaki.

Ini berdasarkan kepada hadis yang masyhur supaya dibuang daerah<sup>8</sup>. Al-Syaukani berkata:

Telah menjadi sepakat perbuatan menginai kedua belah kaki dan tangan adalah perbuatan wanita.<sup>9</sup>

### Kedua: Memukul gendang.

Syaikhul Islam berkata: Apabila nyanyian dan memukul gendang adalah perbuatan wanita, maka salaf al-soleh menamakan lelaki yang melakukan perbuatan tersebut

<sup>8</sup>Lihat *al-Majmu'* 1/294

<sup>9</sup>Lihat *al-Sail al-Jarrar* 4/126, *Hasyiah Panah al-Talibin* 2/340 dan *al-Zawajir* 1/405)

sebagai mukhannas dan lelaki yang menyanyikannya pula dipanggil sebagai mukhanitha.<sup>10</sup>

### Ketiga: Nyanyian.

Kata Syaikhul Islam: Perkara baru yang mereka lakukan juga ialah mendengar kepada nyanyian lelaki yang lebih dikenali sebagai ahli fusuq. Boleh jadi mereka juga mendengar dari kalangan remaja lelaki atau wanita yang cantik.<sup>11</sup>

### Keempat: Menari.

Pandangan ulama mengenai hukum menari:

i. **Mengikut Mazhab Hanafi:**

Siapa yang menghalalkan tarian, hukumnya kafir.<sup>12</sup>

ii. **Mengikut Mazhab Syafie:**

Hukum menari adalah tidak haram kecuali dalam bentuk menggayakan kepondanan seperti yang dilakukan oleh mukhannas.<sup>13</sup>

iii. **Mengikut Mazhab Maliki dan Hanbali:**

Hukum tarian adalah makruh.<sup>14</sup>

## TAJUK 2 : HUKUM-HUKUM BERKAITAN MUKHANNAS

Para ulama' telah membincangkan beberapa hukum-hakam yang berkaitan dengan golongan *mukhannas*. Antaranya:

### 1. Hukum *tasyabhu* atau penyerupaan

Hukum *tasyabhu* adalah haram bahkan salah satu dosa besar kerana telah *thabit* nas-nas syarie bahawa Allah SWT melaknat orang yang melakukannya. Antara dalil pengharaman *tasyabhu* adalah:

<sup>10</sup>Lihat Majmu' al-Fatawa 11/565-566, Raudah al-Talibin 6/121, Mughni Muhtaj 4/430 dan al-Mughni 12/40)

<sup>11</sup>Lihat Majmu' al-Fatawa 11/565-566

<sup>12</sup>Lihat Hasyiah Ibn Abidin 4/259

<sup>13</sup>Lihat al-Minhaj 1/496

<sup>14</sup>Lihat Hasyiah al-Sawi 5/217, al-Insaf 6/89 dan Syarah Muntaha al-Iradat 2/277

## Pertama: Dalil daripada al-Quran

Firman Allah SWT:

وَلَا أُضْلِنُهُمْ وَلَا مُبْيِنُهُمْ وَلَا مُرْتَهِنُهُمْ فَلَيَبْيَكُنَّ إِذَا رَأَوْا أَنَّا نَعْصِمُ وَلَا مُرْتَهِنُهُمْ فَلَيَغْيِرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ  
الشَّيْطَنَ وَلِيًّا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ حَسِرَ خُسْرَانًا مُبِينًا ﴿١١﴾

**Maksudnya:** Dan Aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya dan akan Aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka merubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata.

(Surah al-Nisa': 119)

Syiekh al-Maghari berkata: Mengubah ciptaan Allah SWT bermaksud mempergunakan ciptaan Allah SWT tidak menurut ketentuan yang semestinya. Apa yang dimaksudkan dengannya adalah mengubah fungsi seperti melakukan 'pengkasian'.

## Kedua: Dalil daripada al-Sunnah

Terdapat banyak dalil, antaranya:

- *Daripada Ibn Abbas R.A dia berkata: Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang perempuan yang menyerupai lelaki."*
- *Dalam riwayat lain Rasulullah SAW telah melaknati orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang yang menyerupai kaum lelaki daripada kalangan perempuan.*
- Daripada Ummu Salamah R.A, katanya Rasulullah SAW masuk ke rumahku dan di sisiku seorang mukhannas. Kemudian Baginda mendengar dia berkata kepada Abdullah bin Umayyah: Hai Abdullah, jika Allah buka kepadamu bumi Taif besok, maka hendaklah kamu pergi kepada anak perempuan Ghailan kerana dia menghadap dengan empat dan membelakangi dengan lapan. Rasulullah SAW bersabda: "Mereka ini jangan dibenarkan masuk kepadamu." (Muttafaq alaih)

- Daripada Ibn Abbas r.a katanya, Nabi SAW telah melaknat golongan *mukhannas* dari kalangan lelaki dan *mutarajil* dari kalangan wanita seraya bersabda: “Keluarkan mereka dari rumah kamu,” (Hadis riwayat al-Bukhari)

Ibn Uthaimin dalam komentarnya terhadap masalah ini berkata: *“Ini kerana penyerupaan boleh membawa kepada kecacatan sunnatullah pada makhluk-Nya yang diciptakan lelaki dan perempuan.”*

### **Perkara yang tidak dikira penyerupaan**

Perlu dijelaskan terdapat perkara yang tidak dikira sebagai penyerupaan. Mengikut Sa’id Hawwa: *“Penyerupaan perkara baik tidak dikira keji dan hina seperti yang dinyatakan oleh Syeikh Abu Jamrah.*

Begitujuga dengan Ibn al-Athir yang menyokong pendapat ini jika penyerupaan itu berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan buah fikiran.

Ibn Hajar berkata: Adapun keadaan pakaian bersalahan dengan adat-adat setiap negeri, boleh jadi sesuatu bangsa tidak membezakan pakaian golongan perempuan mereka dengan golongan lelaki tetapi berlainan dengan masalah hijab.

Al-Son’ani mengandaikan bahawa yang diizinkan ialah jika menjadi sifat asal bukan menjadi perangai atau sifat.

Seperti yang dinyatakan oleh al-Syarbasi bahawa lelaki itu tetap lelaki dan perempuan itu tetap perempuan. Antara kedua-duanya terdapat perbezaan tubuh badan dan kerja-kerja yang khusus. Sehingga disebut: *“Sebanyak manapun usaha perempuan untuk meniru lelaki, paling banyak pun yang dapat dicapainya ia tidak lagi menjadi lelaki dan tidak pula menjadi perempuan.”*

### **2. Hukum membunuhan golongan mukhannas**

Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud; daripada Abu Hurairah r.a berkata, bahawa Rasulullah SAW telah dibawa kepadanya seorang *mukhannas* yang menginaikan kedua tangan dan kakinya.

Lantas Baginda bertanya: Kenapa ini? Jawab sahabat: Ia cuba menyerupai dengan wanita. Lantas Baginda memerintahkannya untuk dibuang daerah ke satu tempat bernama Naqi'. Kemudian sahabat bertanya: Adakah layak kami membunuhnya? Lantas Baginda bersabda: "Sesungguhnya aku dilarang daripada membunuh orang yang bersolat." (Hadis ini telah disahkan atau dihasankan oleh al-Bani)

Daripada hadis ini menunjukkan bahawa *mukhannas* tidak boleh dibunuh dengan sewenang-wenangnya.

### 3. Hukum syahadah atau penyaksian *mukhannas*

Ulama telah khilaf dalam penyaksian *mukhannas* kepada beberapa pendapat:

- i. Mazhab Hanafi berpendapat tidak boleh diterima syahadahnya yang ada percakapan lembut dan menggoda jika dia berniat dengan sengaja meniru wanita. Adapun jika sifat tabiatnya seperti itu dan dia tidak dikenali dengan perbuatan yang tidak baik, maka dia adalah adil dan diterima penyaksianya.<sup>15</sup>
- ii. Dalam mazhab Syafie dan Hambali, menganggap bahawa *mukhannas* ditolak penyaksianya dan haram perbuatan tersebut jika sengaja melakukannya tetapi jika secara semulajadi maka tidak mengapa.<sup>16</sup>
- iii. Mazhab Maliki menganggap hendaklah ditolak penyaksian mereka.<sup>17</sup>

<sup>15</sup>Lihat Fath al-Qadir 17/130.

<sup>16</sup>Lihat al-Muhazzab 2/325, al-Majmu' 20/227 dan al-Mughni 12/40.

<sup>17</sup>Lihat Hasyiah al-Dusuki 4/166, Hasyiah al-Sawi 9/393.

#### 4. Hukum sembelihan mukhannas dan masakannya

Ulama telah khilaf berkenaan dengan hukum di atas, antaranya:

- Mazhab Hanafi menganggap sembelihan mukhannas adalah harus.<sup>18</sup>
- Mazhab Maliki pula menghukumkan sebagai makruh sembelihan orang yang fasik.<sup>19</sup>
- Mazhab Syafie pula menganggap orang yang fasik masih lagi ahli sembelihan yang sah.<sup>20</sup>
- Mazhab Hambali pula, menurut pandangan yang sahih menghukumkan harus sembelihan orang yang fasik.<sup>21</sup>

#### 5. Penyerupaan dari sudut pakaian

Sabda Baginda lagi yang bermaksud: “*Dari pada Abu Hurairah r.a dia berkata: “Rasulullah SAW telah melaknat orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan orang perempuan yang memakai pakaian lelaki.”*

Imam al-Zahabi berkata: “Apabila wanita memakai pakaian yang dipakai oleh lelaki dan berlagak seperti seorang lelaki dengan pakaianya yang serba sempit, yang kelihatan jelas badannya, maka yang demikian itu dia sudah menyerupai lelaki dan dia sudah berhak menerima kutukan Allah SWT dan Rasulnya. Dan kutukan ini akan menimpa juga suaminya, jika dia yang menyuruh isterinya berpakaian seperti itu ataupun dia rela isterinya berpakaian seperti itu, dan tidak mencegahnya sebab seorang suami wajib berusaha untuk meluruskan (memperbetulkannya) isterinya supaya taat kepada perintah Allah SWT dan RasulNya dan menjauhkannya daripada melakukan dosa dan maksiat. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوْمًا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَيْكَةٌ غِلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَقْعُلُونَ مَا يُؤْمِنُونَ

**Maksudnya:** Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

(Surah al-Tahrim: 6)

<sup>18</sup>Lihat al-Jauharah al-Nayirah 5/528 dan al-Fatawa al-Hindiah 5/286.

<sup>19</sup>Lihat al-Fawaqih al-Dawani 1/385 dan Taj al-Iklil 3/213.

<sup>20</sup>Lihat al-Majmu' 9/80 dan Hasyiah al-Jamal 10/341.

<sup>21</sup>Lihat al-Mughni 11/36, Syarah Muntaha al-Iradat 3/418. Ini juga merupakan pendapat Zahiri, lihat al-Muhalla 7/457.

## 6. Hukum Berkaitan Rambut

Syeikh Dr. Salih bin Fauzan bin Abdullah al-Fauzan menyebut dalam kitabnya *Tanbihat 'ala Ahkam Takhtasu Bilmu'minat* bahawa wanita Muslimah harus memelihara rambutnya dan membiarkannya panjang dan haram mencukur atau memotongnya kecuali kerana dharurat.

Syeikh Muhammad bin Ibrahim Al al-Syeikh, mantan Mufti Kerajaan Arab Saudi berkata: "Rambut wanita tidak boleh dicukur (dipotong)", berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Nasaie dalam Sunannya daripada Ali r.a, al-Bazzar dalam musnadnya dengan sanadnya daripada Uthman r.a dan Ibn Jarir dengan sanadnya daripada Ikrimah r.a mereka berkata dengan maksud : "*Rasulullah SAW milarang wanita mencukur (memotong) rambutnya.*"

**Kaedah:** Satu larangan, jika datangnya daripada Nabi Muhammad SAW maka bentuk larangan itu menetapkan hukum pengharaman, selagi tidak ada dalil lain yang menentangnya.

Mulla Ali Qari dalam *al-Mirqat Syarah al-Misykat* berkata: Penulis *al-Misykat* berkata: "...sekiranya wanita memotong rambutnya." *Kerana rambut panjang mengurai ke belakang yang merupakan khas kepada wanita, ditinjau dari bentuk dan keindahannya adalah laksana janggut yang merupakan khas kepada lelaki.*

Adapun memotong rambut wanita, jika hal itu bukan untuk tujuan mempercantikkan diri, seperti tidak mampu untuk membayai kos rawatan rambut atau kerana rambut itu panjang sekali dan berserabut, maka tidak mengapa memotongnya mengikut keperluan seperti yang pernah dilakukan sebahagian isteri-isteri Nabi SAW selepas kewafatannya. Ini kerana isteri-isteri Nabi SAW tidak perlu lagi untuk mencantikkan diri (untuk Baginda) selepas kewafatannya dan tidak perlu lagi untuk memanjangkan rambut.

Jika tujuan memotong rambut tersebut untuk meniru gaya wanita kafir atau fasik dengan menyerupai lelaki, maka tidak diragui ianya diharamkan kerana adanya larangan *tasyabbuh* (berlaku penyerupaan) dengan orang-orang kafir secara umum, di samping larangan bagi wanita menyerupai lelaki. Jika tujuannya adalah untuk berhias diri (di mata selain mahramnya), zahirnya dalil bahawa perbuatan itu tidak dibolehkan.

Jelasnya, wanita adalah diharamkan untuk menyerupai lelaki, dan lelaki juga adalah tidak dibolehkan menghias diri sehingga menyerupai wanita.

## 7. Hukum Pertukaran Jantina Bagi Mak Nyah

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-25 yang bersidang pada 13 Disember 1989 telah membincangkan Kedudukan mak nyah Dalam Islam. Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-126 pada 24 Februari 1983 telah mempersetujui fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa seperti berikut:

- i. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak, dan
- ii. Seseorang yang dilahirkan khunsa musykil iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluhan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi supaya dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

## 8. Hukum Perbuatan Homoseksual

Dalam khazanah *fiqh* Islam, perbuatan homoseksual (gay dan lesbian) sering disebut sebagai *al-faaahisyah* (dosa besar) yang sangat menjijikkan dan bertentangan dengan fitrah serta tabiat manusia. Oleh kerana itu para ulama sangat mengutuk, mengecam dan mengharamkannya.

Ibn Qudamah al-Maqdisi menyebutkan bahawa penetapan hukum haramnya perbuatan homoseksual adalah *ijma'* (kesepakatan) ulama, berdasarkan nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith.<sup>22</sup>

Imam al-Mawardi berkata, “*Penetapan hukum haramnya perbuatan homoseksual menjadi ijma' dan itu diperkuat oleh nas-nas al-Qur'an dan al-Hadith.*”<sup>23</sup>

Mereka dalam hal ini berbeza pendapat mengenai jenis dan bentuk hukuman yang dikenakan kepada pelakunya. Ia timbul kerana perbezaan dalam menginterpretasi dalil-dalil yang bersumber dari al-Qur'an, al-Hadith dan athar. Ayat-ayat di dalam surah al-A'raf: 80-84 dan Hud: 77-83 secara jelas mengandungi kutukan dan larangan Allah SWT terhadap pelaku perbuatan homoseksual. Ia juga diperkuat oleh hadith-hadith berikut:

<sup>22</sup>Lihat *al-Mughni*, j.10, h. 155

<sup>23</sup>Kitab *al-Hawi al-Kabir*, j.13, h. 475

Hadith riwayat Ibn Abbas : “*Sesiapa sahaja yang engkau dapati mengerjakan perbuatan homoseksual maka bunuhlah kedua pelakunya*”. (riwayat Abu Dawud 4/158 , Ibn Majah 2/856 , al-Tirmizi 4/57 dan al-Daruquthni 3/124)

Hadith Jabir: “*Sesungguhnya yang paling aku takuti (menimpa) umatku adalah perbuatan kaum Luth*” (riwayat Ibnu Majah : 2563, 1457). Al-Tirmizi berkata : Hadits ini hasan gharib, al-Hakim pula berkata, hadith ini sahih isnadnya)

Hadith Ibn Abbas: “*Allah melaknat siapa sahaja yang melakukan perbuatan kaum Luth, (beliau mengulanginya sebanyak tiga kali)*”. (riwayat al-Nasa'i dalam al-Sunan al-Kubra IV/322 No. 7337)

Para ulama fiqh setelah bersepakat tentang haramnya perbuatan homoseksual (gay dan lesbian), tetapi mereka berbeza pendapat mengenai hukuman yang selayaknya dijatuhkan kepada pelaku. Perbezaan bersangkutan dengan dua keadaan;

Pertama: perbezaan sahabat dalam menentukan jenis hukuman, sebagaimana tersebut di atas.

Kedua: perbezaan ulama dalam mengategorikan perbuatan tersebut, apakah dikategorikan zina atau tidak? Perbezaan itu memberi implikasi terhadap kadar atau jenis hukuman yang dikenakan.

Dalam perbincangan isu ini pandangan imam empat mazhab adalah seperti berikut:

i. Imam Abu Hanifah (Mazhab Hanafi) :

Perbuatan homoseksual tidak dikategorikan sebagai zina dengan alasan, **Pertama**: kerana tidak adanya unsur (kriteria) kesamaan antara keduanya. Unsur mempersia-siakan anak dan ketidakjelasan nasab (keturunan) tidak didapati dalam perbuatan homoseksual. **Kedua**: perbezaan jenis hukuman yang dilakukan oleh para sahabat (sebagaimana di atas). Berdasarkan kedua alasan ini, Abu Hanifah berpendapat bahawa hukuman terhadap pelaku homoseksual adalah *ta'zir* (diserahkan kepada penguasa atau pemerintah). (*al-Hidayah Syarhul Bidayah* 7/194-196, *Fathul Qadir*, j.11, h. 445-449 dan *al-Mabsuth*, j.11, h. 78-81)

ii. Imam Malik (Mazhab Maliki) :

Perbuatan homoseksual dikategorikan zina dan hukuman yang setimpal untuk pelakunya adalah direjam, sama ada pelakunya muhshan (sudah menikah) atau *ghair muhshan* (bujang). Beliau sependapat dengan Ishaq bin Rahawaih dan al-Sya'bi. (*Minahul Jalil*, j. 19 h. 422-423)

iii. Imam Syaf'i:

Perbuatan homoseksual merupakan hubungan seksual terlarang dalam Islam. Hukuman untuk pelakunya: kalau pelakunya *muhshan* (sudah menikah), maka dihukum rejam. Kalau *ghair muhshan* (bujang), maka dihukum sebat 100 kali dan diasingkan selama satu tahun. Hal tersebut sama dengan pendapat Sa'id bin al-Musayyib, Atha' bin Abi Rabah, al-Nakha'i, al-Hasan dan Qatadah. (*al-Majmu'* j. 20, h. 22-24 dan *al-Hawi al-Kabir*, j. 13, h. 474-477)

iv. Imam Hambali:

Perbuatan homoseksual dikategorikan zina. Mengenai jenis hukuman yang dikenakan kepada pelakunya beliau mempunyai dua riwayat (pendapat): Pertama, dihukum sama seperti penzina, kalau pelakunya *muhshan* (sudah menikah) maka dihukum rejam, jika pelakunya *ghair muhshan* (bujang), maka dihukum sebat 100 kali dan diasingkan selama satu tahun. (pendapat inilah yang paling kuat). Kedua, dibunuh dengan direjam, sama ada itu *muhshan* atau *ghair muhshan*. [*al-Furu'*, j. 11 h. 145-147, *al-Mughni*, j. 10, h. 155-157 dan *al-Inshaf* j. 10, h. 178)

## KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan mengenai mak nyah dan hukum-hakam berkaitan dengannya, dapatlah dirumuskan bahawa:

- Hukum Islam menganggap mereka sebagai lelaki. Justeru, segala hukum kelelakian akan terpakai kepadanya.
- Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.
- Al-Hafiz Ibn Hajar menyatakan bahawa golongan mak nyah hendaklah membuang sifat kewanitaan dan tidak harus semata-mata kerana kecenderungan jiwa, sedangkan aspek fizikal tidak menunjukkan ke arah itu.
- Hukum ke atas mak nyah jika meninggal dunia, hendaklah diuruskan sepertimana urusan jenazah lelaki dan aspek pembedahan yang berlaku kepadanya tidak diambil kira kerana hukum asalnya adalah lelaki.
- Perlakuan homoseksual yang dilakukan oleh golongan maknyah adalah diharamkan. Bagi pandangan Imam Syafi'e, pelaku homoseksual dianggap sebagai pelaku zina dan hendaklah dikenakan hukuman had iaitu direjam bagi pelaku yang sudah menikah, dan disebat dengan 100 kali sebatan dan diasangkan selama satu tahun bagi pelaku bujang.
- Hukuman yang dikenakan kepada golongan mak nyah jika tidak melakukan perbuatan yang keji tiada kifarah dan had sebaliknya ditakzirkan. Inilah pendapat kebanyakan ulama.
- Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-28 pada 2-5 Mac 2012 yang lalu telah memutuskan bahawa mukhannas hendaklah bertaubat dahulu sebelum melaksanakan acara ibadat haji.

## PENUTUP

Memandangkan isu mak nyah pada masa kini meruncing, maka beberapa langkah perlu diambil bagi mengatasinya. Golongan mak nyah perlu didekati dan dinasihatkan agar:

- Bertaubat kepada Allah.
- Mempelajari ilmu syarak yang membawa kepada ketaatan dan menjauahkan diri daripada maksiat.
- Menggalakkan mereka bersahabat dengan orang soleh yang sentiasa menyerunya ke arah kebaikan dan menolong dalam melaksanakannya.
- Memberi peringatan kepada mereka bahawa tindakan seperti yang dilakukannya boleh membawa kerugian di dunia dan juga akhirat.
- Menggalakkannya supaya berdoa, beristighfar dan berzikir.

Permasalahan mak nyah juga diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak pemerintah, badan berkuasa agama, NGO, para ibu bapa, guru-guru, imam, pemimpin masyarakat setempat yang berganding bahu untuk membentuk semula keperibadian mak nyah supaya menjadi lelaki sejati yang bersifat kelelawarnya. Begitu juga kesedaran hendaklah diberi sejak di bangku sekolah rendah lagi yang mana sifat "kemaknyahan" bertentangan dengan nilai dan etika agama, begitu juga bangsa yang dijunjung.

# ***MODUL 3***

## ***PROFIL, DEMOGRAFI DAN ISU-ISU MAK NYAH***

### **Tujuan**

*Memberikan maklumat tentang demografi, permasalahan dan faktor penyumbang fenomena Mak Nyah di Malaysia. Tindakan ini adalah mengurangkan kesan negatif akibat daripada perlakuan songsang/aktiviti-aktiviti yang memudaraskan*

## **Objektif :**

Pada akhir sesi, peserta akan dapat :

- i. Mengenal pasti tentang latar diri mak nyah di Malaysia.
- ii. Menjelaskan permasalahan dan faktor penyumbang terjadinya fenomena mak nyah
- iii. Menjelaskan situasi sosial, ekonomi, psikologi dan kesan biologi di kalangan mak nyah di Malaysia

### **TAJUK 1 : STATISTIK MAK NYAH**

Demografi mak nyah pada masa kini tidak mempunyai satu angka yang tepat bagi menggambarkan situasi mak nyah di Malaysia. Walaubagaimanapun kajian yang sedia ada terhad kepada kumpulan responden yang tertentu sahaja. Contoh kajian spesifik yang boleh dijadikan sumber adalah seperti dua kajian oleh Yik (1998) mendapat bahawa terdapat seramai 10 000 orang mak nyah di seluruh negara. Daripada jumlah itu, 70%-80% adalah Melayu dan selebihnya adalah dari etnik Cina, India dan lain-lain etnik minoriti. Seterusnya hasil kajian Yik (2001), mendapat secara umumnya lebih kurang 65% mak nyah di Malaysia bekerja sebagai pelacur, 25% bekerja sebagai penghibur kelab-kelab, salon kecantikan dan rambut serta butik, 8% bekerja dengan syarikat swasta dan 2% adalah peniaga warung makanan. Perolehan data ini membuktikan kepada kita bahawa fenomena ini tidak harus dipandang remeh dan diabaikan begitu sahaja oleh masyarakat.

Masyarakat pada abad ke-21 tidak lagi boleh memandang remeh persoalan pelacuran kerana aktiviti tersebut memberi impak negatif yang besar terhadap negara. Perlakuan transeksual/transgender merupakan satu laluan mudah untuk mak nyah menceburidang pelacuran. Hasil kajian Lukman (2002) membuktikan bahawa aktiviti mak nyah akan berakhir di lembah pelacuran sekiranya mereka gagal memperoleh pekerjaan untuk menampung kos hidup meskipun mereka memiliki segulung ijazah.

Malah, bagi mereka yang tidak mempunyai pendidikan yang baik pula, cabaran yang dihadapi adalah lebih besar. Selain barang asas seperti pakaian dan alat solek, keperluan perubatan dan rawatan hormon pada bahagian badan tertentu untuk menyerlahkan sifat-sifat kewanitaannya menyebabkan perbelanjaan yang tinggi diperlukan. Kos perubatan dan rawatan tersebut akan menjadi lebih tinggi sekiranya mereka tiada pekerjaan, bekerja tidak berdasarkan kelulusan akademik sebenar atau berkelulusan akademik rendah yang melayakkan mereka bekerja sebagai pekerja bawahan. Sehubungan itu, mereka ini akan memasuki lembah pelacuran bagi memenuhi tuntutan fantasi kerana pelacuran adalah tempat yang paling mudah untuk mencari wang.

Berdasarkan kajian terbaru oleh Lim et al. 2010, bilangan mak nyah yang melakukan kerja seks adalah dua kali ganda dari bilangan yang dilaporkan. Ini bermakna anggaran jumlah Mak Nyah yang dilaporkan melakukan kerja seks adalah seramai 10,733 maka bilangan yang sebenar adalah seramai 21,000 orang.

**Jadual 1: Anggaran bilangan pekerja seks di Malaysia.**

Negeri	PSW asing	PST asing	PSW tempatan	PST tempatan	PSW jumlah	PST jumlah	PS jumlah
Perlis	94	24	138	81	232	105	337
Kedah	512	277	847	764	1359	1041	2400
Penang	416	84	501	314	916	398	1314
Perak	609	167	832	506	1441	673	2114
Selangor	1085	331	1488	1087	2574	1418	3991
Negeri Sembilan	304	92	398	281	701	373	1074
Melaka	86	25	95	145	181	170	351
Johor	915	297	1136	875	2051	1172	3223
Pahang	495	144	670	448	1164	591	1756
Terengganu	356	104	481	323	837	427	1264
Kelantan	474	116	660	382	1134	498	1632
Sarawak	829	207	1069	707	1898	914	2812
Sabah	1013	241	1366	792	2379	1033	3412
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1445	525	1580	1366	3025	1891	4916
Wilayah Persekutuan Labuan	21	7	24	21	45	29	74
<b>TOTAL</b>	<b>8655</b>	<b>2642</b>	<b>11284</b>	<b>8091</b>	<b>19937</b>	<b>10733</b>	<b>30670</b>

Note: PSW = pekerja seks wanita; PST= pekerja seks transeksual

Sumber: Size Estimation for Local Responses in Malaysia for HIV Prevention in Sex Work (March 2010)

Peningkatan statistik melibatkan mak nyah dari tahun 2008 sehingga 2010 dapat dilihat sebagaimana jadual 2 .

**Jadual 2 : Kesalahan Jenayah Syariah, Orang lelaki yang berlagak seperti perempuan**

No	Negeri	Tahun		
		2008	2009	2010
1	Perlis	-	2	6
2	Kedah	19	-	5
3	Penang	2	11	7
4	Perak	-	-	3
5	Selangor	7	1	8
6	Negeri Sembilan	5	8	28
7	Melaka	16	27	-
8	Johor	20	-	20
9	Pahang	-	-	-
10	Terengganu	2	3	1
11	Kelantan	15	4	13
12	Sarawak	6	26	1
13	Sabah	-	-	-
14	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	32	126

*Sumber :Data dan Maklumat Keluargaan / Sosial Masyarakat Islam di Malaysia.*

Perkara yang lebih membimbangkan lagi ialah fenomena transeksualisme telah mula menular di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara. Namun, istilah popular yang digunakan bagi merujuk kepada golongan ini ialah ‘pelajar lelaki lembut’. Peningkatan jumlah pelajar lelaki lembut di kampus perlu diberi perhatian serius, agar fenomena ini tidak menjurus kepada perlakuan yang lebih buruk dan menyumbang kepada peningkatan masalah sosial yang melampaui norma-norma kehidupan dan agama seperti gejala seks luar tabii, homoseksual dan pelacuran seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Fenomena pelajar lelaki lembut di IPTA telah dibincangkan dalam mesyuarat Timbalan-Timbalan Naib Canselor IPTA pada tahun 1996 dan 1997. Antara hasil perbincangan mesyuarat mendapati beberapa universiti awam mempunyai jumlah pelajar lelaki lembut paling ramai (Rajmah 2003, Utusan Online). Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA) ke-10 pada tahun 2001 yang bertemakan ‘Kaunseling Kecelaruan Gender’ juga telah membincangkan isu ini secara mendalam dan serius.

Berdasarkan angka tidak rasmi, adalah dianggarkan bahawa terdapat lebih kurang 500 pelajar seluruh IPTA di Malaysia yang tergolong dalam kategori transeksualisme dan menjurus kepada mengalami kecelaruan gender (Mohd. Tajudin, 2003).

Dapatan kajian yang diketuai oleh Puan Fadilah binti Zaini dalam tajuk kajian Sahsiah Pelajar Lelaki Lembut: Suatu Persepsi Masyarakat Kampus UTM menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan pelajar lelaki lembut mengikut bangsa adalah seperti jadual 2.

**Jadual 2: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut yang ditemui duga di UTM Mengikut Bangsa**

Bangsa	Kekerapan	Peratus
Melayu	113	90.4
Cina	5	4.0
India	7	5.6
<b>Jumlah</b>	<b>125</b>	<b>100</b>

Bangsa Melayu adalah kumpulan yang terbesar iaitu berjumlah 113 orang (90.4%) daripada keseluruhan pelajar lelaki lembut. Diikuti oleh pelajar lelaki lembut berbangsa India seramai tujuh orang (5.6%). Manakala, pelajar lelaki lembut berbangsa Cina pula adalah seramai 5 orang (4.0%) daripada keseluruhan pelajar lelaki lembut.

Manakala, Jadual 3 menunjukkan taburan pelajar lelaki lembut mengikut agama dimana seramai 114 orang (91.2%) adalah beragama Islam, enam orang (4.8%) beragama Hindu, tiga orang (2.4%) beragama Buddha dan dua orang (1.6%) daripada lain-lain agama.

**Jadual 3: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Pelajar Lelaki Lembut yang ditemui duga di UTM Mengikut Agama**

Agama	Kekerapan	Peratus
Islam	114	91.2
Hindu	6	4.8
Buddha	3	2.4
Lain-lain	2	1.6
<b>Jumlah</b>	<b>125</b>	<b>100</b>

Yik (2001) mengkaji fenomena lelaki transeksual atau lebih dikenali sebagai mak nyah dari perspektif pengaruh budaya dan agama ke atas identiti diri mereka. Pengumpulan data bagi kajian ini diperoleh melalui soal selidik dan analisis temubual yang telah dijalankan. Soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian ini mengukur aspek berkaitan sosial, pengetahuan HIV/AIDS dan isu-isu berkaitan dengan kesihatan. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan ciri-ciri transeksual di Malaysia hampir sama dengan negara-negara lain. Bagaimanapun, Yik menjelaskan bahawa agama dan budaya mempengaruhi identiti mak nyah. Hasil kajian mendapati;

- a. 72% responden menyatakan mereka ‘bersifat sebagai perempuan’ sejak kecil lagi. Manakala 23% menyatakan mereka bersifat sebagai perempuan dan lelaki.
- b. 68% responden menyatakan bahawa mereka lebih gemar bermain dengan alat permainan kanak-kanak perempuan, 29 % bermain dengan alat permainan kanak-kanak lelaki dan perempuan dan hanya 3% bermain dengan alat permainan kanak-kanak lelaki iaitu hanya 3%.
- c. 82% responden melaporkan bahawa mereka sering berperanan sebagai perempuan ketika bermain, manakala 17% pula berperanan kedua-dua jantina dan 1% pula berperanan sebagai lelaki.
- d. 84% responden adalah terdiri daripada latar belakang keluarga yang besar. Hanya sebilangan kecil sahaja iaitu 15% menjelaskan mereka membesar dalam suasana keluarga yang bermasalah.

- e. 68% responden menyatakan bahawa rakan sepermainan mereka terdiri daripada perempuan berbanding 31% responden yang bergaul dengan kedua-dua jantina dan hanya 1% sahaja yang rakan sepermainan mereka terdiri daripada lelaki.
- f. Pemakaian-silang bermula sejak usia 11 tahun hingga 20 tahun, dan biasanya dipakai sama ada di rumah atau di kalangan mak nyah yang lain.
- g. Responden merasakan penting bagi mereka untuk memiliki payu dara dan bentuk badan seperti wanita. 63% daripadanya mengakui telah mengambil suntikan hormon untuk mencantikkan tubuh badan.
- h. Majoriti responden menyatakan mereka tidak berhasrat untuk menjalani pembedahan pembentukan semula jantina disebabkan faktor agama, kewangan dan keluarga.
- i. Majoriti responden (97%) menyatakan bahawa mereka menyukai kaum lelaki, dan menjalin hubungan 'cinta' sesama jenis.
- j. 92% responden menyatakan impian dan tarikan seksual mereka adalah sebagai wanita dan mereka berpasangan dengan lelaki.

#### **Hot Spot Mak Nyah:**

Contoh:

Kuala Lumpur  
-Lorong Haji Taib, Chow Kit  
-Lorong Bulan, Jalan Bukit Bintang  
-Changkat Bukit Bintang  
-Lorong Alor, Bukit Bintang  
-Jalan Petaling

(Rujukan: Bahagian Penguatkuasaan PDRM dan Jabatan Agama Islam Negeri)

#### **Pusat Bantuan Mak Nyah di Malaysia;**

- i. PT Foundation, Chow Kit
- ii. Pertubuhan Wanita dan Kesihatan (WAKE 3), Setapak
- iii. Klinik Pandamaran, Klang
- iv. Biro Bantuan Guaman (Legal Aid Centres)

## TAJUK 2 : PERMASALAHAN DAN IDENTITI MAK NYAH

### 1. Spiritual

Spiritual di sini membawa maksud kepercayaan dalaman yang membentuk sikap dan tindakan seseorang. Keadaan spiritual mak nyah adalah salah satu faktor penyebab pembentukan peribadi seseorang mak nyah. Antara faktor spiritual yang mempengaruhi seseorang mak nyah ialah :

- a. Kepercayaan terhadap ilmu hitam dan dunia mistik
  - i. Mengamalkan banyak pantang larang.
  - ii. Amalan khurafat – santau, susuk, nasi kangkang / tangas dan sebagainya
  - iii. Menggunakan gerak hati yang negatif dalam melakukan banyak perkara
- b. Murtad – sanggup menukar agama disebabkan lelaki, tekanan hidup dan keluarga
  - i. Kurang pendedahan ilmu agama
  - ii. Pengaruh dari rakan-rakan

### 2. Sosial

Faktor sosial memang merupakan faktor yang besar dalam menarik seseorang mak nyah. Inilah yang membentuk seseorang mak nyah kerana ia memberikan satu bentuk sokongan kepada mak nyah terabit terutamanya kepada mereka yang dipulaukan keluarga.

- a. Suka berkelompok
- b. Suka melabel antara satu sama lain
- c. Cepat menilai orang lain secara negatif
- d. Sukar menerima nasihat dan teguran
- e. Pengambilan dadah - contohnya syabu dengan tujuan untuk menguruskan badan.
- f. Meminggirkan dan mengasingkan diri dari masyarakat.

Kerana stigma dan diskriminasi dari masyarakat, maka mak nyah kebanyakannya lebih suka meminggirkan diri dan bergaul di kalangan mereka sahaja. Ini menimbulkan kesan negatif kerana mereka tidak boleh keluar dari dunia mereka dan akhirnya terjerumus dalam masalah sosial yang lebih berat seperti menjadi pekerja seks.

### **3. Biologi**

- a. Mengambil pil hormon dan suntikan
  - i. Kesan sampingan ;
    - 1. Agresif
    - 2. Sensitif
    - 3. Kemurungan
- b. Melakukan suntikan dan pembedahan kecantikan;
  - i. Kolagen
  - ii. Botox
  - iii. Pembedahan Jantina dan bentuk badan
  - iv. Implan Buah Dada

### **4. Psikologi**

Dari segi istilah psikologi, transeksual digunakan secara lebih spesifik untuk merujuk kepada individu yang sedang atau telah menjalani hidup sebagai jantina berlawanan jenis dan mungkin telah menjalani pembedahan pertukaran alat kelamin.

- a. Keberanian/Motivasi melampau  
Bagi seorang Mak Nyah, pembedahan menukar jantina adalah sesuatu yang paling diidamkan. Untuk melakukan pembedahan ini, prosesnya sangat memberikan kesan sebelum, semasa dan selepas pembedahan. Seseorang Mak Nyah terpaksa menjalani proses pemulihan yang panjang (satu ke dua tahun) untuk pulih sepenuhnya dari pembedahan jantina. Ada suatu motivasi yang sangat kuat dalam mendorong Mak Nyah melalui proses ini, walaupun mereka mengetahui ianya sangat menyakitkan. Bukan sahaja mempunyai kesan dari segi emosi, tetapi juga psikologi dan fizikal.
- b. Mempunyai keyakinan yang sangat tinggi – penghargaan kendiri
- c. Obsesi dengan penampilan diri melalui pengambilan hormon tanpa pengawasan yang betul
- d. Mempunyai keinginan seks yang melampau disebabkan pengambilan hormon dan suntikan dadah / bahan tertentu
- e. Kesan negatif pengambilan hormon dan dadah.

## **FAKTOR PENYUMBANG**

### **1. Peribadi**

- a.Dorongan peribadi
- b.Kecelaruan psikologi
- c.Trauma dan pengalaman silam seperti diliwat dan ditinggal kekasih

### **2. Pengaruh dan Rakan Sebaya**

- a.Untuk melakukan perkara-perkara negatif
- b.Rakan menjadi tempat rujukan dan ikon

### **3. Media Massa**

- a.Memudahkan mereka untuk membentuk jaringan dan maklumat
- b.Memperkasakan golongan mak nyah melalui drama-drama di televisyen

### **4. Kekeluargaan**

- a. Terlalu renggang
- b. Terlalu manja
- c. Perpecahan/penceraian keluarga
- d. Kesempitan Hidup
- e. Didikan keluarga
- f. Terlalu tegas/Autokratik
- g. Kurang kasih sayang/perhatian

### **5. Persekutaran**

- a. Pengaruh rakan sebaya
- b. Tarikan kehidupan mewah
- c. Persekutaran yang kondusif untuk terus menjadi mak nyah
- d. Sokongan daripada pendukung hak asasi manusia

### **6. Pendidikan**

- a.Pendidikan setakat sekolah menengah (Sumber penyelidikan : 2002)
- b.Kurang pendidikan agama menyebabkan kurang pengamalan dan penghayatan ibadah.
- c.Keciciran daripada pembelajaran akibat dipinggirkan

# **MODUL 4**

## **RAWATAN DAN KHIDMAT**

## **SOKONG BANTU**

### **Tujuan**

*Modul ini bertujuan untuk memberikan maklumat pendekatan 'Ilaj Syarie sebagai rawatan yang berkesan terhadap golongan masyarakat. Juga memberi maklumat tentang keperluan 'sokong bantu' dan peranan yang boleh dilakukan oleh agensi-agensi.*

## **Objektif :**

Pada akhir sesi, fasilitator akan dapat :

- i. Menjelaskan bentuk rawatan syarak (I'laj syarie) yang akan digunakan bagi menangani mak nyah.
- ii. Meningkatkan kemahiran dan teknik dalam rawatan terhadap golongan mak nyah;
- iii. Memahami mengenai keperluan ‘sokong bantu’ dalam menangani isu mak nyah;
- iv. Mengetahui peranan masyarakat dan agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu mak nyah;
- v. Menyediakan garis panduan kepada pembimbing untuk melaksanakan proses ‘sokong bantu’ terhadap golongan mak nyah;

### **TAJUK 1 : RAWATAN MELALUI PENDEKATAN I'LAJ SYARIE**

## **Objektif :**

Pada akhir sesi, fasilitator akan dapat :

1. Memahami konsep I'laj Syarie.
  2. Menjelaskan beberapa kaedah I'laj Syarie
- 1. Konsep I'laj Syarie**

Islam amat mementingkan kebaikan dan kesihatan. Oleh kerana itu, dalam aspek kesihatan, orang Islam disuruh menjaga tubuh badan supaya sentiasa berada dalam keadaan sihat. Di samping itu, Islam menyuruh umatnya berikhtiar mengubat apabila dijangkiti sebarang penyakit. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan dan mengubati penyakit. Antaranya seperti berikut:

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا حَسَارًا

“Dan Kami turunkan al-Quran secara beransur-ansur yang terdiri daripada ayat-ayat suci yang menjadi ubat, penawar dan rahmat untuk orang yang beriman kepada-Nya.”

(al-Israk : 82)

Diriwayatkan daripada Jabir, Rasulullah (SAW) bersabda. ‘Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila ubat itu sesuai dengan penyakit, ia sembuh dengan izin Allah.’

(Riwayat Muslim dan Ahmad)

## 2. HUKUM BERUBAT DI DALAM ISLAM

Sebagai umat Islam keyakinan terhadap pertolongan Allah bila seseorang itu sakit amat penting. Yakinlah bahawa setiap penyakit ada ubatnya. Sabda Rasulullah SAW bermaksud;

“Iman itu tidaklah (cukup) dengan berangan-angan dan berkata-kata sahaja, akan tetapi mestilah dengan keyakinan yang bulat di hati dan diikuti dengan amalan-amalan yang sesuai dengan iman itu”.

(Riwayat Ahl Sunan)

Begitulah halnya bila diuji dengan kesakitan maka akan ada penawarnya. Sabda Rasulullah SAW dengan maksudnya; “Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya akan penawarnya.

(Riwayat al-Bukhari)

Manusia hanya dapat berusaha, berikhtiar dengan tidak melanggar syariat (Halal dan Haram) sesuatu kaedah perubatan, dan Dia (Allah) jualah yang menyembuhkan.

وَإِن يَمْسِسْكَ اللَّهُ بِضَرٍ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ  
 وَإِن يَمْسِسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ  
 ﴿١٧﴾  
 وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْحَبِيرُ  
 ﴿١٨﴾

*"Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan sesuatu kemudharatan (al-Durr), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskan melainkan Dia; dan jika ia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan sesuatu kebaikan (al-Khayr), maka Dia adalah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dan Dia lah yang berkuasa atas sekalian hambaNya (dengan tadbir dan takdir); dan Dia lah Yang Maha Bijaksana serta amat mendalam pengetahuanNya".*

(Al-An'am:17-18)

*Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziah dalam kitabnya, 'At-Tibb an-Nabawiy' (Berubat Mengikut Nabi SAW.), sistem pengubatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW menurut riwayat ada 3 kaedah, iaitu:*

1. Pengubatan alamiah.
2. Pengubatan kerohanian iaitu doa dan bacaan Ruqyah.
3. Menggabungkan kedua cara di atas.

Rasulullah SAW mempraktikkan pengubatan yang menggunakan bahan-bahan alam semulajadi (alamiah), yakni yang sering dipraktiskan dalam masyarakat kita termasuklah kaedah menggunakan ubat-ubatan tradisional. Dengan syarat bahan-bahan itu adalah yang halalan tayyiban dan tidak termasuk bahan-bahan yang bersifat syubahah. Contohnya penggunaan air (air zam-zam, air mineral, air hujan malam jumaat dan lain-lain.), tumbuh-tumbuhan (daun bidara, akar kayu) dan buah-buahan (limau) dan sebagainya.

Firman Allah S.W.T.

يَتَأْلِمُهَا النَّاسُ كُلُّهَا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيْبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُونَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ  
 ﴿١٩﴾

Bermaksud;

*"Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu".*

(Al Baqarah: 168)

Penggunaan madu, pembedahan dan pemanasan (cth. X-ray, radiotherapy, laser, chemotherapy dll.) misalnya, telah diperjelaskan dalam hadis Nabi s.a.w;

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ أَبِي عَبَّاسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الشَّفَاءُ فِي ثَلَاثٍ شُرْبَةٌ عَسَلٌ  
وَشَرْطَةٌ مَحْجُومٌ وَكَيْدَةٌ نَلْوٌ وَأَنَا أَهْمَىٰ مِنْ الْكَيْدَةِ

Dari Sa'id bin Jubair, dari Ibnu Abbas, dari Nabi s.a.w, baginda bersabda: “Kesembuhan (pengubatan) itu terletak pada tiga hal: meminum madu, pisau pembekam (pisau bedah) dan pemanasan (penyeterikaan) dengan api. Dan aku melarang umatku berubat dengan menggunakan penyeterikaan dengan api itu”.

(Riwayat al-Bukhari)

- Menolak segala kaedah perubatan menggunakan bahan-bahan seperti tangkal dan azimat, kepercayaan khurafat yang nyata boleh membawa kepada tergelincirnya akidah (syirik) kepada Allah.
- Tidak terlibat dengan kaedah perubatan yang mencarik adat seperti kaedah perbomohan, dukun atau pawang (meramal, menurun, bedah batin, penggunaan khadam, seru, persilatan, tarekat yang sesat) dan berbagai lagi. Ingatlah! firman Allah SWT.;

وَإِنَّهُ رَجَالٌ مِّنَ الْإِنْسِينَ يَعْوَذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَرَادُوهُمْ رَهْقًا ﴿٦﴾

Bermaksud;

“Dan Bahawa Sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya Dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana Dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombang dan jahat”.

(Al Jin:6)

Bacaan ‘Ilaj Ruqyah terapi al-Quran adalah diharuskan dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. dalam hadis yang bermaksud, “Perlihatkan dan tunjukkan kepada saya jampi-jampi yang kamu baca kerana tidak mengapa untuk berjampi selama mana ianya tidak melibatkan unsur syirik”.

(Riwayat Muslim)

Bacaan-bacaan ‘Ilaj Ruqyah hendaklah bersumberkan kepada al-Quran, Hadis dan bacaan-bacaan (selain al-Quran dan Hadis) yang diketahui maknanya.

Keyakinan pada diri sendiri, hati perlu ikhlas bahawa ikhtiar melalui ubat-ubatan, doa dan kaedah perubatan Islam yang diusahakan itu, dengan izin Allah akan memperoleh kesembuhan.

Kaedah bacaan ‘Ilaj Ruqyah terapi al-Quran bukan sahaja suatu ikhtiar untuk membantu seseorang pesakit supaya sembuh ; malah ia dapat didengar dengan jelas dan terang oleh mereka yang mengiringi pesakit semasa rawatan.

Sesuatu penyakit yang dijadikan Allah adalah (suatu ujian) yakni jalan untuk membersihkan (dosa-dosa kita) rohani dan jasmani seseorang agar kita kembali kepada agama Allah yakni dengan sebenar-benar taubat (taubat nasuha). Inilah suatu jalan di mana Allah mengangkat martabat manusia bagi mereka yang bersabar. Melalui amalan membaca, mendengar dan menghafaz ayat-ayat benteng ‘Ilaj Ruqyah Terapi al-Quran ini akan menambah kebajikan dan ibadah seseorang muslim .

Seseorang pengamal ‘Ilaj Syarie hanya dapat membantu mendoakan pesakit, dengan izin Allah ianya akan memperoleh kesembuhan. Selebihnya individu itu sendiri yang bersungguh-sungguh dan kembali kepada IMAN, ISLAM dan EHSAN dan memperbanyakkan ibadah kepada Allah. Allah Maha Mengetahui dan Maha Pengampun.

Firman Allah S.W.T:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدِّ خُلُونَ جَهَنَّمُ دَاهِرِينَ ﴿١﴾

Bermaksud;

*“dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina”.* (Al Mu'min: 60)

### **3. JENIS RAWATAN YANG DIHARAMKAN**

Segala yang ada di atas bumi ini diciptakan untuk kemudahan manusia. Ubat-ubatan sebenarnya diambil daripada benda-benda yang terdapat di muka bumi seperti tumbuh-tumbuhan, logam, binatang dan lain-lain.

Rasulullah SAW bersabda: "Berubatlah kalian dan janganlah berubat dengan yang haram" (Riwayat Abu Daud)

Perkara penting di sini adalah hukum asal dalam berubat adalah halal kecuali dengan perkara yang diharamkan syarak. Antara rawatan yang diharamkan ialah sebagaimana dibawah :

1. Rawatan yang menggunakan bahan-bahan yang haram.
2. Rawatan yang menggunakan bahan-bahan yang kotor dan najis
3. Rawatan yang membawa mudarat dan mencacatkan tubuh
4. Rawatan yang berdasarkan sihir, tahlul, khurafat dan bidaah
5. Perubatan yang menggunakan tangkal azimat
6. Rawatan yang berdasarkan jampi mantera
7. Perubatan yang menggunakan jin, iblis dan syaitan
8. Perubatan dengan cara meramal

### **4. PUNCA-PUNCA PENYAKIT**

Penyakit berlaku kerana beberapa punca. Menurut Islam ia berlaku kerana faktor fizikal dan juga spiritual. Berikut adalah punca-punca penyakit menurut pandangan Islam;

#### **4.1 Makanan**

Makanan suatu perkara yang mesti bagi menjamin pertumbuhan rohani mahupun jasmani. Keduanya saling berkait rapat di antara satu dengan yang lain. Jika sesuatu yang kita makan itu menyebabkan kemudaratan kepada sama ada rohani atau jasmani, maka wujudlah suatu hal yang dinamakan 'penyakit'.

Banyak lagi hal-hal yang berkaitan dengan perkara ini yang mana kadang kala manusia kurang memberi perhatian terhadapnya. Sedangkan makanan akan membentuk darah daging (segumpal darah), sebagaimana sabda Nabi SAW.

"Ingatlah bahawa di dalam tubuh badan manusia itu ada sepotong daging, yang apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh tubuhnya, dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuh itu, ingatlah bahawa yang dimaksudkan itu ialah hati"

(Riwayat Bukhari & Muslim).

Jika seseorang itu makan makanan yang tidak dicuci dengan betul menurut hukum syarak, ia boleh menyebabkan jangkitan kuman atau bakteria. Ini menyebabkan kemudaratan pada tubuh badan seseorang dan punca segala penyakit. Bahkan jika kita makan berlebihan dan pedas atau berminyak, semuanya akan memberi kemudaratan terhadap tubuh badan manusia.

#### **4.2 Akibat Pengaruh Syaitan Dan Iblis**

Syaitan dan Iblis juga membawa kesan kesihatan dalam tubuh manusia. Sebagai makhluk yang ghaib kesan kepada serangan penyakit ini bsrbentuk penyakit dalaman dan kerohanian manusia. Berkaitan pengarauh Syaitan dalam kehidupan manusia banyak dijelaskan di dalam al-Quran antaranya ialah;

Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 275;

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الظَّالِمُونَ يَتَخَطَّهُ الشَّيْطَنُ مِنَ الْمَسَنِ ذَلِكَ  
يَأْنَهُمْ قَاتُلُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ  
فَأَنْهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ



“orang-orang Yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang Yang dirasuk Syaitan Dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu.”

Di dalam al-Quran Allah SWT menjelaskan Syaitan dan Iblis adalah musuh manusia yang paling nyata. Sifat permusuhan Syaitan dan Iblis kepada makhluk manusia inilah yang menyebabkan mereka (Syaitan dan Iblis) berusaha menyesatkan dan membinasakan manusia.

Firman Allah dalam Surah al-Isra' ayat 61 yang bermaksud; “Ketika Kami berfirman kepada para Malaikat: Bersujudlah kamu kepada Adam!”. Maka mereka segera bersujud kecuali Iblis. Dia berkata: “Apakah aku harus bersujud kepada orang yang Engkau ciptakan berasal daripada tanah ? Iblis berkata lagi: “Cuba terangkan kepadaku, inikah orang yang telah Engkau muliakan melebihi diriku ? Sesungguhnya jika Engkau memberi tangguh kepadaku sampai kiamat, nescaya akan aku sesatkan keturunannya, kecuali sebahagian kecil saja”.

Firman Allah SWT yang bermaksud

“Wahai anak-anak Adam, Janganlah kamu diperdayakan oleh Syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari Syurga sambil ia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka, aurat mereka (yg sebelum ini tertutup). Sesungguhnya ia dan para pengikutnya melihat kamu dari suatu tempat yang kamu tidak boleh melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan Syaitan-Syaitan itu pemimpin-pemimpin bagi orang-orang yang tidak beriman”.

(Surah al-A'raf: 27).

*“Sesungguhnya Syaitan itu hanya bertujuan mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian antara kamu dengan sebab arak dan judi dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan solat. Oleh itu mahukah kamu berhenti?*

*(al-Maidah:91).*

*“Sesungguhnya Syaitan adalah musuh yang paling nyata bagi kamu.*  
*(Surah Yasiin:60).*

Di dalam hadits lain Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“aku dilebihkan daripada nabi Adam AS dengan dua perkara, iaitu pertama syaitanku kafir lalu Allah menolong aku sehingga dia Islam. Kedua, para isteriku membantu akan daku tetapi syaitan nabi Adam tetap kafir dan isterinya membantu ia membuat kesalahan.”* (Riwayat Baihaqi).

Aisyah RA menceritakan bahawa pada suatu malam Rasulullah SAW keluar dari rumahnya (Aisyah), lalu Aisyah berkata: “aku merasa cemburu.” tiba-tiba baginda SAW berpatah balik dan bertanya: “wahai Aisyah apa sudah jadi, apakah engkau cemburu?” Aku berkata: “Bagaimana aku tidak cemburu orang yang seumpama engkau ya Rasulullah.” sabda baginda SAW: “apakah engkau telah dikuasai oleh syaitan?” aku bertanya: “Apakah aku ada syaitan?” sabda Baginda SAW: “setiap insan ada syaitan, iaitu Qarin.” aku bertanya lagi: “adakah engkau pun ada syaitan ya Rasulullah?” jawab baginda: “ya, tetapi Allah membantuku sehingga Qarinku telah masuk Islam.” (Riwayat Muslim).

Rasulullah SAW bersabda: “tiada seorang pun daripada kamu melainkan sudah diwakili bersamanya qarin daripada jin dan malaikat. Mereka bertanya: “engkau juga ya Rasulullah?” sabdanya: “ya aku juga ada, tetapi Allah telah membantu aku sehingga qarin itu dapat ku islamkan dan hanya menyuruh aku dalam hal kebijakan sahaja.” (Riwayat Muslim dan Ahmad).

Ibn Muflih al-Muqaddasi menceritakan: suatu ketika syaitan yang mendampingi orang beriman, bertemankan syaitan yang mendampingi orang kafir. Syaitan yang mengikuti orang beriman itu kurus, sedangkan yang mengikuti orang kafir itu gemuk. Maka ditanya mengapa engkau kurus, “bagaimana aku tidak kurus, apabila tuanku masuk ke rumah dia berzikir, makan dia ingat Allah, apabila minum pun begitu.” Sebaliknya syaitan yang mengikuti orang kafir itu pula berkata: “Aku sentiasa makan bersama dengannya dan begitu juga minum.”

#### 4.3. Penyakit akibat Nafsu Jahat

Nafsu jahat di dalam tubuh juga akan membawa kepada manusia membuat kejahatan. Kesan menuruti nafs jahat manusia akhirnya rosak binasa seperti ditimpa pelbagai penyakit seperti penyakit kelamin, HIV/AIDS dan lainnya. Mengikut al Quran beberapa nafsu jahat seperti;

##### •Nafsu Amarah

\* وَمَا أَبْرِئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَا مَارِثَةٌ بِالشَّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبُّهُ إِنَّ رَبَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٣﴾

“Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang Yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Yusuf :53. )

##### •Nafsu Lawwamah

وَلَا أَقِسْمُ بِالنَّفْسِ الْلَّوَامَةِ ﴿٢﴾

“Dan Aku bersumpah Dengan “Nafsul Lawwaamah” (bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati)!”

(Al Qiyaamah :2 )

##### •Hawa

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى ﴿٤٠﴾

“Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhanya, (untuk dihitung amalnya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu”

(An Nazi'at :40)

##### Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya segala puji hanya bagi Allah. Kita memohon pertolongan dan keampunanNya.Dan kita mohon perlindungan Allah dari kejahanan-kejahatan nafsu kita dan keburukan-keburukannya.

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah)

#### **4.4. Penyakit Akibat Gangguan Makhluk Halus Seperti Jin**

Makhluk Halus juga boleh membawa penyakit kepada manusia. Beberapa contoh gangguan akibat makhluk-makhluk tersebut ialah;

- Gangguan sepenuhnya iaitu gangguan di seluruh tubuh seperti seorang yang mengalami masalah gangguan sama ada hysteria, kerasukan atau disebabkan saraf tersumbat/stroke dan seumpamanya.
- Gangguan sebahagian anggota (kebas bahagian-bahagian anggota tertentu), hujung jari tangan, kaki dan bahagian sendi tubuh.
- Gangguan yang berpanjangan iaitu jin terus berada di dalam badan (terutama otak dan hati) dalam jangka masa yang agak lama seperti orang yang kena saka, akibat sihir yang tidak diubati seperti sihir santau.
- Gangguan hanya sejenak tidak lebih daripada beberapa detik dan waktu yang singkat, seperti mimpi buruk, ditindih sehingga sesak nafas dan sukar bergerak, sama ada bahagian-bahagian anggota tertentu atau sebahagian daripadanya.
- Gangguan ketika tidur seperti sukar tidur walaupun seseorang itu bersusah payah beribadah (berzikir dan membaca al-Quran, mengigau (ketawa, menangis dan menjerit ketika tidur tanpa sedar), bermimpi jatuh dari tempat tinggi, dihimpit oleh sesuatu, minta pertolongan tetapi tak berdaya dll.
- Gangguan lain seperti tiba-tiba benci terhadap orang yang disayangi, terasa panas seluruh tubuh tidak seperti biasa, tidak dapat berfikir secara normal, sesak nafas apabila masuk waktu Asar hingga malam, mudah marah dan panas baran yang tidak terkawal dan lain-lain lagi.

## **'Ilaj Syarie**

Terdapat beberapa kaedah 'Ilaj Syarie yang boleh digunakan antaranya ialah;

### **'Ilaj at Tauhid (Terapi Tauhidik)**

#### **Pendahuluan**

Di zaman moden ini penyakit berkaitan keimanan telah melahirkan orang Islam yang ragu dengan agamanya sehingga sesetengahnya menjadi murtad. Begitu juga ia telah menambahkan jumlah pesakit mental dari tahun ke setahun di negara ini. Sesetengah pesakit mental telah membunuh diri. Dalam situasi lain pesakit mental telah mencederakan orang lain. Selain rawatan dalam bentuk klinikal sewajarnya mereka perlu dirawat di sudut rohnya. Pendekatan rawatan bersepada ini sebenarnya adalah sebaik-baik rawatan untuk mereka yang berhadapan dengan pelbagai penyakit merbahaya ini. 'Ilaj At Tauhid adalah satu kaedah untuk merawat para pesakit tersebut.

#### **Definisi**

'Ilaj Tauhid ialah kaedah rawatan ('Ilaj) keimanan dan ketaqwaan untuk individu yang berhadapan dengan penyakit berkaitan pemikiran, kepercayaan dan pegangan seseorang. Antara penyakit yang boleh dirawat seperti berfikiran Syirik/kufur, sesat/menyeleweng, was-was, keceluaran, runsing, bimbang (anxiety) dan lainnya. Pendekatannya ialah dengan membangunkan iman pesakit sehingga menjadi seorang yang beriman dan Mukminin sebenar-benarnya.

### **Asas 'Ilaj At Tauhid**

Pendekatan rawatan keimanan adalah model rawatan Rasulullah. Ia terbukti berjaya sehingga mampu memulihkan para Sahabat yang hidup dalam keadaan Kufur dan Syirik di zaman jahiliah sehingga menjadi sebaik-baik manusia di muka bumi. Namun dikenalpasti tiga (3) asas utama untuk 'Ilaj Tauhid model Rasulullah SAW ialah;

- **Iman dan Taqwa**

Kaedah ini adalah menitikberatkan soal-soal keimanan termasuk kepercayaan kepada Allah, Malaikat, Nabi dan Rasul, balasan dosa pahala, qada dan qadar dan lainnya. Pengukuhan iman dan takwa untuk pesakit amat penting semata-mata untuk menanam keyakinan pesakit kepada Allah SWT. Keyakinan ini akan mengembalikan ingatan dan kasih sayang antara seorang hamba dengan al Khalik yang mungkin telah terputus selama ini kerana kealpaan pesakit. Hubungan rapat pesakit dengan Allah memungkinkan akan melahirkan sikap bergantung harap hanya kepada Allah yang akhirnya boleh membawa ketenangan kepada jiwa pesakit. Pendekatan merawat keimanan seseorang pesakit sekaligus diyakini ia juga memulihkan tingkah laku pesakit.

- **Ilmu**

Ilmu ialah nur Allah bagi seseorang. Sebaik-baik ilmu ialah ilmu al Quran. Tanpa ilmu seseorang itu akan tersesat jalan. Ilmu akan membolehkan seseorang itu mengenal mana yang hak dan batil. Iblis amat membenci orang-orang yang ada ilmu pengetahuan. Sebab itu juga Iblis dan Syaitan akan takut dengan mereka yang berilmu dan beramal dengan ilmunya. Orang yang menghadiri majlis ilmu akan sentiasa didoakan dan didampingi oleh para Malaikat. Pendekatan rawatan At-Tauhid memerlukan seseorang pesakit banyak untuk menghadiri majlis-majlis ilmu. Mudah-mudahan mereka akan mendapat rahmat Allah, didampingi para Malaikat dan dijauhi oleh para Iblis. Seterusnya mudah-mudahan mereka akan mendapat berkat dan doa para orang alim. Pendekatan ini adalah sebaik-baik rawatan. Ilmu juga membolehkan seseorang iru berfikir secara rasional di atas panduan dan hidayah Allah SWT.

- **Ibadah**

Melakukan amal ibadah adalah bukti kehambaan seorang hamba Allah. Pesakit iman adalah orang yang terputus perasaan kehambaan dengan Khaliknya. Mereka terputus hubungan dengan Allah antaranya kerana mengabaikan amal ibadah terutamanya ibadah solat. Ibadah fardhu solat bila ditinggalkan menyebabkan mereka sebenarnya sudah tidak ada benteng diri lagi. Mereka telah terputus daripada rahmat Allah. Akibatnya mereka sering menjadi sasaran Iblis dan Syaitan dan ransangan nafsu ganas yang ada dalam tubuhnya.

Jauhnya hubungan dengan Allah dan hampirnya mereka dengan Iblis dan Syaitan ini memudahkan untuk kedua-dua makhluk terkutuk ini melakukan kerosakan kepada diri pesakit secara keseluruhannya dan dalam pelbagai bentuk.

- **Fikir dan Zikir**

Berfikir dan berzikir adalah dua amalan yang dituntut oleh Islam. Keduanya mempunyai fadilat dan kelebihannya sendiri. Namun Fikir dan zikir yang dimaksudkan disini ialah gabungan penggunaan akal yang sempurna dengan dipandu wahyu Allah SWT sehingga mampu melihat keagongan dan kebesaran Allah SWT. Ia menjadikan seseorang hanya tunduk kepada Allah SWT. Pendek kata fikir dan zikir mampu menjelaskan seseorang itu menjadi sebaik-baik Insan. Fikir dan zikir akan mampu melahirkan individu Muslim yang mukmin. Ini kerana melalui berfikir yang dipandu oleh wahyu seseorang itu akan mengenal Allah bukan sahaja melalui tanda-tanda yang zahiri tapi juga tanda-tanda yang bersifat maknawi.

#### **4. Bentuk Penyakit Berkaitan At Tauhid**

Antara jenis penyakit berkaitan At-Tauhid seperti berfikiran Syirik dan kufur, Nifaq, Riddah, berputus asa dan kecewa, was-was, runsing, celaru, bimbang dan lainnya. Akibatnya ada yang menjadi manusia kufur, munafiq, berputus asa dan kecewa, mengalami kebimbangan melampau (anxiety disorder), kemurungan, bersedih dan takut. Huraian selanjutnya adalah seperti berikut;

- **Berfikiran Syirik/kufur**

Berfikiran Syirik dan Kufur adalah seburuk-buruk penyakit dalam bentuk pemikiran. Berfikir dalam bentuk ini adalah dianggap terkeluar dari ajaran Islam. Ciri berfikir Syirik dan kufur seperti tidak mempercayai kewujudan Allah SWT, atau meyakini ada Tuhan lain selain Allah, Allah ada anak, isteri dan tidak esa. Mereka yang berfikir secara kufur ini juga ialah mereka yang meyakini bahawa segala rezeki, kekayaan, kejayaan yang diperolehi adalah semata-mata dari usahanya sendiri dan bukan dari Allah atau sesiapa sahaja.

Akibat fikiran tersebut mereka akan menyembah selain daripada Allah. Sesetengahnya sanggup melakukan amalan-amalan sihir, khurafat, tahlul dan lainnya. Mereka cuba membebaskan dirinya dari ikatan Allah, tuhan penciptanya. Mereka juga berusaha membebaskan dirinya dari segala ikatan agama dan kebenaran. Mereka akan bertuhan nafsu, Syaitan, akal dan khayalan semata-mata. Mereka akan mengikuti jalan yang sesat dan menyesatkan. Mereka akan mempersetankan kewujudan Allah dan Tuhan. Baginya, akal, nafsu, Syaitan, berhalia itu adalah tuhan anutan dan kepercayaannya. Akibatnya, Allah amat memurkai golongan ini. Golongan ini sebenarnya telah kehilangan tempat bergantung dan tempat memohon pertolongan.

Berfikiran Kufur, Syirik, Riddah, berputus asa dan lainnya sebenarnya datang daripada hasutan Syaitan dan Iblis. Iblis dan Syaitanlah mereka-reka fikiran tersebut di dalam minda seseorang. Merekalah yang menjadikan sesuatu fikiran Kufur dan Syirik itu untuk dilihat sebagai logik dan munasabah. Merekalah yang merangsang idea-idea tersebut tanpa disedari oleh manusia itu sendiri. Di sebabkan minda seseorang itu berada di dalam organ otak maka kemasukan Iblis di dalam organ otak yang masuk melalui aliran darah menyebabkan mereka mampu membentuk pemikiran manusia.

- **Was-was**

Was-was juga adalah sejenis penyakit kerohanian. Dalam bahasa Arab –(waswasah) iaitu bisikan yang tidak diundang dalam jiwa dan pemikiran oleh syaitan. Ia memberi kesan pada hati dan pemikiran seseorang. Di dalam al Qur'an perkara ini di jelaskan antaranya seperti didalam Surah An-Nas ayat 5-6. Allah berfirman:

Yang bermaksud: "yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia (5) laitu pembisik dan penghasut dari kalangan Jin dan manusia (6)".

Firman Allah, Surah al-A'raaf, ayat 20: Setelah itu maka syaitan membisikkan (hasutan) kepada mereka berdua (agar) mendedahkan aurat mereka yang (sekian lama) tertutup dari (pandangan) mereka, sambil ia berkata:

"Tidaklah Tuhan kamu melarang kamu daripada (menghampiri) pokok ini, melainkan (kerana ia tidak suka) kau berdua menjadi malaikat atau menjadi dari orang-rang yang kekal (selama-lamanya di dalam syurga)

Sebagaimana penyakit berfikiran kufur, syirik, riddah dan zindiq penyakit was-was sebenarnya datang daripada hasutan Syaitan dan Iblis. Iblis dan Syaitanlah yang mewas-waskan seseorang. Iblis dan Syaitan telah mencelarukan pemikiran seseorang. Kecelaruan tersebut telah menjadikan seseorang berpenyakit was-was. Sebenarnya was-wasa itu datang daripada minda di dalam organ otak yang telah dipengaruhi oleh Syaitan dan Iblis.

- **Fikiran Runsing dan Terlalu Bimbang (*Anxiety Disorder*)**

Runsing dan sentiasa terlalu bimbang adalah jenis penyakit kerohanian. Secara umumnya rungsing dan bimbang berlaku akibat memikirkan sesuatu yang belum berlaku atau perkara telah lepas secara keterlaluan dan berlebih-lebihan. Sebagai contoh, mereka suka berfikir akan persoalan kehidupan masa hadapan yang belum pasti seperti soal rezeki, jodoh, kematian, kerjaya masa hadapan anak-anak, pekerjaan, penyakit yang dihadapi dan lain-lain lagi. Seseorang yang selalu runsing dan bimbang menyebabkan pemikirannya gagal berfungsi secara sistematis sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam.

Walaupun ada kebaikan untuk memikirkan sesuatu yang belum berlaku atau perkara lepas namun memikirkan hal-hal tersebut secara berlebih-lebihan dan lupa mengaitkan dengan takdir dan ketentuan Allah boleh membawa mudarat dan penyakit. Membuat jangkaan dan ramalan tentang sesuatu yang belum berlaku tanpa mengaitkan dengan takdir Allah boleh menyebabkan seseorang itu tertekan. Begitu juga memikirkan perkara yang lepas (yang bersifat buruk) tanpa mengaitkan dengan ketentuan dan takdir Allah juga boleh menjadikan seseorang itu bersikap menyalahkan takdir dan akhirnya berputus asa dari rahmat Allah.

Runsing dan bimbang yang keterlaluan telah menjadikan diri individu berkenaan tertekan dan seterusnya murung. Dalam kontek Islam mereka yang berpenyakit seperti ini dikategorikan mereka yang bermasalah di sudut akidah seperti aspek percaya pada rahmat Allah dan takdirnya. Sebenarnya mereka ini sudah dikuasai oleh Syaitan dan Iblis serta nafsu yang jahat yang berada dalam tubuh.

- **Berfikiran negatif**

Berfikiran negatif juga termasuk dalam kategori penyakit rohani. Seorang yang berfikiran negatif akan melihat sesuatu dari banyak sudut buruk atau negatif sahaja. Walaupun dihadapannya telah terhidang bukti dan hujah-hujah yang nyata untuk menolak dakwaannya. Berfikir negatif sebenarnya banyak berlaku kerana dorongan dan hasutan Syaitan. Iblis ia akan mengundang perkelahian, tidak percaya, syak wasangka kepada individu, pasangan suami isteri dan ahli masyarakat.

- **Dorongan kuat Melakukan Mungkar dan Maksiat**

Ia juga termasuk jenis-jenis penyakit rohani. Dorongan kuat apabila berlaku ia menyebabkan seseorang itu gagal mengawal diri dan pemikiran. Individu tersebut akan bertindak liar dan ganas. Dorongan kuat sekiranya berkaitan dengan nafsu seksual ia boleh menyebabkan seseorang itu jadi perogol, peliwat dan penzina. Begitu juga kejahanatan-kejahanatan lain juga boleh dilakukan seperti meminum arak dan lainnya. Akibat gagal mengawal dorongan jahat ini menyebabkan seseorang itu ketagihan dengan perlakuan-perlakuan keji yang dilakukan. Melihat bentuk-bentuk dorongan yang menjurus ke arah untuk individu agar suka melakukan mungkar dan maksiat secara nyata ia ada hubungkait dengan hasutan Syaitan dan iblis. Menurut kaedah `Ilaj Syarie kemungkinan besar Syaitan dan Iblis sudah bersarang kuat di dalam tubuh pesakit. Untuk itu kaedah `Ilaj Syarie untuk mengalahkan Syaitan dan Iblis dan juga menundukkan nafsu jahat hendaklah dilakukan.

- **Mendengar bisikan (halusinasi)**

Mendengar bisikan juga satu penyakit kerohanian. Bisikan biasanya untuk individu atau pesakit melakukan sesuatu perbuatan yang jahat seperti bisikan untuk mencederakan diri sendiri, membunuh orang, membunuh diri, memijak al Quran dan sebagainya. Bisikan untuk melakukan kejahanatan ini akan didengar oleh pesakit dalam tempoh yang kerap. Berdasarkan jenis-jenis bisikan yang lebih menjurus kepada fasad dan kesesatan ini jelas ia datang dari pengaruh Syaitan. Syaitan yang sentiasa mahu menggoda dan menyesatkan akan berbuat demikian khususnya kepada pesakit-pesakit yang mengalami masalah kejiwaan dan kerohanian yang kronik.

Memandangkan sebahagian besar penyakit-penyakit tersebut daripada gangguan Syaitan dan Iblis maka rawatan terbaik ialah dengan mengalahkan Syaitan dan Iblis itu sendiri. Beberapa amalan yang perlu dilakukan ialah;

- **Mengamalkan Ayat Pelindung Diri**

Membaca ayat pelindung diri. Insyaa Allah mampu menghilangkan penyakit berkenaan. Perkara ini menepati arahan Allah seperti disebutkan dalam surah al-A'raaf, ayat 200: *"Dan jika Engkau dihasut oleh sesuatu hasutan syaitan, maka mintalah perlindungan kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui"*.

Sebagai cth; dalam Surah al-NaaS, kita diajar dengan lebih terperinci bagaimana melindungi diri daripada was-was dengan membacanya dengan penuh penghayatan terhadap maksud setiap ayat dalam surah yang pendek tetapi besar fungsinya kepada kita dalam memerangi was-was. Pada masa yang sama banyakkan membaca al-Quran terutamanya surah al-Baqarah serta ayat al-Kursi dan ayat-ayat lain yg berkaitan.

- **Banyakkan Amalan Berdoa**

Bagi rawatan seterusnya adalah dianjurkan supaya pesakit melakukan doa khusus memohon kepada Allah supaya mereka dapat dihindari daripada cengkaman dan gangguan Syaitan dan Iblis. Untuk itu pesakit dianjurkan agar sering melakukan solat hajat khusus untuk rawatan diri. Begitu juga melakukan doa setiap kali selepas mendirikan solat sama ada fardhu ataupun sunat. Doa adalah senjata mukmin. Semoga Allah menyembuhkan penyakit berkaitan. Hanya Allah adalah sebaik-baik penyembuh. Iblis Syaitan adalah musuh-musuh Allah maka Allahlah yang akan mengalahkannya.

Contoh bacaan doa untuk menolak gangguan syaitan

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ الَّتِي لَا يُجَاوِرُهُنَّ بِرٌّ وَلَا فَاجِرٌ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ وَبِرًا  
وَذَرًا وَمِنْ شَرِّ مَا يَتَرَكُّلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمِنْ شَرِّ مَا يَتَرَكُّلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمِنْ شَرِّ مَا يَعْرُجُ فِيهَا وَمِنْ شَرِّ مَا ذَرَّا فِي الْأَرْضِ وَمِنْ شَرِّ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمِنْ شَرِّ فِنَانِ الْأَيَلِ  
وَالنَّهَارِ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ طَارِقٍ إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ بِحَيْرَةٍ يَا رَجْهُنَّ

Maksudnya:

Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna, yang tidak boleh ditembusi oleh orang yang baik dan yang jahat, dari kejahatan semua makhluk, dari kejahatan semua yang turun dari langit dan yang naik kepadanya, dari kejahatan semua yang tumbuh di dalam bumi dan yang keluar daripadanya, dari kejahatan fitnah yang berlaku di waktu malam dan siang dan dari kejahatan yang datang (pada waktu malam) kecuali dengan tujuan baik, wahai Tuhan yang Maha Pengasih

#### Contoh: Amalan Membaca Basmalah

Membaca Basmalah akan menjadikan Syaitan dan Iblis menjadi kecil dan seterusnya lemah dan kalah. Di dalam Hadis digambarkan Iblis akan mengecil sehingga sekecil alat apabila seseorang itu membaca Basmalah. Maka setiap pesakit perlu membaca Basmalah sebanyak-banyak yang mungkin terutama ketika hendak tidur, atau terjaga daripada tidur atau dalam apa keadaan sekalipun.

#### • Meminum Air Syifa'

Air yang didoakan dan dibacakan ayat-ayat Syifa', doa dan Selawat Nabi sesuai untuk pesakit At-tauhid. Air yang mengandungi unsur H<sub>2</sub>O ( Unsur Hidrogen dan oksigen) amat diperlukan oleh otak. Contoh air terbaik ialah air zam-zam dan air mineral. Gangguan fikiran akan dirawat oleh air yang telah di Syifa'kan dengan doa dan ayat-ayat al-Quran.

Ini berlaku apabila air yang membekalkan oksigen kepada otak akan mengalirkan ayat-ayat Syifa keseluruhan saraf-saraf otak termasuk ke kawasan yang mendapat ganguan Syaitan dan juga Iblis.

- **Melakukan Amalan Membaca Al-Quran dan Zikir**

Amalan membaca al-Quran dan zikir akan menguatkan kerohanian. Amalan tersebut menyebabkan Syaitan dan Iblis akan menghindari diri dan takut. Berkaitan amalan zikir disebutkan oleh Ibnu Qayim bahawa ia akan menyebabkan Syaitan dan Iblis lemah dan menjauhkan diri. Untuk tujuan rawatan para pesakit dikehendaki membaca sebanyak mana zikir dan ayat-ayat al-Quran walaupun merupakan zikir dan ayat al-Quran yang pendek-pendek.

Kaedah `Ilaj Syarie juga mencadangkan beberapa rawatan al Aqlu (kognitif) seperti;

- **Kawalan Fikiran**

Selain rawatan melalui amalan tertentu seperti diuraikan di atas penggunaan anugerah akal oleh Allah yang dijadikan sasaran serangan juga hendaklah digunakan untuk melawan penyakit-penyakit tersebut. Ia dilakukan dengan kaedah kawal tumpuan aliran pemikiran. Penggunaan akal yang dipandu oleh wahyu Allah (ilmu agama) adalah amat penting. Fungsi akal antaranya ialah untuk membezakan sesuatu sama ada baik atau buruk, benar atau batil. Untuk tujuan kawalan fikiran individu pesakit hendaklah menggunakan kapasiti minda agar berfikir secara logik dan rasional.

Sebagai contoh;

- i. **Penyakit was-was**

Bagi melawan penyakit was-was seseorang itu hendaklah melawan bisikan itu dengan membaca surah al-Naas dan isti'azah tetapi dengan menghayati, menyebatikan dan menjadikan maksudnya berpasak sekukuh-kukuhnya di minda. Tanamkan keyakinan Allah SWT sedang memerhati kita dan Maha Mendengar keluhan penderitaan kita yang sedang memohon melindungi kita daripada gangguan was-was tersebut.

Seterusnya memantau aktiviti dalaman minda dan jiwa terutamanya apabila bisikan-bisikan yang membawa kepada was-was muncul. Apabila ia datang, cuba labelkan bahawa ia bukan daripada diri tetapi bisikan syaitan dan syaitan itu musuh manusia yang nyata.

Oleh kerana Syaitan adalah musuh, pastinya ia bertujuan memusnahkan kita. Oleh itu, mengawal diri dan minda agar tidak dapat ditakluk oleh kuasa syaitan dengan memohon perlindungan Allah SWT daripada mudarat yang mungkin diakibatkan oleh syaitan - itu pun dengan izin Allah.

Kemudian, cuba ubah aliran tumpuan fikiran daripada menyedari kemunculan bisikan-bisikan ini kepada memberi sepenuh tumpuan kepada ibadat atau perkara-perkara yang kita was-waskan. Cuba jangan pedulikan bisikan was-was yang muncul. Cuba bayangkan ia seumpama sesuatu imej, pangkahkan untuk menutup skrin imej itu seperti menutup skrin halaman sesawang. Hilang. Beritahu diri ia sesuatu yang tidak penting langsung untuk diberi perhatian atau disedari kemunculannya.

## ii. Pemikiran Kufur

Pemikiran kufur akan datang dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh; Syaitan cuba meragukan kita akan kewujudan Allah SWT. Syaitan akan mengatakan kalau semua alam ini dicipta habis siapa yang mencipta Allah pula? Ini adalah contoh bagaimana Iblis mahu mengkufurkan seseorang. Maka berlakulah apa yang dikatakan kemunculan golongan Atheis dan Mulhid. Untuk mengatasi penyakit pemikiran kufur Mulhid dianjurkan seseorang itu membaca doa:

أَمْتُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ

Maksudnya: Aku Beriman dengan Allah dan RasulNya dan baca

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya:

Dialah yang awal dan Dialah yang akhir, Dialah yang zahir dan Dialah yang batin, Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu. Seterusnya dia hendaklah berhenti daripada memikirkan perkara yang meragukan.

Kalau ia diragukan sesuatu yang boleh dihujahkan seperti kenapa Islam menganjurkan solat sampai sehari lima (5) kali. Maka akal hendaklah diajak berfikir untuk melihat kelebihan-kelebihan dan keistimewaan amalan solat itu itu sendiri. Berdasarkan ilmu mungkin hendaklah direnungkan apa kebaikan solat utk kesihatan tubuh badan sebagaimana yang dibincangkan dalam solat menurut perspektif sains. Dalam proses perlawanan minda ini jangan lupa individu berkenaan hendaklah mengiringkan dengan bacaan zikir seperti membaca Basmalah secara berterusan sehingga gangguan pemikiran tersebut hilang.

### **iii. Penyakit Bimbang (Anxiety Disorder)**

Penyakit bimbang (Anxiety Disorder) biasanya berlaku kerana seseorang itu memikirkan sesuatu yang belum berlaku. Individu berkaitan sering memikirkan masa hadapan dan perkara yang belum berlaku dalam perspektif yang penuh dengan sangkaan buruk dan negatif. Akhirnya ia menjadi tekanan pada perasaan. Bagi merawat penyakit ini seseorang itu hendaklah menghentikan pemikiran-pemikiran yang bersifat khayalan dan ilusi tersebut. Hentikan memikirkan perkara yang belum berlaku tersebut. Alihkan pemikiran dengan memikirkan masa hadapan yang bersifat positif dan mengembirakan. Bahkan ajak aqal berfikir bahawa berfikir dengan penuh syak sangka terhadap sesuatu ketentuan Allah ini adalah dilarang. Tanamkan dalam pemikiran bahawa Allah pasti mahukan segala yang terbaik untuk hamba-hambanya. Ini adalah sifat Allah yang bersifat Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Jangan lupa dalam terus berlawan untuk menghapuskan sangkaan buruk tadi individu berkenaan juga perlu melakukan zikir sehingga kebimbangan-kebimbangan tersebut akan hilang.

### **iv. Bisikan (Halusinasi)**

Bagi menentang halusinasi ini seseorang itu hendaklah yakin bahawa itu bukan pemikiran yang datang daripadanya. Yakini bahawa ia datang daripada luar iaitu Iblis dan Syaitan. Hentikan bisikan-bisikan tersebut dan jangan dilayan. Kalau bisikan itu mengajak untuk melakukan kejahanatan seperti membunuh diri, mencederakan orang dan lainnya maka jangan sekali-kali dilayan. Dalam usaha merasionalkan pemikiran tersebut maka secara kerohaniannya juga maka bersegeralah mengambil wuduk. Lakukan azan sedaya upaya yang mungkin. Banyakkan berdoa seperti;

اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدْنِي اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِكَ اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَصَرِي

- Penjernihan Akidah

Penjernihan akidah amat penting kepada pesakit. Ini kerana pesakit pada tahap tertentu berhadapan dengan kekusutan dan kekeliruan terhadap perkara-perkara keimanan. Ini menyebabkan mereka hilang asas pertimbangan dan keyakinan. Aspek akidah penting untuk memulihkan keyakinan diri pada Allah pada perkara-perkara berikut;

- Allah benar-benar wujud.
- Allah berkuasa atas sesuatu. Tidak ada satu hambaNya yang lebih berkuasa daripadanya termasuk Iblis dan Syaitan.
- Allah sentiasa bersama-sama dan sentiasa menjaga kita.
- Yakinlah bahawa Allah sayangkan hamba-hambanya.
- Rahmat Allah terbentang luas di hadapan kita.

Penyampaian maklumat-maklumat hendaklah dilakukan dalam bentuk yang paling mudah difahami. Celikkan akal pesakit sehingga merasakan kemanisan iman itu sendiri.

- Motivasi dan Harapan

Pesakit juga perlu diberikan harapan dan motivasi pada perkara-perkara berikut;

- Allah Maha pengampun
- Allah sayangkan kita
- Allah akan sentiasa menolong akan hamba-hambaNya.
- Tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan.
- Bagi setiap kesukaran pastinya ada kesenangan.
- Bagi setiap musibah itu ada hikmahnya.
- Setiap penyakit pasti ada ubatnya

- Pengukuhan

Aspek pengukuhan al aqlu (kognitif) juga perlu diberikan kepada pesakit. Untuk itu pesakit dianjurkan mengikuti majlis ilmu seperti;

- Tazkirah (Peringatan)
- Muzakarah (Bincang).
- Mujadalah (berhujah)
- Halaqah ilmu
- Usrah
- Tafakur
- Mendengar bayan dan taklim

# ***TERAPI TAUBAT DAN ISTIGHFAR***



## **Objektif:**

1. Menjelaskan konsep istighfar menurut Islam.
2. Menjelaskan kelebihan istighfar menurut Syariah
3. Menjelaskan kaedah 'Ilaj (terapi) istighfar.

## PENDAHULUAN

Manusia merupakan makhluk yang serba lemah dan tidak lepas daripada melakukan kesilapan dan dosa pada saban ketika Allah dengan sifatNya yang Maha Pengampun, Pengasih dan Penyayang membuka peluang kepada insan untuk memohon keampunan pada setiap waktu dan di mana sahaja mereka berada.

Allah berfirman yang bermaksud:

*“...Dan mohonlah ampun kepada Allah, sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”* (al-Muzamil:20).

## DEFINISI TALIBAT DAN ISTIGHFAR

Menundukkan hati, jiwa dan fikiran terhadap Allah dalam memohon keampunan atas segala dosa serta kesilapan yang dilakukan

## KESAN-KESAN DOSA

- Kemurkaan Allah SWT.
- Kebencian orang-orang mukmin
- Disempitkan rezeki
- Dikurangkan ilmu
- Perasaan yang buruk antara hamba dan Allah SWT dan antara hamba dengan manusia
- Hitamnya wajah, gelapnya hati dan badan menjadi lemah
- Terhalangnya ketaatan dan berterusan dalam kemaksiatan
- Dipandang rendah, keji dan hina disisi Allah

## Fadhilat Istighfar

### Istighfar Dapat Menghapuskan dosa

Kekuatan istighfar disebut oleh Allah SWT melalui firmanNya, dalam surah Ali-Imran 135;

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ الذُّنُوبَ بِإِلَّا اللَّهُ

وَلَمْ يُصِرُوا عَلَى مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

*“Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampunan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).”*

### **Istighfar Dapat Mengusir Syaitan**

Hawa nafsu yang dimiliki manusia merupakan ciri utama syaitan dalam diri manusia. Tenaga yang dikeluarkan oleh hawa nafsu bersifat panas kerana ia mengandungi bara api dan serupa dengan asal kejadian jin dan syaitan. Firman Allah S.W.T. dalam surah Ar Rahmaan ayat 15;

وَخَلَقَ الْجَنَّانَ مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ ﴿١٥﴾

*“Dan ia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang”.*

وَالْجَنَّانَ خَلَقْتُهُ مِنْ قَبْلٍ مِنْ نَارٍ أَلَّسْمُورِ ﴿٢٧﴾

*“Dan jin pula, Kami jadikan Dia sebelum itu, dari angin api yang panasnya menyerap ke liang bulu rompa”. (Al-Hijr: 27)*

Sebagai contoh, ketika nafsu menguasai diri kita, kita akan dapati diri kita berubah menjadi individu yang cepat marah, cepat sedih, cepat kecewa dan mudah putus asa. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisa' ayat 27;

وَاللَّهُ يُرِيدُ أَنْ يَتُوبَ عَلَيْكُمْ وَيُرِيدُ الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الشَّهَوَاتِ أَنْ قَيْلُوا مِيلًا عَظِيمًا ﴿٢٧﴾

*“Dan Allah hendak (membersihkan kamu dari dosa dengan) menerima taubat kamu, sedang orang-orang (yang fasik) yang menurut keinginan hawa nafsu (yang diharamkan oleh Allah itu) hendak mendorong kamu supaya kamu menyeleweng (dari kebenaran) dengan penyelewengan yang besar bahayanya”.*

## Istighfar Dapat Melenyapkan Kesukaran

Kekuatan ini merujuk dari Ibn Thawus yang telah meriwayatkan dalam kitabnya Mahj al-Da'awat, dari Rasulullah SAW bahwasanya beliau berkata; "Sesiapa yang ditimpakan kesukaran atau kesusahan, maka hendaklah mengucap astaghfirullah wa atubu ilaihi sebanyak seribu kali, maka Allah akan menghapuskan segala kesukaran tersebut."

## Istighfar Dapat Melenyapkan Kesempitan

Firman Allah S.W.T.; dalam Surah Muhammad ayat 19;

فَاعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرُ لِذَنْبِكَ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقْلِبَكُمْ وَمَثُولَكُمْ ﴿١٩﴾

"Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (Wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan mintalah ampun kepadanya bagi salah silap yang Engkau lakukan, dan bagi dosa-dosa orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan; dan (ingatlah), Allah mengetahui akan keadaan gerak-geri kamu (di dunia) dan keadaan penetapan kamu (di Akhirat)."

Dalam ayat di atas Allah telah memerintahkan Rasulullah supaya membaca ayat tersebut ketika merasa kesempitan hati lantaran kaum yang menyakitinya sewaktu mula menyebarkan dakwah Islamiah.

Abi Abdillah berkata pula:

"Sesiapa yang banyak beristighfar, maka Allah akan menjadikan segala kesusahan itu kelapangan dan dari setiap kesempitan jalan keluar dan Allah akan memberi rezeki yang tidak dijangka."

Diperkuuh lagi melalui dalil Firman Allah SWT.dalam surah Ath Thalaaq ayat 2-3;

وَمَنْ يَتَقَبَّلْ لَهُ دُخْرَجًا ﴿١﴾ وَيَرْزُقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ﴿٢﴾ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسِيبٌ إِنَّ اللَّهَ بَلَغَ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

“...dansesiapayangberraqwakepadaAllah(denganmengerjakansuruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”

### Istighfar Dapat Memberi Ketenangan Dan Kebahagiaan Dalam Saat Kesempitan

Hal ini telah diungkapkan melalui kata-kata dan doa Nabi Musa a.s., dalam surah Al-A'raaf: 155; di mana ketika Nabi Musa bersama dengan kaumnya mendaki Gunung Tursina dan digegarkan dengan gempa bumi. Ketika itu Nabi Musa bermohon kepada Allah SWT akan keampunan;

وَأَخْتَارَ مُوسَى قَوْمَهُ سَبْعِينَ رَجُلًا لِمِيقَاتِنَا فَلَمَّا أَخْدَهُمُ الْرَّجْفَةُ قَالَ رَبِّنَا لَوْ شِئْتَ أَهْلَكْنَاهُمْ مِنْ قَبْلِ  
وَإِنَّنِي أَهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ الْسُّفَهَاءُ مِنَا إِنْ هَيِّإِلَّا فِتْنَتُكَ تُضْلِلُ بِهَا مَنْ تَشَاءُ وَتَهْدِي مَنْ تَشَاءُ أَنْتَ وَلِيَنَا  
فَاغْفِرْ لَنَا وَارْجُونَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْغَافِرِينَ ﴿١٥٥﴾

“Dan Nabi Musa memilih tujuh puluh orang lelaki dari kaumnya (untuk dibawa bersama ke Gunung Tursina) pada waktu yang telah Kami tentukan. maka ketika mereka digegar oleh gempa, Nabi Musa merayu Dengan berkata: “Wahai TuhanKu! jika Engkau kehendaki, Engkau boleh binasakan mereka bersama-sama denganku sebelum ini. Adakah Engkau hendak membinasakan Kami disebabkan apa yang telah dilakukan oleh orang-orang yang bodoh di antara Kami? (Apa Yang mereka telah lakukan) itu hanyalah cubaanMu. Dengan cubaan itu Engkau sesatkan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau beri petunjuk kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau jualah pelindung kami; oleh itu ampunkanlah kami dan berilah rahmat kepada kami, kerana Engkau jualah sebaik-baik pemberi ampuun.”

## Istighfar Dapat Membawa Rezeki

Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib berkata; “Perbanyakkanlah istighfar kerana ia membawa rezeki”.

Peristiwa ini dikisahkan dalam satu peristiwa, seorang Arab Badwi datang kepada Ali bin Abi Talib, kemudian dia mengadu akan kefakiran dan masalah yang dihadapinya, lalu Ali bin Abi Talib berkata kepadanya;

“Hendaklah kamu beristighfar duhai A’rabi, kerana sesungguhnya Allah telah menjelaskan perkara tersebut melalui firmanNya;” (Nuh: 10-11)

فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُوْا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَارًا ﴿١٠﴾ يُرَسِّلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِّدَارًا

“Sehingga Aku berkata (kepada mereka): ‘Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, Sesungguhnya adalah ia Maha Pengampun. “(Sekiranya kamu berbuat demikian), ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu;”

## Istighfar Mampu Menahan Azab Allah

Sejak akhir-akhir ini pelbagai kejadian bencana mahupun musibah terjadi di seluruh dunia. Segala musibah ini adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia.

Firman Allah SWT dalam surah Asy Syura ayat 30;


وَمَا أَصَبَّكُمْ مِّنْ مُّصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبْتُ أَيْدِيكُرَ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

Maksud Ayat;

“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu.”

Begitulah buruknya moral manusia, sehingga di tengah-tengah bencana alam, kita juga menyaksikan bencana moral. Terfikirkah kita apa yang dapat menyelamatkan kita kalau bukan melalui ‘permohonan doa’ dan pasrah kepada Allah SWT. Ianya terbukti melalui doa Nabi Allah Yunus a.s. “Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri”, yang diungkapkan dalam firman Allah SWT dalam surah Al Anbiyaa’ ayat 87:

وَذَا الْأُنُونِ إِذْ ذَهَبَ مُغَاضِبًا فَظَلَّ أَنَّ لَنْ تَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِي الظُّلْمَاتِ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي  
كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ



“Dan (sebutkanlah peristiwa) Zun-Nun, ketika ia pergi (meninggalkan kaumnya). Dalam keadaan marah, yang menyebabkan ia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakannya kesusahan atau cubaan; (setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku) maka ia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: “Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolonganlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri”.

Menurut ulama, barangsiapa membaca “Tasbih Nabi Yunus” pada malam Nisfu Sya’ban sebanyak 2375 kali. InsyaAllah selamat dan aman ia dalam setahun itu daripada bala bencana dan kesusahan sampai Nisfu Sya’ban tahun mendatang.

Menurut Syeikh Sanusi - barang siapa ada sesuatu hajat yang sulit dan pelik, maka hendaklah ia berwuduk kemudian sujud satu kali dan didalam sujudnya itu membaca Tasbih Nabi Yunus itu 41 kali. Setelah itu sebelum bangkit dari sujud itu, memohon kehadrat Allah apa-apa yang dihajatkannya itu. InsyaAllah hajat dan cita-citanya itu akan didapatnya berkat Tasbih Nabi Yunus.

Jelas kepada kita Islam mengajar bahawa jawapannya ialah melalui ‘istighfar’. Firman Allah SWT, surah al-Anfal: 33;

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَإِنَّتَ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

“Dan Allah tidak sekali-kali akan menyeksa mereka, sedang Engkau (Wahai Muhammad) ada di antara mereka; dan Allah tidak akan menyeksa mereka sedang mereka beristighfar (meminta ampun).”

## Masa Beristighfar

Antara masa yang digalakkan untuk beristighfar ialah;

- Sepanjang hari
- Sesudah melakukan dosa
- Ketika hendak tidur
- Ketika hendak bersahur
- Setelah selesai berwuduk
- Ketika duduk antara dua sujud
- Sesudah membaca tahiyyat (tasyahud akhir)
- Ketika hendak meninggalkan sesuatu majlis

I'LAJ

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَآسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَابًا ﴿٣﴾

“Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat” (An Nasr : 3)

وَأَنْ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمْتَعَنُكُمْ مَتَّعًا حَسَنًا إِلَّا أَجْلِ مُسَسَّى وَيُؤْتَى كُلُّ ذِي فَضْلٍ فَضْلًا،  
وَإِنْ تَوَلُّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابً يَوْمٌ كَبِيرٌ ﴿٤﴾

“Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadanya; supaya ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) ia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya Aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya).” (Hud : 3)

Kaedah Bertaubat:

- Klien diminta untuk melakukan istighfar
- Mengakui kesilapan yang telah dilakukan
- Merasakan diri berdosa kepada Allah SWT
- Menyesal dengan apa yang telah dilakukan
- Benci dengan kesilapan yang dilakukan
- Berazam tidak akan mengulangi kesilapan
- Memperbanyak Lafaz Istighfar
- Solat Taubat
- Melazimkan kekal dalam berwuduk

## Lafaz-Lafaz Istighfar

Berikut adalah beberapa contoh lafaz Istighfar untuk diamal oleh klien;  
Penghulu Istighfar

---

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَرَوْعَدْكَ مَا اسْتَطَعْتُ أَغُوذُ بِكَ مِنْ شَرًّا صَعَّبَ أَبُوءُ  
لَكَ بِعَمَلِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذِنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

---

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

---

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ بِدِينِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا يَتَهَمَّ مِنْ جُمِيعِ جُرُمِي وَإِسْرَافِي عَلَيَّ  
نَفْسِي وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

---

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ تَوْبَةً عَبْدِ ظَالِمٍ لَا يَمْلِكُ لِنَفْسِهِ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا وَلَا مَوْتًا وَلَا  
حَيَاً وَلَا نُشُورًا

---

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَغْفِرُكَ لِكُلِّ ذَنْبٍ جَرَى بِهِ عِلْمُكَ فِي وَعَلَى إِلَى أَخْرَ عُمُرِي بِجُمِيعِ ذُنُوبِي لَا وُلَهَا وَآخِرَهَا وَعَمَلَهَا وَخَطَطَهَا  
وَقَلَّبَهَا وَكَثِيرُهَا وَذَقَّهَا وَقَدِّمَهَا وَحَدَّيْتَهَا وَسِرَّهَا وَعَلَانِيَّتَهَا وَجُمِيعُ مَا أَنَا مُذَنبُهُ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ وَأَسْأَلُكَ أَنْ تُصَلِّي  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَنْ تَغْفِرْ لِي جُمِيعَ مَا أَحْصَيْتُ مِنْ مَظَالِمِ الْعَادِ قِيلِي فَإِنَّ لِعَادِكَ عَلَيَّ حُقُوقًا وَأَنَا مُرْتَبِهِنْ بِهَا تَغْفِرْهَا كَيْفَ  
شَتَّتْ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

---

## TERAPI SOLAT MELALU AMALAN SOLAT SUNAT

Selain solat Fardu terdapat beberapa solat sunat yang boleh dijadikan amalan terapi diri. Contoh-contoh amalan tersebut ialah;

### Solat Sunat Taubat

Solat sunat taubat ialah solat sunat yang dilakukan sesudah seseorang melakukan perbuatan dosa atau merasa berbuat dosa, lalu bertaubat kepada Allah. Dengan berjanji tidak akan mengulanginya.

### Dalil

Sabda Rasulullah (S.A.W) :

ما من رجل يذهب ذنبًا ثم يقوم فيتظهر ثم يصلى ثم يستغفر له ثم قرأ هذه الآية ، والذين إذا فعلوا فاحشة أو ظلموا أنفسهم ذكروا الله فاستغفرو للذنوب ومن يغفر الذنوب إلا الله ولم يصرروا على ما فعلوا وهم يعلمون . أولئك جزاءهم مغفرة من ربهم وجنات تجري من تحتها الأنهار خالدين فيها

(رواه أبو داود والنسائي وابن ماجه)

### Maksudnya:

“Setiap orang yang pernah melakukan perbuatan dosa, kemudian segera bangun dan berwuduk. Kemudian solat lalu memohon keampunan dari Allah, pasti Allah akan memberi keampunan baginya. Setelah itu dibaca surah ini : “ Mereka yang pernah mengerjakan kejahatan atau telah berbuat dosa terhadap dirinya sendiri, lalu mereka segera ingat kepada Allah, terus memohon keampunan di atas dosanya. Siapa pula yang akan mengampuni segala dosa kalau bukan Allah. Sesudah itu mereka insaf dan sedar bahawa ia tidak akan mengulanginya lagi perbuatan dosa seperti yang sudah-sudah, maka mereka itu akan diberi pahala dengan syurga di mana di bawahnya mengalir air sungai, dan di situ lah tempat mereka kekal abadi”

Selepas selesai dari solat, maka beristighfarlah banyak-banyak. Antara istighfar yang baik ialah penghulu istighfar :

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أَسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ بِعَمَلِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ

**Maksudnya:** "Ya Allah ! Engkaulah Tuhanku, tidak ada Tuhan melainkan Engkau, Engkau telah menjadikan daku dan aku adalah hamba-Mu dan aku di atas perintah dan perjanjian-Mu sekadar keupayaanku, aku berlindung dengan-Mu dari kejahanan barang yang aku lakukan, aku mengaku bagi-Mu dengan nikmat-Mu ke atasku dan aku mengaku dengan dosaku, maka ampunilah bagiku, maka sesungguhnya tiada siapa yang dapat mengampunkan segala dosa melainkan Engkau" (Diriwayatkan oleh Bukhari)

### Kaedah:

Solat sunat taubat boleh di lakukan pada bila-bila masa sahaja terutama selepas melakukan dosa. Ia di lakukan dengan 2 rakaat dan satu salam.

### Solat Tahajud

Solat tahajud ialah antara solat-solat sunat yang dituntut untuk kita melakukanNya. Ia mempunyai beberapa kelebihan. Allah berfirman;

Firman Allah Taala :

وَمِنَ الْأَلَيلِ فَتَهَجَّدُ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَنَا رَبُّكَ مَقَامًا مَحْمُودًا ٧٦

"Dan di sebahagian malam itu, hendaklah engkau bertahajud sebagai naflah (tambahan) untukmu. Mudah-mudahan Tuhan-mu akan mengangkat kamu ke suatu tempat (kedudukan) yang terpuji."

(Surah al-Israk : 79)

### Kelebihan

".....dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah 'sembahyang tahajud padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji.

(Surah al-Israk : 79 )

Sesungguhnya solat malam mempunyai pelbagai kelebihan. Diantaranya, Saidina Umar al-Khattab menyatakan kelebihan solat malam dengan berkata: "Sesiapa mengerjakan solat malam (tahajud) dengan khusyuk nescaya dianugerahkan Allah (SAW) sembilan perkara, lima di dunia dan empat di akhirat.

### Kurniaan di dunia ialah:

- Jauh daripada segala penyakit.
- Lahir kesan takwa pada wajahnya.
- Dikasih sekalian mukmin dan seluruh manusia.
- Percakapannya mengandungi hikmah (kebijaksanaan).
- Dikurniakan kekuatan dan diberi rezeki dalam agama (halal dan diberkati)

**Empat perkara di akhirat ialah:**

- Dibangkitkan dari kubur dengan wajah berseri-seri,
- Dipermudahkan hisab,
- Cepat melalui sirat al-Mustaqim seperti kilat
- Diserahkan suratan amalan pada hari akhirat melalui tangan kanan

Rasulullah (SAW) bersabda: “*Hendaklah kamu bersolat malam. Sesungguhnya ia amalan orang soleh sebelum kamu, amalan yang mendekatkan kepada Tuhanmu, penghapus kesalahan dan pencegah daripada dosa.*”

(Riwayat Muslim)

**Kaedah:**

Solat tahajud ini biasanya dilakukan pada pertengahan malam selepas bangkit daripada tidur atau sepertiga malam walaupun selepas tidur sekejap. Bermula waktunya selepas menunaikan solat Isyak bersama 2 rakaat ba'diyahnya sehingga datang waktu subuh. Solat ini tidak mempunyai bilangan rakaat yang tertentu, paling sedikit 2 rakaat dan yang paling banyak tidak terhad.

## NIAT

أَصْلَى سُرَّةَ التَّهْجِيدِ رَكْعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksudnya:** Sahaja aku menunaikan solat Tahajud 2 rakaat kerana Allah Taala.

### Doa Solat Tahajud

رَبَّنَا عَانِتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَدْ أَعْذَابَنَا نَارٌ

"Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka"

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْحَمْدُ أَنْتَ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ مَلِكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ لُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ، وَوَعْدُكَ حَقٌّ، وَلِقَائُكَ حَقٌّ، وَفَوْلُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ ، وَالنَّارُ حَقٌّ وَالشَّيْءُونَ حَقٌّ، وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ حَقٌّ، اللَّهُمَّ أَنْتَ أَسْلَمْتُ وَبِكَ آتَيْتُ ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْكَ أَبْتَأْتُ، وَإِلَيْكَ خَاصَّتُ وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاغْفِرْلِي مَا فَدَمْتُ وَمَا أَخْرَتُ وَمَا أَسْرَرْتُ ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ أَنْتَ الْمَقْدِمُ وَأَنْتَ الْمُؤْخِرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ .

**Maksudnya:** "Ya Allah ! BagiMu kepujian, Engkau cahaya di langit dan di bumi, bagi Engkau kepujian, Engkau yang mendirikan langit dan bumi, bagi Engkau kepujian, Engkau Tuhan di langit dan di bumi dan segala yang terkandung padanya, Engkau Yang Maha Benar, dan janji engkau adalah benar, dan percakapan Engkau adalah benar, dan bertemu dengan Engkau adalah benar, dan syurga adalah benar, dan neraka adalah benar, dan hari kiamat adalah benar, Ya Allah ! KepadaMu aku telah berserah, dan denganMu aku beriman, dan kepadaMu aku bertawakal, dan kepadaMu aku bertaubat, dan kepadaMu aku mengadu, dan ke arah Engkau aku menghakimi, ampunilah dosa-dosa yang telah aku dahulukan dan kemudiankan dan rahsiakan dan lahirkan, Engkau Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau"

Sesudah itu bacalah istigfar banyak-banyak, sama ada membaca istighfar biasa atau sayyidil istighfar.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا اسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ بِعَمَلِكَ عَلَيِّ وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ

**Maksudnya:** "Ya Allah ! Engkau adalah Tuhan melainkan Engkau, Engkau telah menjadikan daku dan aku adalah hambaMu dan aku di atas perintah dan perjanjianMu sekadar keupayaanku, aku berlindung denganMu dari kejahanan barang yang aku lakukan, aku mengaku bagiMu dengan nikmatMu ke atasku dan aku mengaku dengan dosaku, maka ampunilah bagiku, maka sesungguhnya tiada siapa yang dapat mengampunkan segala dosa melainkan Engkau"

### **SOLAT DHUHA**

Solat ini dilakukan pada waktu Dhuha iaitu pada saat matahari naik lebih kurang sepenggalahan (istiwak). Paling banyak yang dikerjakan oleh Rasulullah (SAW) ialah 8 rakaat dan paling banyak yang disabdakan oleh baginda ialah 12 rakaat. Paling sedikit yang boleh dikerjakan oleh 2 rakaat

#### **Dalil**

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : أو صائمٌ خليلي بثلاثة صيام أيام من كل شهر وركعتين الضحى وان أوتر قبل أنام (رواه البخاري ومسلم)

**Maksudnya:** Daripada Abi Hurairah RA katanya : Rasulullah(SAW) telah berwasiat kepadaku tiga perkara, iaitu puasa tiga hari setiap bulan, sembahyang Dhuha dua rakaat dan sembahyang sebelum tidur.

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

#### **Kelebihan**

Antara ibadat sunat yang dianjurkan dan menjadi amalan Rasullullah (SAW) sendiri ialah solat sunat Dhuha. Banyak hadis-hadis yang mengalakkannya dan menyatakan keutamaannya, antaranya dalam riwayat Abu Hurairah katanya:

## **1. Allah Menjanjikan Untuk Menunaikan Keperluan Hari Itu**

Berkata Abu Murrah Ath-Tha'ifi RA bahwasanya Nabi (SAW) telah bersabda : Allah SWT telah berfirman: “*Wahai anak Adam! Bersebahyanglah untuk Aku di awal pagi, niscaya Aku akan mencukupimu di akhirnya.*”

(Riwayat Ahmad)

Hadis Qudsi ini menganjurkan kita mengerjakan Solat Dhuha yang antara faedahnya ialah Allah SWT memberi jaminan akan menyempurnakan segala keperluan-keperluan keduniaan manusia setiap hari.

## **2. Tiga Amalan yang Dicintai oleh Allah (S.W.T)**

“Kekasihku Rasullullah SAW telah berwasiat kepadaku tiga perkara, aku tidak meninggalkannya, iaitu ; supaya aku tidak tidur melainkan setelah mengerjakan witir, dan supaya aku tidak meninggalkan dua rakaat solat Dhuha kerana ia adalah sunat awwabin, dan berpuasa tiga hari daripada tiap-tiap bulan”

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat yang lain Rasullullah SAW pernah bersabda yang maksudnya

“Pada tiap-tiap pagi lazimkanlah atas tiap-tiap ruas anggota seseorang kamu bersedekah; tiap-tiap tahlil satu sedekah, tiap-tiap takbir satu sedekah, menyuruh berbuat baik satu sedekah, dan cukuplah (sebagai ganti) yang demikian itu dengan mengerjakan dua rakaat solat Dhuha .”

(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

### **3. Menjadi Asbab Dimurahkan Rezeki**

Kelebihan sembahyang Dhuha itu seperti yang dinyatakan di dalam kitab "An-Nurain" sabda Rasullullah SAW yang maksudnya : "*Dua rakaat Dhuha menarik rezeki dan menolak kepapaan.*"

### **4. Allah Akan Mengampunkan Dosa-Dosanya**

Dalam satu riwayat yang lain Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya, "*Sesiapa yang menjaga sembahyang Dhuhanya nescaya diampuni Allah segala dosanya walaupun seperti buih dilautan.*"

(Riwayat Ibnu Majah dan At-Tirmidzi)

### **5. Allah akan Membina Untuknya Mahligai Emas di Syurga**

Daripada Anas bin Malik Radhiyallahu 'anhya berkata: "Aku mendengar Rasulullah SAW berkata: "*Sesiapa yang mengerjakan sembahyang sunat Dhuha dua belas rakaat, Allah akan membina baginya sebuah mahligai daripada emas*"

(Riwayat Ibnu Majah dan Tirmidzi)

### **6. Diisyiharkan Sebagai Orang Soleh**

Dalam sebuah hadis yang lain Nabi (SAW) bersabda bermaksud : "Sesiapa yang menunaikan sembahyang sunat Dhuha sebanyak dua rakaat dia tidak termasuk di kalangan orang-orang yang lalai daripada mengingati Allah dan sesiapa yang menunaikannya sebanyak empat rakaat dia akan ditulis sebagai orang-orang yang suka beribadat dan sesiapa yang menunaikannya sebanyak enam rakaat dicukupkan baginya pada hari tersebut, sesiapa yang menunaikannya sebanyak lapan rakaat Allah menulis baginya sebagai orang-orang yang selalu berbuat taat, sesiapa yang menunaikannya sebanyak dua belas rakaat Allah akan membina baginya mahligai didalam syurga dan tidak ada satu hari dan malam melainkan Allah mempunyai pemberian dan sedekah kepada hamba-hamba-Nya dan Allah tidak mengurniakan kepada seseorang daripada hamba-hamba-Nya yang lebih baik daripada petunjuk supaya sentiasa mengingati-Nya"

(Riwayat At-Tabrani)

## KAEDAH MENGERJAKAN SUNAT DHUHA

Waktu sembahyang Dhuha ialah dari naik matahari sampai sepenggalah dan berakhir di waktu tergelincir matahari tetapi sunat dita'khirkan sehingga matahari naik tinggi dan panas terik.

Cara menunaikannya pula adalah sama seperti sembahyang-sembahyang sunat yang lain iaitu dua rakaat satu salam. Boleh juga dikerjakan empat rakaat, enam rakaat dan lapan rakaat. Menurut sebahagian ulama' jumlah rakaatnya tidak terbatas dan tidak ada dalil yang membatasi jumlah rakaat secara tertentu, sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'Aisyah bermaksud : "Adalah Nabi (SAW) bersembahyang Dhuha empat rakaat dan menambahnya seberapa yang dikehendakinya."

(Hadis riwayat Ahmad, Muslim dan Ibnu Majah)

### i- Niat

أَصْلَى سُنَّةَ الصُّحْيَ رَكْعَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksudnya:** Sahaja aku menunaikan solat Dhuha dua rakaat kerana Allah Ta'ala.

### ii- Surah yang dibaca

Tiada ditemui riwayat tentang surah-surah yang dibaca oleh Nabi (SAW) dalam solat ini. Antara surah yang dianjurkan ulama' ialah Surah al-Kafirun dan al-Ikhlas atau as-Syams dan ad-Dhuha

### iii- Doa

اللَّهُمَّ إِنَّ الصَّحَّاءَ ضَحَاءُكَ وَالْبَهَاءُ بِهَاكَ وَالْجَمَالُ جَمَالُكَ وَالْفَوْتُ قُوَّتُكَ وَالْقُدْرَةُ قُدْرَتُكَ وَالْعَصْمَةُ عَصْمَتُكَ . اللَّهُمَّ إِنْ كَانَ رَزْقِي فِي السَّمَاوَاتِ فَالْأَنْزُلْهُ وَإِنْ كَانَ فِي الْأَرْضِ فَاخْرُجْهُ وَإِنْ كَانَ مَغْسِراً فِي سَرَّهُ وَإِنْ كَانَ حِرَاماً فَظَهِّرْهُ وَإِنْ كَانَ بَعِيداً فَقُرِبْهُ بِحَقِّ حَسَابِكَ وَجَمَالِكَ وَقُوَّتِكَ وَقُدْرَتِكَ آتِنِي مَا أَتَيْتَ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ

**Maksud:** Ya Allah! Bahwasanya waktu Dhuha itu adalah waktu DhuhaMu, keindahan itu adalah keindahanMu, kecantikan itu adalah kecantikanMu, kekuatan itu adalah kekuatanMu, kekuasaan itu adalah kekuasaanMu, dan perlindungan itu adalah perlindunganMu. Ya Allah! Ya TuhanKu, jika rezeki-

ku berada di atas langit, maka turunkanlah, dan jika berada di dalam perut bumi maka keluarkanlah, dan jika sukar maka mudahkanlah, jika haram maka sucikanlah, jika masih jauh maka dekatkanlah. Berkat waktu Dhuhamu, KeagunganMu, KeindahanMu, Kekuatan dan kekuasaanMu, limpahkanlah kepada kami segala yang telah Engkau limpahkan kepada hamba-hambamu yang soleh

### SOLAT SUNAT HAJAT

Apabila timbul masalah dalam sesuatu perkara maka mintalah pertolongan daripada Allah dengan mendirikan solat sunat hajat. Sembahyang hajat ini banyak macam bentuknya dari segi bacaan dan tertib cara mengerjakannya. Rukun tetap sama. Waktu mengerjakan sembahyang hajat ini tidak terbatas sama ada pagi, petang, siang dan malam

أَصْلَى سُنَّةَ الْحَاجَةِ رَكْعَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى

**Maksudnya :** “Sahaja aku sembahyang sunat hajat dua rakaat kerana Allah Taala”.

### SOLAT SUNAT TASBIH

Solat Sunat Tasbih dinamakan solat tasbih adalah disebabkan di dalamnya terdapat bacaan tasbih iaitu sebanyak 300 kali.

#### Kaedah

Sekiranya dilakukan pada waktu siang hari maka hendaklah dikerjakan sebanyak 4 rakaat dengan satu salam.

Manakala sekiranya dilakukan pada waktu malam maka hendaklah dikerjakan sebanyak 4 rakaat dengan 2 salam.

Terdapat dua cara untuk melakukan Solat ini :

1. Sesudah kita berniat dan bertakbir, kita membaca doa iftitah. Selanjutnya kita membaca tasbih sebanyak 15 kali. Kemudian membaca ta'awudz dan Al-Fatiha serta surah. Sesudah itu kembali membaca tasbih sebanyak 10 kali. Selanjutnya tasbih dibaca sebanyak 10 kali dalam rukuk, l'tidal, sujud, duduk antara dua sujud dan sujud yang kedua.

2. Bacaan tasbih sebanyak 15 kali dibaca selepas membaca surah, Selanjutnya tasbih dibaca sebanyak 10 kali dalam rukuk, l'tidal, sujud, duduk antara dua sujud dan sujud yang kedua dan pada menjelang untuk mengerjakan rakaat yang berikut.

Dan bagi rakaat terakhir maka tasbih dibaca sebelum membaca tahiyyat.

3. Surah yang biasa dibaca ialah : Pada Rakaat 1 Surah At-Takathur (Alhakumuttakathur), Surah Al-Asr pada Rakaat 2, Surah Al-Kafiruun Rakaat 3 dan Surah Al-Ikhlas Rakaat 4.

Perlu diingatkan kalau sekiranya waktu siang hari bacaan tidak dibaca dengan kuat dan pada rakaat ketiga dan keempat hanya fatihah sahaja dibaca (seperti solat zohor dan asar)

#### Niat

أَصْلَى سَنَةَ التَّسْبِيحِ رَكْعَتِينَ اللَّهُ تَعَالَى

**Maksudnya:** Sahaja aku menunaikan solat sunat Tasbih 2 rakaat kerana Allah Taala.

#### Tasbih

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**Maksudnya:** Maha suci Allah dan pujian bagi Allah, tiada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Besar. Tiada daya upaya melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi lagi Agung.

## Jadual Tasbih

### 1. 4 Rakaat 2 Salam

Waktu	Jumlah tasbih
Selepas Iftitah sebelum Fatihah	15
Sesudah surah Rakaat 1	10
Rukuk	10
Ptidal	10
Sujud	10
Duduk antara dua sujud	10
Sujud kedua	10
Selepas surah Rakaat 2	10
Rukuk	10
Ptidal	10
Sujud	10
Duduk antara dua sujud	10
Sujud kedua	10
Sebelum Tahiyat	15
<b>JUMLAH</b>	<b>150 X 2 = 300</b>

### 2. 4 Rakaat 1 Salam

Waktu	Jumlah tasbih
Selepas Iftitah sebelum Fatihah	15
Sesudah surah Rakaat 1	10
Rukuk	10
Ptidal	10
Sujud	10
Duduk antara dua sujud	10
Sujud kedua	10
Selepas surah Rakaat 2	10
Rukuk	10
Ptidal	10
Sujud	10
Duduk antara dua sujud	10
Sujud kedua	10
Sebelum Tahiyat Awal	15

Selepas Tahiyat Awal	15
Sesudah Fatihah Rakaat 3	10
Rukuk	10
P'tidal	10
Sujud	10
Duduk antara dua sujud	10
Sujud kedua	10
Selepas Fatihah Rakaat 4	10
Rukuk	10
P'tidal	10
Sujud	10
Duduk antara dua sujud	10
Sujud kedua	10
Sebelum Tahiyat Akhir	15
JUMLAH	300

### DOA SOLAT TASBIH

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ تَوْفِيقَ أَهْلِ الْهُدَىٰ وَأَعْمَالَ أَهْلِ الْبَيْنَ وَمُنَاصَحَةَ أَهْلِ التَّوْبَةِ وَعَزْمَ أَهْلِ الصَّابِرِ

وَوَحْلَ أَهْلِ الْخَشْيَةِ وَطَلَبَ أَهْلِ الرَّعْبَةِ وَتَبَعِيدَ أَهْلِ الْوَرَعِ وَعِرْفَانَ أَهْلِ الْعِلْمِ حَتَّىٰ تَحَافَّكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مَحَافَةَ تُحْجِزُنَا عَنْ مَعَاصِيكَ حَتَّىٰ نَعْمَلَ بِطَاعَاتِكَ عَمَلاً نَسْتَحِقُ بِهِ رِضَاكَ وَحَتَّىٰ نُتَصْبِحَكَ

فِي التَّوْبَةِ وَخَوْفًا مِثْكَ حَتَّىٰ تُخْلِصَ لَكَ النُّصْيَحَةَ وَحَسْنًا تَوَكِّلُ عَلَيْكَ فِي الْأُمُورِ كُلُّهَا

وَحَسْنًا تُخْسِنَ الظَّنَّ بِكَ ، سُبْحَانَ خَالِقِ الْثُورِ.

Ya Allah, ya Tuhan kami, kami memohon taufik daripadaMu sebagaimana orang-orang yang telah Engkau beri petunjuk dan jadikan amalan kami ini seperti mana amalan ahli yakin dan jadikanlah kami dari golongan orang yang menerima nasihat orang-orang yang bertaubat dan keazaman kami seperti orang-orang yang sabar dan gementar kami seperti mana orang-orang yang takut dan kami memohon seperti mana permohonan orang yang suka kepada kebaikan dan beribadat seperti orang-orang yang warak dan jadikanlah pengetahuan kami ini sebagai ahli-ahli yang berilmu sehingga kami termasuk ke dalam orang yang takut kepada Engkau.

Ya Allah, kami memohon kepadaMu, jadikan kami golongan yang takut yang menghalang kami daripada melakukan maksiat sehingga kami beramal dengan taat kepadaMu amalan yang kami merasakan perlu mendapat keredhaanMu dan juga sehingga kami bersungguh-sungguh pada bertaubat serta takut kepadaMu dan juga sehingga kami betul-betul ikhlas dan tawakal kepadaMu dalam setiap perkara dan supaya kami menjadi orang yang baik sangka terhadap Engkau, Maha Suci Engkau sebagai Pencipta.

#### 4. ILAJ AL ZIKR (TERAPI ZIKIR)

##### Pendahuluan

Zikrullah adalah amalan mengingati Allah dan menyebut namaNya dengan bertasbih, bertahmid dan sebagainya sama ada dilakukan dengan hati ataupun dengan lisan. Ia merupakan ibadat yang dituntut melakukannya pada setiap masa. Pelbagai fadhilat dan keutamaan yang dijanjikan Allah kepada hamba-hambaNya yang sentiasa berzikir. Sesiapa yang sentiasa berzikir akan mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah Ta'ala.

Berdasarkan wujudnya fadhilat-fadhilat tersendiri berkaitan amalan zikir ini, maka sudah tentu zikir mempunyai kekuatannya tersendiri untuk dijadikan kaedah di dalam 'Ilaj (rawatan) kepada manusia terutamanya bagi mereka yang menghadapi masalah penyakit fizikal, mental, dan spiritual.

##### Pengertian zikir

Dari segi bahasa zikir bermaksud mengingati. Sementara dari segi istilah pula zikir merupakan mengingati Allah SWT. bila mana dan di mana sahaja berada dengan cara-cara yang dibolehkan oleh syarak seperti menerusi ucapan perbuatan atau dengan hati.

##### Fadilat Zikir Menurut Al-Quran, Sunnah dan Ulama

Amalan berzikir mempunyai fadhilatnya tersendiri. Perkara ini dijelaskan oleh al-Quran, Hadis dan para Ulama. Fadhilat-fadhilat yang wujud dalam amalan zikir ini adalah bukti jelas ia boleh dijadikan kaedah untuk 'Ilaj (merawat) pelbagai penyakit yang menghinggapi tubuh manusia terutamanya dalam aspek kerohanian. Berikut adalah penjelasan perkara tersebut;

Firman Allah Ta'ala:

الَّذِينَ إِمَانُوا وَتَطْهِيرٌ قُلُوبُهُمْ يَذْكُرُ اللَّهَ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمِينُ الْقُلُوبُ

Yang bermaksud;

"(laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka Dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia."

(Surah Ar-Ra'd: 28)

Firman Allah Ta'ala lagi:

اتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابٍ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud:

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang di wahyikan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedah dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

(Surah Al-'Ankabut: 45)

Seterusnya Firman Allah Ta'ala:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَانِتِينَ وَالْقَانِتَاتِ  
وَالصَّدِيقِينَ وَالصَّدِيقَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالْخَشِعِينَ وَالْخَشِعَاتِ  
وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالصَّابِئِينَ وَالصَّابِئَاتِ وَالْحَفِظِينَ فُرُوجُهُمْ  
وَالْحَفِظَاتِ وَالْدَّاكِرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا وَالَّذِينَ كَرِتُوا أَعَدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا  
﴿٣٥﴾

Yang bermaksud;

“Sesungguhnya orang-orang lelaki yang Islam serta orang-orang perempuan yang Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatannya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatannya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak,- Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar.”

(Surah Al-Ahzaab : 35)

Firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادُهُمْ إِيمَانًا  
وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

“Sesungguhnya orang-orang yg beriman itu ialah mereka apabila disebut nama Allah maka gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya maka bertambahlah iman mereka dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah”-

(Al-Anfal:2).

Menurut Sunnah Rasulullah pula zikir mempunyai beberapa Fadhilat antaranya;

**Maksudnya:** “Allah Ta’ala berfirman: “Adalah Aku (tertakluk) kepada prasangka (baik dan kekuatan keyakinan) hambaKu kepadaKu, dan Aku bersamanya ketika (hambaKu) mengingatiKu, dan jika (hambaKu itu) mengingatiKu dalam dirinya, maka Akupun mengingatinya dalam diriKu, dan apabila (hambaKu itu) mengingatiKu dalam satu kumpulan, maka Aku ingat dia dalam satu kumpulan yang lebih baik dari kumpulan itu, dan jika (hambaKu) mendekatiKu sejengkal (dengan mentaatiKu), maka Aku mendekatinya sehasta dengan (kerahmatan, petunjuk dan pertolonganKu), dan jika (hambaKu) dekat kepadaKu sehasta Aku dekat kepadanya sedepa, dan jika (hambaKu) mendatangiKu secara berjalan, maka Aku akan mendatanginya secara berlari (mencurah-curah kerahmatan).”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam hadis yang lain lagi Baginda bersabda, sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Sa’id al-Khudri Radhiallahu ‘anhу:

Maksudnya: “Bahawa Rasullullah Shallallahu alaihi wasallam pernah ditanya ibadat apakah yang lebih mulia darjatnya di sisi Allah pada hari Kiamat? Rasullullah menjawab: “Lelaki dan perempuan yang banyak mengingati Allah.” Lalu Abu Sa’id alKhudri pun bertanya: “Wahai Rasullullah, bagaimana pula orang yang berperang pada jalan Allah? Rasullullah bersabda: “Walau orang itu memukul orang-orang kafir dan orang-orang musyrik dengan pedangnya sehingga pecah dan berlumuran darah, tetap juga orang yang (banyak) mengingati Allah itu lebih mulia darjatnya.”

(Hadits riwayat Ahmad)

Seterusnya berdasarkan hadis-hadis Rasulullah SAW bahawa zikir mempunyai fadhilat seperti berikut;

- Perbandingan orang yang berzikir itu hidup dan tidak berzikir itu mati.
- Apa-apa yang Allah akan lakukan terhadap seseorang adalah mengikut sangkaannya terhadap Allah.
- Amalan yang paling baik dan paling suci.
- Ditingkatkan darjah di sisi Allah. Orang sibuk berzikir akan dikerumuni oleh Malaikat, diliputi rahmat, diturunkan ketenangan atas mereka.
- Allah berbangga dengan mereka yang berzikir dan memujinya.
- Ahli majlis zikir akan diseru oleh Malaikat dari langit dengan berkata bangunlah dan keampunan untuk kamu.
- Tujuh golongan mereka yang dilindungi dibawah rahmat Allah antaranya ialah orang yang berzikir.
- Iblis akan binasa dengan kalimah Toiyibah dan Istighfar.
- Seseorang yang mengucap kalimah Toiyibah akan masuk dalam benteng Allah lalu terselamat daripada azab Allah.

Seorang Ulama Mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah iaitu Hafiz Ibnu Qayim R.A zikir mempunyai fadhilat yang begitu banyak. Antaranya ialah;

- Zikir menjauhkan Syaitan dan menghancurkan kekuatannya.
- Zikir menyebabkan keredhaan Allah.
- Zikir menjauhkan dukacita dan kerisauan dalam hati.
- Zikir menguatkan hati dan badan.
- Zikir menyebabkan hati dan wajah bercahaya.
- Zikir menarik rezeki.
- Orang yang berzikir akan diberi kehebatan dan kemanisan (orang yang memandang akan merasa kehebatan dan kemanisan).
- Zikir melahirkan cinta terhadap Allah.
- Zikir membawa hakikat muraqabah (membawa seseorang ke martabat Ikhsan).
- Zikir membawa seseorang kembali kepada Allah dan akhirnya Allah menjadi pelindung dan pembantu dalam setiap keadaan.
- Zikir menghampirkan seseorang kepada Allah.
- Zikir membuka pintu makrifatullah Allah.
- Orang yang berzikir disebut Allah dalam majlisnya.
- Zikir menghidupkan hati.
- Zikir membersihkan karat.

- Zikir adalah makanan roh dan hati.
- Zikir menjauhkan dosa dan maksiat.
- Zikir menjauhkan sifat keraguan seseorang terhadap Allah.
- Sesiapa yang mengingati Allah dalam kesenangan dan Allah akan mengingatinya dalam kesusahan.
- Zikir menyelamatkan seseorang daripada azab Allah.
- Zikir menyebabkan turunnya rahmat dan sakinah.
- Majlis zikir adalah majlis para Malaikat sebaliknya majlis lalai adalah majlis Syaitan.
- Seseorang yang berzikir secara Istiqamah akan terselamat dari melupakan diri sendiri.
- Zikir meningkatkan kerohanian seseorang.
- Nur Zikrullah akan bersama seseorang itu sama ada di dalam kubur atau ketika meniti Titian Sirat.
- Zikir adalah rawatan bagi penyakit-penyakit hati.
- Zikir adalah punca persahabatan dengan Allah sebaliknya kelalaian adalah punca permusuhan.
- Allah menurunkan rahmatnya untuk orang-orang berzikir dan para Malaikat berdoa untuk mereka.
- Sesiapa yang ingin berada di taman-taman Syurga ketika di dunia ini maka hendaklah berada di dalam majlis-majlis zikir.
- Majlis zikir ialah majlis para Malaikat.
- Allah berbangga terhadap orang-orang yang berzikir dihadapan para Malaikat.
- Sesiapa yang banyak berzikir dia akan masuk Syurga Allah sambil tersenyum-senyum. Dengan berzikir setiap yang susah akan menjadi senang. Bebanan berat menjadi ringan dan semua bala bencana akan terlenyap.
- Segala ketakutan dan kebimbangan akan terlenyap melalui zikrullah.
- Wajah orang yang berzikir akan berseri di dunia dan akan berkahaya di akhirat.

### **Amalan 'Ilaj al Zikr (Terapi Zikir)**

Terdapat berapa jenis zikir yang boleh diamalkan oleh seseorang. Berikut adalah beberapa contoh zikir berkaitan.

## **1. ZIKIR AL MA'THURAT**

Zikir Ma'thurat adalah himpunan doa dan zikir yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Sebagai amalan Rasulullah SAW ia mempunyai banyak kelebihan dan manfaat. Berikut adalah kelebihan membaca Al-Mathurat:

- Tidak dihampiri syaitan
- Rumah dan keluarganya terselamat daripada perkara yang tidak diingini.
- Allah mencukupkannya apa yang sangat diperlukan daripada urusan dunia dan akhirat.
- Orang yang membacanya kemudian dia mati pada hari atau malam tersebut maka Allah akan menjamin untuknya syurga.
- Selamat daripada segala sesuatu.
- Allah menyempurnakan nikmatnya ke atas orang yang membacanya.
- Allah berhak untuk meredahainya
- Tidak ada sesuatu yang mendatangkan mudarat ke atasnya.
- Terhindar daripada syirik.
- Selamat daripada bisa atau sengatan semua makhluk yang beracun.
- Dimudahkan menyelesaikan hutang-hutang.
- Berhak untuk mendapat syafaat pada hari kiamat.
- Sesiapa yang membaca di waktu pagi, akan dipelihara oleh Allah hingga ke waktu petang. Dan sesiapa yang membacanya di waktu petang akan dipelihara hingga ke waktu pagi.
- Mengamalkannya umpama mengamalkan Sunnah Rasulullah daripada sudut zikir dan berdoa, dan berbagai lagi kelebihan.

### **Kaedah Amalan:**

Zikir-zikir yang terkandung di dalam Al-Ma'thurat ini sangat sesuai di amalkan oleh setiap muslim sepanjang waktu. Namun biasanya dibaca sesudah solat Subuh dan solat Asar.

## DOA-DOA AL-MA'THURAT SUGHRO

### 1. Surah Al-Fatihah Ayat 1-7

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
رَبِّكَ يَوْمَ الدِّينِ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ  
أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ  
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

"Aku berlindung dengan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada gangguan syaitan terkutuk". "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji bagi Allah (SWT), Tuhan Semesta Alam.Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Yang menguasai hari pembalasan (kiamat). Hanya Engkaulah yang kami sembah, dan Engkaulah sahaja kami mohon pertolongan.Tunjukkanlah kami jalan yang lurus,(iaitu) jalan orang-orang yang Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka; bukan (jalan mereka yang dimurkai) dan bukan pula jalan orang yang sesat."

### Fadhilat Wirid

Dalam satu hadits yang diriyawatkan oleh Ubai Ibn Ka'ab RA sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda "Demi nyawaku yang di dalam kekuasaan-Nya, tidak ada satu surah Taurat, dalam Injil, dalam Zabur dan dalam Al - Furqan seumpamanya (Al-Fatihah). Sesungguhnya ia tujuh ayat yang diulang-ulangkan dari Al-Quran al-'Azim yang diberikan kepada aku."

## 2. Al-Baqarah (1-5)

الْمَرِ ١ ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ٢ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ٣ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ  
مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْأُخْرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ٤ أُولَئِكَ عَلَى هُدًى مِّنْ رَّبِّهِمْ ٥ وَأُولَئِكَ هُمُ  
**الْمُفْلِحُونَ** ٦

"Alif, Laam, Miim. Kitab (Al-Quran) ini tidak ada sebarang keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa. Iaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki mereka yang Kami anugerahkan kepada meraka. Dan mereka yang beriman kepada kitab (Al-Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan yang diturunkan sebelummu serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka dan mereka lah orang-orang yang beruntung."

### Fadhilat Wirid

Tiap pekerjaan yang penting yang tidak dimulakan dengan bacaan Basmalah maka ia kurang berkat. Sesiapa yang membaca sepuluh ayat dari surah Al-Baqarah pagi hari, tidak dihampiri oleh syaitan hingga ke petang dan jika ia membaca seperti itu di petang hari, tidak akan dihampiri syaitan hingga ke pagi dan tidak akan ia lihat sesuatu yang tidak diingini pada anak buahnya dan harta bendanya.

Hadith riwayat Ibn Mas'ud(ra)

### 3. Al-Baqarah 255 (Ayat Al-Kursi)

لَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ  
بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ  
آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُلُّهُمْ  
وَرَسُولُهُ لَا نُفَرَّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفرانَكَ رَبَّنَا  
وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

"Dialah Allah, tiada Tuhan yang sebenarnya disembah melainkan Dia yang sentiasa hidup lagi sentiasa mengurus hamba-Nya sendirian, tidak dipengaruhi oleh mengantuk dan tidur. Dialah yang mempunyai segala di langit dan segala di bumi, siapakah gerangan yang memberikan syafaat di sisi-Nya dengan hak tidak dengan keizinan-Nya? Tuhan mengetahui apa yang di hadapan mereka dan mereka tidak meliputi (mengetahui) sesuatu dari ilmunya melainkan barang yang dikehendaki-Nya. Maha Luas Kursi (kerajaan)-Nya meliputi sekalian langit dan bumi. Dan tiada berat bagi-Nya memelihara keduanya dan dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung."

#### Fadhilat Wirid

Dalam hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud RA, Rasulullah SAW bersabda: "sesiapa yang membaca sepuluh ayat ini: Empat di awal surah Al - Baqarah, ayat Kursi, dan dua ayat berikutnya dan akhir surah Al - Baqarah, maka rumahnya akan selamat daripada dimasuki syaitan hingga ke pagi hari."

#### 4. Al-Baqarah 256-257

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ  
قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشُدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكْفُرُ بِالظَّنِّ وَيُؤْمِنُ بِاللهِ  
فَقَدِ أَسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللهُ سَمِيعٌ  
عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾ اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى  
النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الظَّنِّ وَيُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ  
إِلَى الظُّلْمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْنَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

"Tiada paksaan dalam agama (Islam), kerana telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur). Oleh itu orang yang tidak mempercayaai taghut dan beriman kepada Allah, dia berpegang kepada simpulan (ajaran agama) yang teguh serta tidak akan putus. Dan ingatlah, Allah Maha mendengar, lagi Maha mengetahui. Allah Pelindung(Yang mengawal dan menolong) orang beriman. Ia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (Kufur) kepada cahaya(Iman). Dan orang kafir, penolong-penolong mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka daripada cahaya (Iman)kepada kegelapan (Kufur). Mereka itulah ahli neraka. Mereka Kekal di dalamnya.

## 5. Al-Baqarah 284-285

إِلَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ  
تُخْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْلَمُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ  
وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

"Kepunyaan Allah segala apa yang ada di langit dan di bumi. Dan jika kamu melahirkan apa yang di dalam hatimu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah (SWT) akan membuat perhitungan dengan kamu tentang perbuatan kamu itu. Maka, Allah mengampuni siapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."

إِمَانَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ إِمَانَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لَا  
نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفرانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

Rasul telah beriman kepada Al-Quran yang diturunkan kepadanya dari TuhanYa, demikian pula orang-orang yang beriman. Semuanya beriman kepada Allah, Malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya.( Mereka mengatakan): " Kami tidak membezakan antara seseorang pun (dengan yang lain) dari Rasul-rasulNya ", dan mereka mengatakan :" Kami dengar dan kami taat", (Mereka berdoa): " Ampunilah kami ya Tuhan kami dan kepada Engkau lah tempat kami kembali."

## 6. Al-Baqarah 286

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا  
كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا  
رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا  
رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَا وَاغْفِرْ لَنَا  
وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ ﴿٢٨٦﴾

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebijakan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksaan (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa) : "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika lupa atau kami bersalah. Ya Tuhan Kami janganlah Engkau bebankan kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Berikanlah maaf kepada kami. Engkaulah penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir."

## 7. Surah Al-Ikhlas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿۱﴾ إِنَّ اللَّهَ الصَّمَدُ ﴿۲﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ﴿۳﴾ وَلَمْ  
يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿۴﴾

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Katakanlah (Wahai Muhammad): “(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa”, Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Ia tidak mempunyai anak dan ia jugak tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapa pun yang setara denganNya”

### Fadhilat Wirid

Abdullah bin Khubaib RA berkata: Di satu malam gelap dan hujan lebat, kami keluar mencari Rasulullah SAW untuk bersama - sama sembahyang dengannya dan kami temuinya lalu baginda bersabda sesuatu, maka saya tidak berjata apa. Kemudian baginda bersabda lagi hingga tiga kali, saya terus berkata:

“Wahai Rasulullah, apakah yang saya hendak baca?” Maka baginda bersabda: “Bacalah surah Al - Ikhlas, Al - Falaq, dan Al - Nas waktu petang dan pagi tiga - tiga kali nescaya memadai untuk engkau segala sesuatu.”

(Riwayat Abu Daud, Tarmidzi dan An - Nasai'e)

## 8. Surah Al-Falaq

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ وَمِنْ شَرِّ  
غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ۝ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْأَعْقَدِ ۝ وَمِنْ شَرِّ  
خَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۝

“Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Katakanlah: Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang mencipta sekalian Makhluk, daripada bencana para makhluk ciptaan-Nya dan daripada bahaya gelap apabila ia (merangkak) masuk, dan daripada bencana kejahatan makhluk - makhluk yang menghembus - hembus pada pelbagai simpulan sihir dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya”.

## 9. Surah An-Nas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ۝ مَلِكِ النَّاسِ ۝ إِلَهِ النَّاسِ ۝ مِنْ  
شَرِّ الْوَسَوَاسِ الْخَنَّاسِ ۝ الَّذِي يُوَسِّعُ فِي صُدُورِ  
النَّاسِ ۝ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ۝

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Katakanlah (Wahai Muhammad): “Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia”, Yang menguasai sekalian manusia. Tuhan yang layak disembah oleh sekalian makhluk. Dari kejahatan pembisik, penghasut yang timbul tenggelam, yang melemparkan bisikan dan hasutan ke dalam hati manusia, (iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.”

10.

أَصْبَحَنَا وَأَصْبَحَ الْمُلْكُ لِلَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ التَّشْوُرُ

(Pagi) "Kami hayati pagi ini ya Allah di mana pada pagi ini kerajaan alam ini di tanganMu. Puji untuk Allah, tidak ada sekutu bagiNya. Tidak ada Tuhan sebenarnya melainkan Dia. KepadaNya kami bakal dihimpunkan."

#### Fadhilat Wirid

Rasulullah SAW selalu membaca ayat tersebut di waktu pagi dan petang.

(Riyawat Ibnu Sunni dan Al - Bazzar)

11.

أَمْسَيْنَا وَأَمْسَيَنَا الْمُلْكُ لِلَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ إِلَيْهِ الْمَصِيرُ

(Petang) " Kami hayati petang ini ya Allah di mana pada pagi ini kerajaan alam ini di tangan-Mu Puji untuk Allah, tidak ada sekutu bagi-Nya. Tidak ada Tuhan sebenarnya melainkan Dia. KepadaNya kami bakal dihimpunkan"

#### Fadhilat Wirid

Rasulullah SAW selalu membaca ayat tersebut di waktu pagi dan petang.

(Riyawat Ibnu Sunni dan Al – Bazzar)

13.

أَصْبَحْنَا عَلَىٰ فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ ، وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ ، وَعَلَىٰ دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،  
وَعَلَىٰ مِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

(Pagi) "Kami hayati suasana pagi ini atas landasan fitrah dan perwatakan Islam. Berpegang kepada kalimah Ikhlas (dan prinsip) keikhlasan. Berpegang kepada agama Nabi-Mu Muhammad SAW, yang juga agama bapa kami (Nabi) Ibrahim dengan setulus hati. Dan (Nabi) Ibrahim sama sekali bukan seorang yang musyrikin."

#### Fadhilat Wirid

Rasulullah SAW selalu mengajar kami (para sahabat) membacanya apabila masuk waktu pagi dan petang.

(Riwayat Ibn Abdullah, Imam Ahamad)

14.

أَمْسَيْنَا عَلَىٰ فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ ، وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ ، وَعَلَىٰ دِينِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ،  
وَعَلَىٰ مِلَّةِ أَبِيْنَا إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

(Petang) "Kami hayati suasana petang ini atas landasan fitrah dan perwatakan islam. Berpegang kepada kalimah Ikhlas (dan prinsip) keikhlasan. Berpegang kepada agama Nabi-Mu Muhammad SAW, yang juga agama bapa kami (Nabi) Ibrahim dengan setulus hati. Dan (Nabi) Ibrahim sama sekali bukan seorang yang musyrikin."

#### Fadhilat Wirid

Rasulullah SAW selalu mengajar kami (para sahabat) membacanya apabila masuk waktu pagi dan petang.

(Riwayat Ibn Abdullah, Imam Ahamad)

15.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَصْبَحْتُ مِنْكَ فِي نِعْمَةٍ وَغَافِيَةٍ وَسِرِّ فَاتِمٍ عَلَىٰ نِعْمَتِكَ وَسِرِّكَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ

(Pagi) "Kami hayati suasana pagi ini atas landasan fitrah dan perwatakan Islam. Berpegang kepada kalimah Ikhlas (dan prinsip) keikhlasan. Berpegang kepada agama Nabi-Mu Muhammad SAW, yang juga agama bapa kami (Nabi) Ibrahim dengan setulus hati. Dan (Nabi) Ibrahim sama sekali bukan seorang yang musyrikin."

### Fadhilat Wirid

Rasulullah SAW selalu mengajar kami (para sahabat) membacanya apabila masuk waktu pagi dan petang.

(Riwayat Ibn Abdullah, Imam Ahamad)

16.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَيْتُ مِنْكَ فِي نِعْمَةٍ وَغَافِيَةٍ وَسِرِّ فَاتِمٍ عَلَىٰ نِعْمَتِكَ وَسِرِّكَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ

(Petang) "Ya Allah, petang ini kami kecapi nikmat pemberian-Mu, kesihatan dan perlindunganMu, maka sempurnakan nikmat, afiat dan perlindungan-Mu terhadap kami di dunia dan akhirat."

### Fadhilat Wirid

Daripada Ibn Abbas RA, dia berkata bahawa, Rasulullah SAW telah bersabda :"Barang siapa yang membaca pada pagi dan petang sebanyak 3 kali, maka adalah menjadi hak Allah SWT menyempurnakan nikmat ke atasnya."

(Riwayat Ibnu Sunni)

17.

اللَّهُمَّ مَا أَصْبَحَ بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِّنْ خَلْقِكَ فَمِنْكَ وَحْدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ فَلَكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ

(Pagi) "Ya Allah, apa saja nikmat yang kami dapati pagi ini dari mana-mana makhlukMu maka sebenarnya dari Engkau jua. Tidak ada sekutu bagiMu. Puji dan kesyukuran (kami) untukMu."

اللَّهُمَّ مَا أَمْسَى بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِّنْ خَلْقِكَ فَمِنْكَ وَحْدَكَ لَا شَرِيكَ لَكَ فَلَكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الشُّكْرُ

(Petang) "Ya Allah, apa saja nikmat yang kami dapati petang ini dari mana-mana makhlukMu maka sebenarnya dari Engkau jua. Tidak ada sekutu bagi-Mu. Puji dan kesyukuran (kami) untuk-Mu."

### Fadhlat Wirid

Berkata Abdullah bin Ghanam al-Biyadzi RA, sabda Rasulullah SAW: "Sesiapa yang membaca waktu pagi dan petang sebanyak 3 kali, menunjukkan ia telah menunjukkan kesyukuran kepada Allah hari dan malam tersebut."

18.

يَا رَبِّي لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَبْغِي لَجَلَالٍ وَجَهَكَ وَعَظِيمٌ سُلْطَانِكَ

"Wahai Tuhan, untukMu pujian yang setanding dengan kebesaran serta kemuliaan wajahMu dan keagungan kekuasaanMu."

### Fadhilat Wirid

Daripada Abdullah bin Umar RA, Rasulullah bercerita: " Seorang hamba Allah SWT membaca (bacaan di atas) maka terasa lemah dua malaikat dan tidak tahu bagaimana untuk mencatit ganjarannya, lalu malaikat terus mengadu kepada Allah SWT, katanya: 'Ya Allah! Seorang hamba Engkau membaca satu bacaan yang kami tidak tahu bagaimana untuk mencatit ganjarannya' Firman Allah SWT: "(Yang memang mengetahui) Apa yang dibaca olehnya?" Maka jawab malaikat "Ia membaca (bacaan di atas)." Firman Allah : ' Tulislah sebagaimana yang dibaca oleh hambaKu itu sehingga ia menemui Aku dan Aku akan beri ganjaran dengan bacaannya itu'."

(Riyawat Imam Ahmad dan Ibnu Majah)

19.

رَضِيَتْ بِاللَّهِ رَبِّا وَبِالإِسْلَامِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ كَبِيرًا وَرَسُولًا

"Aku telah rela dengan Allah sebagai Tuhanku, dan dengan Islam sebagai agamaku dan dengan Muhammad sebagai Nabi dan Rasulku"

### Fadhilat Wirid

Daripada Abi Salam RA, iaitu seorang khadam Nabi SAW, dia berkata: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa membaca waktu pagi dan petang (bacaan di atas) sebanyak tiga kali adalah menjadi hak ke atas Allah memberi keredhaan".

(Riwayat Abi Daud dan Tarmidzi, An - Nasa'ie dan Al - Hakim)

20.

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ عَدْدُ خَلْقِهِ وَرَضَا نَفْسِهِ وَزِنَةُ عَرْشِهِ وَمَدَادُ كَلْمَاتِهِ

"(Kami ucapkan) Maha Suci Allah dengan segala tahmidNya, sebanyak makhluk ciptaanNya, serela hatiNya, seberat timbangan 'ArasyNya dan sebanyak tinta kalimahNya."

### Fadhilat Wirid

Daripada Juwairiah Ummul Mukminin RA sesungguhnya Rasulullah SAW keluar dari tempatnya pagi-pagi hari apabila baginda selesai sembahyang subuh dan dia masih dalam masjidnya, kemudian Rasulullah SAW balik semula selepas baginda sembahyang sunat Dhuha. Lalu sabda Rasulullah SAW : "Engkau masih berada seperti dalam keadaan masa saya keluar tadi." Jawab Juwairiah: "Ya." Maka sabdanya lagi: "Sesungguhnya saya telah membaca selepas itu empat kalimah (bacaan di atas) sebanyak tiga kali di mana jika boleh ditimbangkan dengan apa yang dibaca sejak pagi tadi sudah tentu saya timbangkan."

21.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ تُشْرِكَ بِكَ شَيْئًا نَعْلَمُهُ وَنَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا نَعْلَمُهُ

"Ya Allah, sesungguhnya kami mohon perlindunganMu daripada mensyirikkanMu dengan sesuatu yang kami ketahui dan kami mohon ampun kepadaMu daripada apa jua perkara yang tidak kami ketahui."

### Fadhilat Wirid

Daripada Abu Musa al-Ash'ari : Suatu hari Rasulullah (SAW) telah memberikan ucapan kepada kami demikian sabdanya: "Wahai manusia, hendaklah kamu takut daripada syirik kerana ia merupakan satu benda sulit yang lebih sulit daripada melatanya semut." Maka ditanya oleh seorang hamba Allah (SWT) : "Bagaimanakah wahai Rasulullah kami terus memeliharanya sedangkan ia lebih sulit daripada melatanya semut ?" Maka jawab baginda (SAW): "Bacalah olehmu sebanyak tiga kali setiap hari (bacaan di atas)."

22.

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

"(Kami ucapkan) Dengan nama Allah yang segala sesuatu di langit mahupun di bumi tidak akan memberikan apa-apa mudharat selama bersama dengan namaNya. Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."

### Fadhilat Wirid

Daripada Uthman bin Affan RA: Mana-mana hamba Allah SWT yang membaca tiap-tiap pagi dan petang hari (bacaan di atas) sebanyak tiga kali insyaAllah tidak akan ditimpa keatasnya bahaya.

(Riwayat Abu Daud dan Tirmidzi)

23.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْخَزْنِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسْلِ ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُنُونِ وَالْبُخْلِ ،  
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَلَيْهِ الدُّنْيَا وَفَهْرِ الرِّجَالِ

“Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari rundungan sedih dan duka. Aku berlindung kepadaMu dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepadaMu dari sifat pengecut dan kedekut. Aku berlindung kepadaMu dari beban hutang dan penindasan orang.”

### Fadhilat Wirid

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW masuk ke dalam masjid. Tiba-tiba terdapat seorang sahabat bernama Abu Amamah di dalam keadaan ketar, maka baginda bertanya: “Apakah sebab aku lihat kamu berada di masjid yang bukan masa sembahyang?”

Jawab Abu Amamah: “Beberapa urusan hutang telah menyebabkan aku resah gelisah wahai Rasulullah. Maka jawab baginda : “Tidakkah sepatutnya aku ber satu bacaan yang apabila engkau baca, akan dihilangkan oleh Allah SWT penyakit kebingungan itu dan akan terbayar hutang-hutangmu?” Jawabnya: “Ya!” Lalu baginda bersabda: “Apabila pagi dan petang, hendaklah membaca (bacaan di atas).” Kemudian Abu Amamah berbuat seperti yang diarahkan oleh Rasulullah SAW, maka Allah SWT telah menghilangkan penyakit resahnya, dan segala hutangnya dapat diselesaikan.

(Riwayat oleh Abu Daud)

24.

اللَّهُمَّ عَافِي فِي بَدْنِي ، اللَّهُمَّ عَافِي فِي سَمْعِي ، اللَّهُمَّ عَافِي فِي بَصَرِي

“Ya Allah, sejahterakanlah tubuh badanku. Ya Allah, sejahterakanlah pendengaranku dan Ya Allah sejahterakanlah penglihatanku.”

#### Fadhilat Wirid

Daripada Abdul Rahman bin Abi Bakrah RA, dia pernah berkata kepada bapanya: “Wahai bapaku, saya mendengar bapa selalu mengulang-ulang doa (bacaan di atas) tiap-tiap pagi dan petang.” Jawab bapanya: “Ya! Bapa dengar Rasulullah berdoa seperti itu, maka bapa ingin menyebut sunnahnya.”

(Riwayat Abi Daud)

25.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَغُوذُكَ مِنَ الْكُفُرِ وَالْقَفْرِ ، وَأَغُوذُكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

“Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari kufur dan kefakiran. Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari seksa kubur. (Ikran kami) Tidak ada Tuhan (yang sebenarnya) kecuali Engkau.”

#### Fadhilat Wirid

Daripada Abdul Rahman bin Abi Bakrah RA, dia pernah berkata kepada bapanya: “Wahai bapaku, saya mendengar bapa selalu mengulang-ulang doa (bacaan di atas) tiap-tiap pagi dan petang.” Jawab bapanya: “Ya! Bapa dengar Rasulullah berdoa seperti itu, maka bapa ingin menyebut sunnahnya.”

(Riwayat Abi Daud)

25.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ، وَوَعْدُكَ مَا سَطَعَتْ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّمَا  
صَنَعْتُ أَبُوكَ يَنْعَمِتُكَ عَلَيَّ وَأَبُوكَ يَذْنِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

“Ya Allah, Engkaulah Tuhanmu, tiada tuhan kecuali Engkau. Engkaulah yang menciptakan diriku. Aku (hanyalah) hambaMu. Aku berusaha sedaya upaya untuk setia memegang janjiMu. Aku berlindung kepadaMu ya Allah akibat dari kejahatan yang terlanjur telah aku lakukan. Ya Allah, aku mengaku sekian banyak nikmatMu kepada aku dan aku mengakui juga akan sekian banyak dosaku, maka ampunkanlah dosaku. Tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau.”

### Fadhilat Wirid

Daripada Syaddad bun ‘Aus RA daripada Nabi SAW bersabda: “Penghulu istighfar ialah (bacaan di atas), sesiapa yang membaca penuh dengan keyakinan setiap pagi dan petang maka sekiranya dia mati di waktu itu insyaAllah akan dimasukkan ke dalam syurga.”

26.

أَسْتغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ وَأَتُوْبُ إِلَيْهِ

"Aku mohon ampun kepada Allah yang tiada tuhan kecuali Dia, Tuhan yang sentiasa hidup dan berkekalan (mentadbir alam ini) dan aku bertaubat kepadaNya (akan segala dosaku)."

### Fadhilat Wirid

Daripada Zaid, Nabi SAW berkata: "Aku dengar bapaku menceritakan kepada aku, daripada nenekku ia dengar Rasulullah bersabda, sesiapa yang membaca (bacaan di atas) maka diampunkan segala dosanya."

(Riwayat Abu Daud dan Tarmidzi)

27.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوْبُ إِلَيْكَ

"Maha Suci Engkau ya Allah dengan segala kebesaran dan tahmid. Aku jadi saksi dan mengaku bahawa tiada Tuhan lain kecuali Engkau. Aku pohon ampun dariMu akan segala dosa kesalahan."

### Fadhilat Wirid

Jubair bin Mat'am RA berkata bahawa Rasulullah bersabda: "Barangsiaapa yang membaca (bacaan di atas) hingga akhir, dalam mana-mana majlis zikir, maka adalah sama seperti meterai (cop) yang dimeterikan atasnya dan jika di baca dalam majlis-majlis yang bukan zikir adalah sebagai kifarat (penutup segala kesalahan dan dosanya)."

(Riwayat An - Nasa'ie, Thabrani dan Al - Hakim)

28.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ ، وَعَلَى أَهْلِ وَصَحِّبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا  
عَدَّدَ مَا أَخَاطَ بِهِ عِلْمُكَ وَخَطْبُكَ قَلْمُكَ وَاحْصَاهُ كِتْبُكَ

Ya Allah, restuiyah dan berkatkanlah junjungan kami Muhammad, sebagai hamba, Nabi dan Rasul-Mu yang Ummi. Berkatilah keluarga dan sahabat Baginda. Sejahterakanlah Baginda selama-lamanya. Kami pohon sebanyak bilangan apa saja yang di ketahui oleh-Mu atau sebanyak perkara yang ditulis oleh kalam-Mu dan sebanyak yang dirangkum oleh kitab-Mu.

29.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنْ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُشَّمَانَ وَعَلَىٰ وَعَنِ الصَّحَابَةِ أَضْجَمَعِينَ ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيهِمْ يَا حَسَانَ إِلَى يَوْمِ  
الْدِينِ ، سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعَزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

“Terima dan redailah ya Allah akan penghulu-penghulu kami, Saidina Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali dan para sahabat Baginda semuanya, juga para tabi'in dan orang yang mengikut jejak langkah mereka sehingga ke hari pembalasan. Terimalah (kepulangan) mereka dengan sebaik-baiknya”.

### Fadilat Wirid

Imam Nawawi menulis dalam kitabnya (al-Azkar) : “... kami riwayatkan dalam Hilyatul Aulia daripada Saidina Ali: Sesiapa yang ingin menyukat dengan penyukat yang lebih sempurna, maka katakanlah di akhir mana-mana majlis dengan (bacaan di atas).”

### 30. Surah Ali-Imran (26-27)

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ شَاءُ ، وَتُرْعِي الْمُلْكَ مَمْنُ شَاءَ ، وَتُعْزِّي مَنْ شَاءَ وَتُذَلِّلُ مَنْ شَاءَ ،  
بِيَدِكَ الْحَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ، تُولِّجُ الْأَيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِّجُ النَّهَارِ فِي الْأَيْلِ ،  
وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمِتْ وَتُخْرِجُ الْمِتْ مِنَ الْحَيِّ ، وَتَرْزُقُ مَنْ شَاءَ بِغَيْرِ الْحِسَابِ

Katakanlah: "Katakanlah, Ya Allah, pemilik kekuasaan (kerajaan) alam buana, Engkau memberi kekuasaan kepada sesiapa yang Engkau suka. Engkau merampas kekuasaan itu dari siapa sahaja yang Engkau mahu. Engkau berkuasa memuliakan dan menghina siapa yang Engkau mahu. Di tanganMu (wahai Allah) segala kebaikan dan kekayaan. Sesungguhnya, Engkau berkuasa untuk berbuat apa sahaja. "Engkau mengganti siang dengan malam dan mengantikan malam dengan siang. Engkau menerbitkan sesuatu yang hidup dari sesuatu yang kaku (mati) dan Engkau menerbitkan sesuatu yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau memberi rezeki tanpa berhitung kepada sesiapa sahaja yang Engkau mahu."

### 31.

اللَّهُمَّ إِنِّي نَسَأُكَ لِسَائِكَ رَطْبًا بِذَكْرِكَ وَقَلْبًا مَغْفِلًا بِسُكْرِكَ وَبِدُنًا هَبْتَا لِيَنَا بِطَاعَتِكَ ، اللَّهُمَّ إِنِّي نَسَأُكَ قَلْبًا خَاشِعًا وَنَسَأُكَ  
عَلِمًا نَافِعًا وَنَسَأُكَ يَقِنَا صَادِقًا وَنَسَأُكَ دِينًا قِيمًا وَنَسَأُكَ الْعَافِيَةَ مِنْ كُلِّ بَلَى وَنَسَأُكَ ثَمَامَ الْغَنِيَّ عَنِ النَّاسِ وَهَبْ لَنَا  
حَقِيقَةَ الْإِيمَانِ بِكَ حَتَّى لَا نَخَافَ وَلَا نَرْجُو غَيْرَكَ وَلَا نَعْدِ شَيْئًا بِمَا نَكَ وَاجْعَلْ بِكَ مَسْوَطَةً عَلَيْنَا وَعَلَى أَهْلِنَا وَأَوْلَادِنَا  
وَمَنْ مَعَنَا بِرَحْمَتِكَ وَلَا تَكُنْ إِلَى أَنفُسِنَا طَرْفَةَ عَيْنٍ وَلَا أَقْلَ مِنْ ذَلِكَ يَا نَعْمَ الْجَيْبُ

"Ya Allah kurniakanlah kami lisan yang lembut basah mengingati dan menyebut (nama) Mu, serta badan yang ringan menyempurnakan ketaatan kepada perintahMu. Ya Allah, kurniakanlah kami iman yang sempurna, hati yang khusyuk, ilmu yang berguna keyakinan yang benar-benar mantap. (Ya Allah) kurniakanlah kami (ad-Deen) cara hidup yang jitu dan unggul selamat dari segala mara bahaya dan petaka. Kami mohon (Ya Allah) kecukupan yang tidak sampai terpaksa meminta jasa orang lain. Berikanlah kami (Ya Allah) iman yang sebenarnya sehingga kami tidak lagi gentar atau mengharapkan orang lain selain dari Engkau sendiri. Kembangkanlah lembayung rahmatMu kepada kami, keluarga dan anak-anak kami serta sesiapa sahaja yang bersama-sama kami. Janganlah (Ya Allah) Engkau biarkan nasib kami ditentukan oleh diri kami sendiri, walaupun kadar sekelip mata atau kadar masa yang lebih pendek dari itu. Wahai Tuhan yang mudah dan cepat memperkenankan permintaan (perkenankanlah)."

32.

اللَّهُمَّ إِنْ هَذَا إِقْبَالٌ لِّيْكَ وَإِدْبَارٌ نَّهَارَكَ وَأَصْوَاتٌ دُعَائِكَ فَاغْفِرْلِي ، اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذِهِ الْقُلُوبُ ، قَدْ اجْتَمَعَتْ عَلَى  
مُحِيطِكَ وَالنَّفَقَتْ عَلَى طَاعِنِكَ وَتَوَحَّدَتْ عَلَى دُعَوَتِكَ وَتَعاهَدَتْ عَلَى نُشُرةِ شَرِيعَتِكَ فَوْقَ اللَّهِمَ رَابِطَهَا وَادِمُ رُدُّهَا  
وَاهِدِهَا سَبِيلَهَا وَامْلَأْهَا بِنُورِكَ الَّذِي لَا يَخْبُرُ وَاسْرَحْ صُدُورَهَا بِفِضْلِ الْإِيمَانِ يَكَ وَجْهِيَ التَّوْكِلُ عَلَيْكَ وَأَحِيَّهَا بِمُعْرِيقِكَ  
وَأَمْبَهَا عَلَى الشَّهَادَةِ فِي سَبِيلِكَ إِنَّكَ تَعْمَلُ الْمُؤْلَى وَتَعْمَلُ التَّصْبِيرَ وَصَلَّى اللَّهُمَّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الْأَئِمَّةِ وَسَلَّمَ

"Ya Allah, menjelanglah kini malam (ciptaan)-Mu, beredarlah sudah siang-Mu, inilah keluhan suara dan pinta para du'at-Mu. Maka oleh itu ampunkanlah dosaku. Ya Allah, Engkau mengetahui bahawa hati-hati ini (bayangkan wajah-wajah rakan persejuangan) telah berkumpul kerana mengasihiMu, bertemu untuk mematuhi (perintahMu), bersatu memikul beban dakwahMu. Hati-hati ini telah mengikat janji setia mendaulat dan menyokong syariatMu. Maka eratkanlah ya Allah ikatannya. Kekalkan kemesraan antara hati-hati ini. Tunjukkanlah kepada hati-hati ini dengan limpahan iman/keyakinan dan keindahan tawakkal kepada-Mu. Hidup suburkan hati-hati ini dengan pengetahuan sebenar tentangMu Jika Engkau mentakdirkan matimaka matikanlah pemilik hati-hati ini sebagai para syuhada dalam perjuangan agamaMu. Engkaulah sebaik-baik sandaran dan sebaik-baik penolong. Ya Allah, perkenankanlah permintaan ini. Ya Allah restuiyah dan sejahterakanlah junjungan kami (Nabi) Muhammad, keluarga dan para sahabat baginda semuanya" Amin.

## **2. ZIKIR MANZIL**

'MANZIL' mengandungi beberapa ayat al-Quran yang telah diajar oleh Rasulullah SAW kepada sahabat RA sebagai shifa'(penawar dan ubat) dari beberapa jenis penyakit rohani dan jasmani serta sebagai pelindung dari sihir.

### **Fadhilat**

- Menguatkan kerohanian seseorang
- Memberi ketenangan
- Dijauhi daripada Syaitan dan Iblis
- Terhindar daripada Sihir

Ayat-Ayat Al Quran untuk diamalkan;

- Al-Fatiyah
- Al-Baqarah : ayat 1-5, 163, 255-257, 284-286
- Ali-Imran : ayat 18, 26-27
- Al-A'raf : ayat 54-46
- Al-Isra' : ayat 110-111
- Al-Mukminun : ayat 115-118
- As-Soffat : ayat 1-11
- Ar-Rahman : ayat 33-40
- Al-Hasyar : ayat 21-24
- Al-Jin : ayat 1-4
- Al-Kafirun
- Al-Ikhlas
- Al-Falaq

## **3. ZIKIR MUNAJAT**

Selain amalan zikir Mathurat zikir Munajat sering diamalkan sebagai kaedah rawatan kerohanian.

Zikir Munajat mengandungi zikir-zikir yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W.

### **KELEBIHAN ZIKIR MUNAJAT**

- Zikir yang paling utama dan tinggi darjatnya ialah “La-ilahaillallah” ertinya “Tiada Tuhan Yang Sebenarnya Melainkan Allah”. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Zikir yang paling utama ialah “La-ilahaillallah” dan doa yang mulia ialah “Al-Hamdulillah”.
- Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Perbaharuilah Iman kamu .Para sahabat bertanya bagaimana caranya memperbaharui Iman kami? Jawab Baginda, perbanyakkanlah ucapan “La-ilahaillallah”.
- Sabda Rasulullah SAW. yang bermaksud: “Ucapan Subhanallah itu memenuhi setengah mizan (timbangan) dan ucapan Al-Hamdulillah memenuhiinya dan “La-ilahaillallah” tiada dinding antaranya dengan Allah SWT
- Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Barang siapa mengucapkan “La-ilahaillallah” tujuh puluh ribu kali, maka sesungguhnya ia telah menebuskan dirinya daripada Allah SWT”
- Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Siapa yang mengucapkan “Subhanallahi Wabihamdihi” sekali, akan ditanamkan baginya satu pohon di syurga.

# Zikir Munajat

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ إِنْ كَانَ تَوْأِيْبًا

"Hamba memohon keampunan kepada Mu ya Allah.  
Sesungguhnya Engkaulah yang Maha penerima Taubat"  
(10 kali)

يَا اللَّهُ - يَا اللَّهُ - يَا اللَّهُ -

Ya Allah, Ya Allah, ya Allah, Ya Allah

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ - مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ

Tiada Tuhan Melainkan Allah, Nabi Muhammad pesuruh Allah

ثَبَّتَنَا إِلَى اللَّهِ، وَرَجَعَنَا إِلَى اللَّهِ، وَنَدِمَنَا عَلَى مَا فَعَلْنَا

Kami memohon taubat kepada mu Ya Allah, Kami kembali kepada Mu Ya Allah, Kami sesungguhnya menyesal atas apaa yang kami lakukan  
(3 kali)

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نُورِ الْأَنْوَارِ وَسِرِّ الْأَسْرَارِ وَتَبِّرِّقِ الْأَغْيَارِ وَمَفْتَاحِ بَابِ الْيَسَارِ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ مُحَمَّدٌ الْمُخْتَارُ وَآلُهُ الْأَطْهَارُ وَأَصْحَابِهِ الْأَخْيَارُ عَذْدُنَعُ اللَّهِ وَأَفْضَالُهِ

Ya Allah, selawat dan salam ke atas penghulu cahaya, dan penghulu rahsia, pembuka (kunci) bagi segala pintu kemudahan iaitu penghulu kami dan Tuan kami Nabi Muhammad, Nabi yang teristimewa dan keluarga yang suci dan sahabatnya yang terbaik, berbagai nikmat Allah dan semua pejuangNya

طَلَعَ الْبَرْ عَلَيْنَا - مِنْ ثَنَيَاتِ الْوَدَاعِ - وَجَبَ الشُّكْرُ عَلَيْنَا - مَا دَعَا لِلَّهِ دَاعِ

Telah pun muncullah bulan purnama atas kami, dengan pujian-pujian (sanjungan) kami mengalu-alukan. Ucapan kesyukuran kami ajukan, seruan Allah kami serukan

# Zikir Munajat

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Selawat ke atas nabi Muhammad, selawat ke atasnya  
beserta salam (2 kali)

Allah berfirman: "Maka ingatlah kamu kepada Ku,nescaya Aku ingat  
(pula) kepada Mu – Al Baqarah: 152

إِلَهِي لَسْتُ لِلْفَرْدَوْسِ أَهْلًا ، وَلَا أَقْوَى عَلَى تَارِ الْجَحِيمِ ، فَهَبْ لِي تَوْبَةً وَاغْفِرْ ذُنُوبِي ، فَإِنْ غَافِرُ الذُّنُوبِ الْعَظِيمِ

"Tuhanku! aku tidak layak masuk syurgaMu , namun tidak upaya menghadapi  
api nerakaMu , terima taubatku dan ampunkan dosaku, sesungguhnya  
Engkau mengampunkan dosa hambaMu, sesungguhnya Engkau menerima  
taubat hambaMu

## 5. Ilaj Selawat

### PENDAHULUAN

Amalan berselawat ke atas Baginda Rasulullah SAW adalah amat dituntut oleh Syariat Islam. Perintah melakukan amalan berselawat terdapat di dalam al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Amalan berselawat mempunyai banyak kelebihan bagi pengamalnya.

### KEPENTINGAN SELAWAT

Berselawat itu berkait rapat dengan konsep iman dan Islam sesuai dengan firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلُّمُوا تَسْلِيْمًا

Yang bermaksud :

“Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi SAW. Wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi SAW dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya”

(Surah al-Azhab: 56)

Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang telah memperlihatkan betapa kasih dan sayangNya kepada Nabi SAW dengan berselawat kepadanya sebagai pujianNya dan memuliakan serta mengutamakan Nabi SAW di hadapan para malaikatNya .

قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ :  
لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالدِّهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ .

Sabda Nabi SAW : “ Tidak sempurna iman seseorang dari kamu sehingga aku lebih dicintai olehnya daripada ia mencintai anaknya, orang tuanya dan manusia semuanya .”

(Riwayat Ahmad, Bukhari, Muslim, Tirmidzi, Nasai dan Ibnu Majah)

Dengan membaca selawat kepada Nabi SAW , setiap doa dan amalan-amalan yang lain akan diterima oleh Allah . Justeru itu selawat memainkan peranan penting dalam segala amalan hidup kerana ianya dapat mempengaruhi keberkatan dalam hidup manusia yang beriman dengan Allah dan Rasul-Nya .

"كُلُّ الدُّعَاءِ مَحْجُوبٌ عَنِ السَّمَاءِ حَتَّى تُصَلِّيَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ".

Sabda Nabi SAW : " Setiap doa adalah terhalang , sehingga berselawat atas Nabi SAW"

(Riwayat Ad-Dailami)

Dengan melazimi berselawat kepada Nabi SAW, Insya Allah kaum muslimin tergolong sebagai orang orang yang akan mendapat keistimewaan dan mempunyai kedudukan yang terdekat dengan Nabi SAW bersama-sama para sahabatnya pada hari kiamat kelak .

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ أَقْرَبَكُمْ مِنِّي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُكُمْ صَلَاةً عَلَيَّ.

Sabda Nabi SAW " Sesungguhnya seutama-utama manusia (orang terdekat) dengan aku pada hari kiamat adalah mereka yang lebih banyak berselawat kepadaku."

(Riwayat An-Nasai & Ibnu Hibban)

## KELEBIHAN SELAWAT

Selawat kepada Nabi SAW adalah merupakan ibadah yang mulia dan terpuji, mengandung berbagai-bagai kelebihan dan mendapat pertolongan dan perlindungan yang istimewa dari Nabi SAW serta memperolehi ganjaran yang besar dari Allah di hari akhirat kelak. Diantara kelebihan selawat adalah seperti berikut :

### 1. Mendapat Syafaat Nabi SAW

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ عَشْرًا إِذَا أَصْبَحَ وَعَشْرًا إِذَا أَمْسَى أَمْنَةَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الْفَرَزِ آلَّا كُبْرٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
وَكَانَ مَعَ الْذِينَ أَعْمَلُوا اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ الْتَّيِّنَ وَالصَّدِيقَيْنَ

"Sesiapa membaca selawat sepuluh kali pada pagi dan sepuluh kali pada waktu petang, maka ia akan memperolehi syafaatku pada hari kiamat. Dan mereka bersama-sama dengan orang yang diberikan nikmat oleh Allah SWT daripada kalangan para Nabi dan Sidiqqin"

(Riwayat al-Tabrani daripada Abi Darda' r.a)

## 2. Mendapat perlindungan dan pembelaan dari Nabi SAW

Sabda Rasulullah SAW:

"مَنْ صَلَّى عَلَيْيَ عِنْدَ قُبْرِيْ سَمِعَتْهُ ، وَمَنْ صَلَّى عَلَيْيَ تَانِيَا وَكُلَّ اللَّهِ بَهَا مَلَكًا يُبَلَّغُنِي ، وَكُفِيْ أَمْرُ دُنْيَا وَآخِرَتِهِ ، وَكُنْتُ لَهُ شَهِيدًا أَوْ شَفِيعًا"

"Barangsiapa berselawat kepadaku di sisi kuburku maka aku mendengarnya. , barangsiapa berselawat kepadaku dari jauh maka selawat itu diserahkan oleh seorang malaikat yang menyampaikan kepadaku dan ia dicukupi urusan keduniaan dan keakhiratan dan aku sebagai saksi dan pembela baginya."

(Riwayat Al-Baihaqi dan Al- Khatib )

## 3. Mendapat keampunan dosa dari Allah.

Sabda Rasulullah SAW:

"قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ وَحَطَ عَنْهُ عَشْرَ سِنَّاتٍ".

"Barangsiapa yang berselawat kepadaku satu kali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali selawat dan Allah menghapus sepuluh kesalahan (dosa) dan mengangkat sepuluh darjat kepadanya."

(Riwayat Ahmad,Nasai& Al-Hakim )

Sabda Rasulullah SAW:

"مَنْ صَلَّى عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ مائِنَى صَلَاةً غَفَرَ لَهُ ذَنْبُ مائِنَى عَامٍ(الديلمي) عنْ أَبِي ذَرٍ

"Barangsiapa berselawat kepadaku pada hari Jumaat dua ratus selawat, maka diampuni baginya dosa dua ratus tahun."

(Riwayat Ad-Dailami )

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا وَخُطِّطَتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِئَاتٍ وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ

“Sesiapa yang membacakan satu selawat kepadaku, nescaya Allah akan berselawat padanya sebanyak sepuluh kali, dihapuskan daripadanya sepuluh kesalahan dan diangkat padanya sepuluh darjat.”

(Riwayat Ahmad, al-Nasa'l dan al-Hakim daripada Anas r.a)

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : صَلُّوا عَلَيَّ ؛ فَإِنَّ الصَّلَاةَ عَلَيَّ زَكَاةً لَكُمْ

“Berselawatlah kamu kepadaku, kerana selawat itu menjadi zakat (penghening jiwa pembersih dosa) bagimu.”

(Riwayat Ibnu Murdawaih )

#### 4. Mendapat Rahmat dari Allah.

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ صَلَّى عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ مِائَةً مَرَّةً جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَعَهُ نُورٌ ، لَوْ قَسَمَ ذَلِكَ النُّورَ بَيْنَ الْخَلْقِ كُلِّهِمْ لَوْسَعَهُمْ .

“Barangsiapa berselawat kepadaku pada hari Jumaat seratus kali maka dia datang di hari Kiamat dengan cahaya, sekiranya dibahagi antara makhluk semuanya maka cahaya itu akan memenuhiinya .”

(Hadis Riwayat Abu Nu'aim)

#### 5. Mendapat hajat dunia dan akhirat

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ صَلَّى عَلَيَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ مِائَةً صَلَاةً قُضِيَّتْ لَهُ مِائَةُ حَاجَةٍ ، ثَلَاثُونَ مِنْ أَمْرِ الدُّنْيَا وَسَبْعُونَ مِنْ أَمْرِ الْآخِرَةِ .

“Barangsiapa berselawat kepadaku dalam sehari seratus kali , maka Allah datangkan baginya seratus hajat, tujuh puluh untuk akhirat dan tiga puluh untuk di dunianya.”

(Riwayat Ibnu Majar dari Jabir r.a )

## **6. Digembirakan dengan syurga .**

Sabda Rasulullah SAW:

**قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ صَلَّى عَلَيِّ فِي يَوْمٍ أَلْفَ مَرَّةً ، لَمْ يَمُتْ حَتَّى يَرَى مَقْعِدَهُ مِنَ الْجَنَّةِ**

“Barangsiapa berselawat kepadaku dalam sehari seribu kali , maka dia tidak akan mati sehingga ia digembirakan dengan syurga .”

(Riwayat Abus Syaikh dari Anas r.a )

Sesungguhnya amat beruntunglah orang orang yang sentiasa berselawat ke atas Nabi dengan menjadikannya sebagai wirid dan amalan harian dalam hidupnya. Sebaliknya amatlah rugi dan tercelanya orang orang yang tidak mahu membaca selawat kepada Nabi dalam hidupnya .

**قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ الْبَخِيلَ مَنْ ذَكَرْتُ عِنْدَهُ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيَّ**

“Orang yang bakhil ialah yang apabila disebut namaku kepadanya lalu dia tidak mahu berselawat kepadaku.”

(Riwayat Tirmidzi)

## **MASA DAN TEMPAT DIANJURKAN BERSELAWAT**

Terdapat banyak hadis yang menerangkan mengenai tempat tempat dan waktu waktu yang dituntut supaya kaum Muslimin membaca selawat ke atas Nabi SAW Diantaranya :

- 1. Ketika hendak masuk ke dalam masjid dan ketika hendak keluar darinya.**

Sabda Rasulullah SAW:

**كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ صَلَّى عَلَى مُحَمَّدٍ، ثُمَّ قَالَ : "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي، وَافْتَحْ لِي**

**أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ" ، وَإِذَا خَرَجَ صَلَّى عَلَى مُحَمَّدٍ، ثُمَّ قَالَ : "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي، وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ" ،**

"Apabila seseorang kamu masuk ke dalam masjid , maka hendaklah ia membaca salam kepadaku (selawat dan salam). Sesudah itu berdoa: Wahai Tuhanmu, bukakanlah untukku segala pintu rahmat-Mu . Dan apabila ia hendak keluar hendaklah berdoa : Wahai Tuhanmu , aku memohon kepadamu limpahan rahmat-Mu ."

(Hadis Riwayat Abu Daud)

## 2. Sesudah Azan.

Sabda Rasulullah SAW:

النبي صلى الله عليه وسلم يقول "إذا سمعتم المؤذن فقولوا مثل ما يقول، ثم صلوا على

Sabda Nabi SAW yang bermaksud : " Apabila kamu mendengar mu'azzin yang menyerukan azan, maka jawablah dengan bacaan yang sama di baca. Setelah selesai maka berselawatlah kamu kepadaku ."

(Riwayat Ahmad dan Muslim )

## 3. Sesudah membaca tasyahud akhir dalam sembahyang .

Sabda Rasulullah SAW:

عن النبي أنه كان يقول في الصلاة اللهم صل على محمد وعلى آل محمد كما صليت على إبراهيم  
وآل إبراهيم وبارك على محمد وآل محمد كما باركت على إبراهيم وآل إبراهيم إنك حميد مجيد

## 4. Di dalam sembahyang jenazah .

وروى الشافعي في مسنده عن أبي أمامة بن سهل أنه أخبره رجل من أصحاب النبي صلى الله عليه وسلم أن السنة في الصلاة على الجنائز ، أن يكبر الإمام ، ثم يقرأ بفاتحة الكتاب بعد التكبير الأولى ، يقرأ في نفسه ، ثم يصلي على النبي صلى الله عليه وسلم ويخلص الدعاء للجنائز في الكبائر ،

لا يقرأ في شيء منه ثم يسلم سرا في نفسه

" Sunnah Rasulullah SAW dalam melaksanakan sembahyang jenazah adalah bertakbir pada permulaannya, setelah itu baginda membaca fatihah lalu takbir kedua dan sesudahnya membaca selawat dan kemudian bertakbir lagi kali ketiga."

## **5. Diantara takbir-takbir sembahyang sunat hari raya.**

Berkata sebahagian ulama adalah lebih baik jika membaca selawat mengiringi takbir hari raya seperti yang bermaksud “Maha suci Allah segala puji dan sanjungan bagi Allah jua . Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah yang Maha Besar. Ya Allah, muliakan olehmu Nabi Muhammad dan keluarganya. Ya Allah ampuni aku dan berilah rahmat kepadaku.”

## **6. Di permulaan dan akhir doa .**

Sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلَّدْعَاءِ مُوقَفٌ بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ  
لَا يَصْعُدُ حَتَّىٰ يَصْلِي عَلَىٰ أَوْ حَتَّىٰ يَصْلِي الدَّاعِي عَلَىٰ

“Sesungguhnya doa itu berhenti antara langit dan bumi. Tiada naik, barang sedikit jua daripadanya sehingga kamu berselawat kepada Nabimu”

(Riwayat At-Tirmidzi )

## **7. Di akhir qunut dalam sembahyang .**

وَهَذَا لَفْظُ التَّسَالِيِّ

(قُلْ اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتُ وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتُ وَتُولِّنِي فِيمَنْ تُولِّتُ وَقُنِي شَرًّا مَا قَضَيْتُ فَانْكُنْ تَقْضِيَ وَلَا يَقْضِي  
عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَدْلِلُ مِنْ وَالْيَتَ تَبَارَكَتْ رِبَّنَا وَتَعَالَىٰ وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ)

Diriwayatkan oleh An-Nasai bahawa disukai seseorang mengakhiri qunut dengan membaca selawat yg bermaksud “Dan mudah-mudahan Allah melimpahkan selawat (rahmat) atas Muhammad” .

## **8. Di malam dan di hari Jumaat .**

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَكْثُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ عَلَيِّ يَوْمِ الْجُمُعَةِ وَلَيْلَةَ الْجُمُعَةِ ،  
فَمَنْ صَلَّى عَلَيِّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا .

“Banyakkanlah olehmu membaca selawat di malam hari Jumaat dan siangnya kerana selawat itu dikemukakan kepadaku .”

(Riwayat Thabarani )

## **9. Di dalam khutbah Jumaat .**

Dalam mazhab Syafi'e para khatib wajib membaca selawat kepada Nabi Muhammad SAW pada permulaan khutbah, sesudah membaca tahniah dan juga sebelum akhir khutbah Jumaat .

## **10. Ketika berziarah di makam atau kubur Nabi Muhammad SAW.**

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ (مَا مِنْ أَحَدٍ يَسْلِمُ عَلَى إِلَّا رَدَ اللَّهُ عَلَى  
رُوحِهِ حَتَّىْ أَرْدَ عَلَيْهِ السَّلَامَ )

"Tidak seorang pun di antara kamu yang memberi salamnya iaitu di sisi kuburku, melainkan Allah mengembalikan kepadaku ruhku untuk menjawab salamnya. "

(Riwayat Abu Daud)

## **11. Sesudah bertaubiah .**

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ الشَّافِعِيُّ : اسْتَحْبَ اذَا سَلَمَ الْمَصْلِيَ اذَا يَلِي تِلَاقًا ، وَاسْتَحْبَ اذَا فَرَغَ مِنَ التَّلْبِيَةِ اذَا يَبْعَدُهَا الصَّلَاةُ  
عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ .

Sabda Nabi SAW : " Memang disuruh seseorang membaca selawat untuk Nabi ketika ia telah selesai talbiahnya dalam segala keadaan".

(Riwayat Syafi'i &Daraquthni)

## **12. Ketika setiap mengadakan majlis atau keramaian**

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " : مَا جَلَسَ قَوْمٌ مَجْلِسًا لَمْ يَذْكُرُوا فِيهِ رَبَّهُمْ ، وَنَصَلُوا فِيهِ عَلَى شَيْهِمْ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا كَانَ عَلَيْهِمْ تِرَةٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، إِنْ شَاءَ آخِذُهُمْ بِهِ ، وَإِنْ شَاءَ عَفَّ عَنْهُمْ

"Tiadalah duduk suatu kaum di dalam sesuatu majlis sedang mereka telah menyebut (mengingati) Allah Taala dan tiada berselawat ke atas Nabinya, melainkan menderita nescaya Allah akan menyeksa mereka dan jika Allah menghendaki nescaya akan mengampuni mereka ."

(Riwayat At-Tirmidzi & Abu Daud)

#### **14. Ketika akan memulakan sesuatu pekerjaan yang baik atau penting.**

Sabda Rasulullah SAW:

كُلْ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُبَدِّأُ فِيهِ بِحَمْدِ اللَّهِ وَالصَّلَاةِ عَلَىٰ فَهُوَ أَبْتَرُ مُحْوَقٍ مِنْ كُلِّ بُرْكَةٍ

"Setiap pekerjaan yang baik yang tidak dimulai dengan hamdalah (memuji Allah) dan selawat, maka pekerjaan atau urusan itu terputus dan hilang barkahnya."

(Riwayat Ar-Rahawi)

#### **15. Ketika mendengar orang menyebut nama Nabi SAW**

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ الْبَخِيلَ مِنْ ذُكْرِنَا عِنْدَهُ فَلَمْ يُصْلِلْ عَلَيْهِ

"Orang yang bakhil itu adalah orang yang tidak mahu berselawat ketika orang menyebut namaku di sisinya".

(Riwayat At-Tirmidzi )

#### **16. Ketika telinga berdengung .**

Sabda Rasulullah SAW:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِذَا طَنَتْ أَذْنُنَ أَحَدِكُمْ فَلَا يَذْكُرْنِي وَلَا يُصْلِلْنِي عَلَيْهِ وَلَا يَقُولُ ذَكْرُ اللَّهِ بْخَيْرٍ مِنْ ذَكْرِنِي

"Jika telinga salah seorang dari kamu berdengung, maka hendaklah ia mengingati dan berselawat kepadaku."

(Riwayat Ibnu Sunni )

## 17. Ketika mengalami kesusahan dan kebimbangan .

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي بْنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنِي أَكْثَرُ الصَّلَاةَ عَلَيْكُمْ فَكُمْ أَجْعَلُ لَكُمْ مِنْ صَلَاتِي ؟ فَقَالَ : مَا شِئْتَ . قَالَ قُلْتُ الرَّبِيعَ ؟ فَقَالَ : مَا شِئْتَ فَإِنْ زَدْتُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ . قُلْتُ النَّصْفَ ؟ فَقَالَ : مَا شِئْتَ فَإِنْ زَدْتُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ . قَالَ قُلْتُ الْكَلَافِينَ ؟ فَقَالَ : مَا شِئْتَ فَإِنْ زَدْتُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكَ . قُلْتُ أَجْعَلُ لَكَ صَلَاتِي كُلَّهَا ؟ فَقَالَ : إِذَا تَكْفُى هَمَكَ وَيَغْفِرُ لَكَ ذَنْبَكَ .

Diberitakan oleh Ubay bin Kaab bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah, ujurnya : “ Ya Rasulullah bagaimana pendapat engkau sekiranya aku jadikan selawat untuk engkau semua? Jawap Rasulullah SAW “ Kalau demikian Allah akan memelihara engkau baik mengenai dunia mahu pun mengenai akhiratmu”.

(Riwayat Ahmad)

## 18. Setiap waktu pagi dan petang .

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ صَلَى عَلَى حِينَ يَصْبَحُ وَحِينَ يَمْسِي اَدْرَكَهُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ

“Barang siapa berselawat kepadaku waktu pagi sepuluh kali dan waktu petang sepuluh kali, maka ia akan mendapat syafaatku di hari kiamat”.

(Riwayat Thabarani )

## 'ILAJ (RAWATAN)

Pelbagai jenis selawat boleh digunakan sebagai kaedah ilaj untuk penyakit jasmani dan rohani. Selawat-selawat ini telah dinukilkan sejak zaman Nabi SAW dan para sahabat, dan menjadi amalan para solehin, alim ulama serta orang-orang yang hatinya sentiasa terpaut kepada Allah dan RasulNya.

Berikut ini diutarakan beberapa jenis selawat yang mashyur dan diamalkan secara meluas sejak zaman-berzaman:

### 1. SELAWAT MUNJIAH (PENYELAMAT)

#### FADILATNYA:

- i. Barang siapa membaca selawat ini 300 kali semasa pelayaran, akan terselamat dari karam atau tenggelam.
- ii. Jika dibaca 500 kali sehari, akan mendapat rezeki yang banyak. 1000 kali setiap hari akan tercapai hajat dunia dan akhirat serta dijauhkan dari penyakit taun.

Selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّةً تَنْجِيْنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالآفَاتِ وَنَفْصُنِيْ لَنَابِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ  
وَتُظَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ وَتُرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ وَتُبَعْثَرُنَا بِهَا أَقْصَى الْغَایَاتِ  
مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَتَعْدِيْدُ الْمَمَاتِ وَعَلَى اللَّهِ وَصْحِيْبِهِ وَسَلَّمَ

"Wahai Allah! Rahmatilah penghulu kami Muhammad dengan rahmat yang akan menyelamatkan kami dari segala petaka dan kerugian, tentukanlah bagi kami dengannya segala hajat kami keperingkat yang setinggi-tingginya di sisiMu. Sampaikan kami dengannya kepada maksud yang sebenar-benarnya bagi setiap kebaikan dalam kehidupan dunia dan selepas mati. Rahmatilah juga ke atas ahli keluarga dan para sahabatnya."

### 2. SELAWAT TAFRIJIYAH

#### FADILATNYA:

- i. Diamalkan 11 kali selepas tiap solat fardu, rezeki tidak akan putus dan mendapat kedudukan yang tinggi.
- ii. Diamalkan 41 atau 100 kali selepas solat Subuh akan hilang segala dukacita dan dimudahkan segala urusan.
- iii. Jika dibaca 313 kali pada setiap hari akan terbuka beberapa rahas ia ghaib.
- iv. Jika dibaca 4444 kali akan tercapai segala cita-cita dan hajat.

Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ تَسْلُحْ بِهِ الْعَقْدَ وَتُنْفِرْجْ بِهِ الْكُرْبَ  
وَتُقْضِي بِهِ الْخَوَائِجَ وَتُنَاهِي بِهِ الرَّغَائِبَ وَحُسْنَ الْخَوَاتِمِ وَيُسْتَسْقِي الْعَمَامُ بِوْجُوهِ الْكَرِيمِ  
وَعَلَى إِلَهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ

“Ya Allah, anugerahkan rahmat dan kesejahteraan yang sempurna ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, yang dengan berkatnya terhurai apa yang tersimpul, terlepas daripada segala kesusahan, juga ditunaikan segala hajat, dan tercapai segala keinginan, dan akhir hayat yang baik, dan dicurahkan rahmat, hasil keberkatan wajahnya, yang mulia, kerahmatan dan kesejahteraan yang sempurna Engkau anugerahkan juga ya Allah, ke atas keluarga dan sahabatnya dengan kiraan setiap kerdipan mata, juga hembusan nafas dan setiap bilangan ilmu yang ada bagiMu”

### 3. SELAWAT AL-FATIH

#### FADILATNYA:

- i. Dibaca sebanyak 11 kali setiap selepas solat, akan diampunkan segala dosa kecil dan tenteram hati dan jiwa.
- ii. Dibaca 21 kali setiap hari akan dilapangkan rezeki dan selamat keluarga dari kesusahan.
- iii. Jika dibaca 100 kali setiap hari akan memudahkan seseorang mendapat jodoh.
- iv. Sekiranya dibaca sebanyak 1000 kali pada malam isnin, khamis atau jumaat
- v. InsyaAllah akan bermimpi bertemu Rasulullah SAW dengan izin Allah SWT.

Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أَعْلَقَ وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ وَالنَّاصِرِ الْحَقَّ بِالْحَقِّ  
وَالْهَادِي إِلَى صِرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ حَقَّ قَدْرِهِ وَمَقْدَارِهِ الْعَظِيمِ

“Ya Allah, rahmatilah dan berilah kesejahteraan serta berkatilah penghulu kami Muhammad, pembuka bagi barang apa yang ditutup dan penamat bagi apa yang telah sudah, penolong bagi yang hak, penunjuk ke arah jalan yang lurus. Allah berselawat ke atasnya, ahli keluarga & sahabat-sahabatnya sebagaimana selayak untuknya sesuai dengan darjat dan kedudukannya yang tinggi dan besar”

#### 4. SELAWAT NUR

##### FADILATNYA:

- Apabila dibaca sebanyak 40 atau 100 kali setiap hari akan tercapai segala cita-cita dan hajatnya.
- Apabila menjadi amalan harian, diluaskan pintu rezeki, dijauhkan segala bala bencana dan mendapat nur cahaya dalam jiwanya.

##### Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى نُورِ الْأَنُوَارِ وَسِرِّ الْأَسْرَارِ وَتُبْرِيَاقِ الْأَغْيَارِ وَمَفْتَاحِ بَابِ الْيَسَارِ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدِنَ المُخْتَارِ وَالِّهِ الْأَطْهَارِ وَاصْحَابِهِ الْأَحْيَارِ عَدَدَ نَعَمَ اللَّهُ وَأَفْضَلُهُ

“Wahai Allah! Rahmatilah ke atas cahaya dari kalangan cahaya-cahaya ke atas dan rahsia dari kalangan rahnia-rahsia, kunci pintu kiri, penghulu kami Muhammad dan Tuan kami Muhammad, yang terpilih, ahli keluarganya yang suci dan sahabat-sahabatnya yang telah dipilih sebanyak bilangan nikmat Allah dan kelebihan-kelebihannya”

#### 5. SELAWAT UNTUK MEMOHON AHKLAK YANG TERBAIK DAN REZEKI YANG BERKAT.

- Dibaca 11 kali setiap selepas solat maka Allah SWT akan luaskan rezekinya dan baik akhlaknya

##### Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّةً تُوَسِّعُ بِهَا عَلَيْنَا الْأَرْزَاقَ وَتُحَسِّنُ بِهَا لَنَا الْخَلُاقَ وَعَلَى إِلَهِ وَصَحْبِهِ وَسِلْمُ

“Ya Allah, semoga Engkau berkenan melimpahkan kesejahteraan ke atas penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan selawat yang melapangkan rezeki bagi kami dan menjadikan baiknya akhlak kami dan curahkanlah kesejahteraan atas keluarga dan sahabat-sahabatnya serta berikanlah keselamatan.”

#### 6. SELAWAT DIKABULKAN HAJAT

- Jika dibaca 100 kali sehari, Insya-Allah dikabulkan keperluan atau hajatnya (30 di dunia dan 70 di akhirat).

Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَوةً يَارَكْ لِيْ بِهَا فِي مَالِيْ وَيَسْتَقِيمُ بِهَا حَالِيْ وَعَلَى إِلَهٍ وَصَاحِبِهِ وَسَلِّمْ

"Ya Allah, limpahkanlah rahmat kepada penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan kepada keluarga Baginda dan kepada para ahli rumahnya."

## 7. SELAWAT MENJAUHKAN SEGALA PENYAKIT DAN KESULITAN

FADILATNYA:

- i. Sesiapa yang mengamalkannya setiap hari akan menghilangkan segala dukacita dan kesusahan.
- ii.. Menghilangkan juga penyakitnya dengan izin Allah SWT.

Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَبِيبِ الْمَحْبُوبِ شَافِيِ الْعَلَى وَمَفْرُجِ الْكُرْبَ

"Ya Allah, limpahkanlah rahmat atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang mencintai dan dicintai (Allah), yang dengan kebaikannya maka hilang segala penyakit dan yang menghilangkan segala kesempitan (kesusahan)"

## 8. SELAWAT PENOLAK WABAK DAN KECELAKAAN

FADILATNYA:

- i. Barangsiapa yang mengamalkannya setiap hari akan terelamat dari terkena wabak taun.
- ii.. Terselamat dari sebarang bentuk wabak penyakit lainnya dengan izin Allah SWT

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَوةً تَدْفَعُ بِهَا عَنِ الطُّغْنِ وَالظَّاغُونَ  
يَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئاً أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

"Ya Allah, limpahkanlah rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW dan ke atas kaum keluarga Baginda, dengan limpah rahmat Engkau dan dengan berkat selawat ini angkatkanlah daripada kami segala kecelakaan (keburukan) dan penyakit taun wahai Tuhan yang dalam urusan-Nya yang apabila ia menghendaki akan sesuatu itu jadi maka berfirmanlah ia baginya: 'Jadilah engkau' maka jadilah ia (barang yang dikehendaki-Nya) itu."

## 9. SELAWAT MENGHAPUSKAN DOSA 80 TAHUN

### FADILATNYA:

- i. Dibaca pada hari jumaat sebanyak 80 kali, akan diampunkan dosa selama 80 tahun.
- ii. Dibaca selepas waktu asar pada hari jumaat selepas solat asar.

Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَنَبِيِّكَ الْأَمِينِ

“Ya Allah, limpahkanlah kepada Sayidina Muhammad seorang hamba, Nabi dan utusan-Mu yang ummi (tidak tahu membaca dan menulis).”

## 10. SELAWAT SYIFA (PENGUBATAN / KESEMBUHAN PENYAKIT / TIBI)

### FADILATNYA:

- i. Dibaca sebanyak 3 kali setiap lepas solat dapat menghilangkan kebuntuan fikiran dan susah hati.
- ii. Dibaca 7 kali pada air dan diminum, akan dapat menyembuhkan sakit perut dan lainnya.

Lafaz selawatnya ialah;

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ طَبِّ الْقُلُوبَ وَذَوَابِهَا وَصَحِّهُ الْأَبْدَانَ وَعَافِيهَا وَتُورِّ الْأَبْصَارَ وَضَيَّاهَا  
وَرُقِّوتَ الْأَجْسَادَ وَالْأَرْوَاحَ وَعَدَانِهَا وَعَلَى إِلَهٍ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

Ya Allah, berilah rahmat ke atas penghulu kami, nabi Muhammad SAW yang dengan berkat baginda, Engkau menyembuhkan hati-hati, menjadi penawar dan menyihatkan tubuh badan juga memberi kesembuhan penyakit serta mengurniakan cahaya penglihatan dan kurniakanlah juga rahmat keberkatan dan kesejahteraan ke atas keluarga dan sahabat baginda”

## **11. SELAWAT KAMALIAH.**

### **FADILATNYA:**

- i. Membacanya sekali, mendapat pahala menyamai 10,000 kali membaca selawat ini.
- ii. Dibaca 700 kali setiap hari akan dapat menebus diri dari azab neraka.

**Lafaz selawatnya ialah;**

**اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى الِّهِ كَمَالًا نِهَايَةِ لِكَمَالِكِ عَدَدَ كَمَالِهِ**

“Wahai Allah, Rahmatilah dan kurniakanlah kesejahteraan ke atas penghulu kami Muhammad, ke atas mahli keluarganya sebagaimana kesempurnaanMu tiada penghujungnya sebanyak bilangan kesempurnaanNya.”

## **12. SELAWAT JALILAH**

### **FADILATNYA:**

- i. Dibaca 1000 kali selepas solat hajat akan dapat menghilangkan kedukaan dan kesusahan.
- ii.. Dijauhkan dari bala bencana dan ditunaikan hajat.

**Lafaz selawatnya ialah;**

**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ، صَلَّاةً تَجْلِي بِهَا غُقْدَتِي، وَتَفَرُّجْ بِهَا كُرْبَتِي، وَتُنقِذِنِي بِهَا مِنْ وَحْشَتِي، وَتُقْبِلُ بِهَا عَثْرَتِي، وَتُفْصِّلُ بِهَا حَاجَتِي**

“Ya Allah, berilah restui dan kesejahteraan ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad, semoga dengan berkatnya dirungkaikan ikatan yang merantai diriku, dilepaskan aku dari kesusahan, diselamatkan aku dari terjebak ke lembah kejahatan, dielakkan aku dari kegelinciran, dan ditunaikan hajatku”

### **13. SELAWAT SAADAH (KEBAHAGIAAN)**

#### **FADILATNYA:**

- i. Membaca sekali selawat ini bersamaan 600,000 kali berselawat.
- ii. Dibaca 1000 kali pada malam jumaat akan peroleh kebahagiaan dunia dan akhirat.

**Lafaz selawatnya ialah;**

**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَدْدَ مَا فِي عِلْمِ اللَّهِ صَلَاتَةً دَائِمَةً بِدُوَامٍ مُّلْكِ اللَّهِ**

“Ya Allah, curahkanlah limpah rahmatMu dan keselamatan ke atas penghulu kami Muhammad dengan bilangan rahmat sebagaimana dalam ilmu Allah, rahmat yang berkekalan dengan kekalnya kerajaan Allah”.

### **14. SELAWAT MOHON SYAFAAT NABI MUHAMMAD SAW**

#### **FADILATNYA:**

- i. Mengamalkan membaca selawat ini insya-Allah akan memperolehi syafaat daripada Nabi Muhammad SAW di akhirat kelak.

**Lafaz selawatnya ialah;**

**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَنزِلْهُ الْمُنْزَلَ الْمُقْرَبَ مِنْكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ**

“Ya Allah, curahkanlah limpah rahmatMu dan keselamatan ke atas penghulu kami Muhammad dan kurniakanlah kepadanya kedudukan yang hampir disisiMu pada hari qiamat.”

## OBJEKTIF:

- i. Menjelaskan pengertian dan konsep doa menurut al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW.
- ii. Menjelaskan fungsi dan faedah-faedah amalan berdoa yang betul
- iii. Menjelaskan kaedah-kaedah llaj melalui amalan berdoa.

## PENDAHULUAN

Amalan berdoa adalah satu amalan yang dituntut oleh ajaran Islam. Doa adalah senjata orang-orang Mukmin. Seseorang yang enggan berdoa kepada Allah dianggap sebagai orang yang sombang. Amalan berdoa seorang individu Muslim itu sebenarnya menunjukkan sifat bergantung dan merendah diri kepada Allah. Melalui doa sahajalah maka seseorang itu akan memohon sesuatu kepada Tuhan secara tulus ikhlas, dengan keistimewaan doa, sudah tentu ia boleh dijadikan pemangkin untuk kaedah 'ilaj untuk seseorang yang berhadapan dengan penyakit fizikal dan spiritual.

## DEFINISI

Doa boleh dertiakan dengan beberapa makna antaranya ibadah, istighatsah (memohon bantuan dan pertolongan) permintaan atau memanggil/menyeru. Oleh itu pengertian doa boleh dirumuskan sebagai usaha permohonan seorang hamba kepada Allah yang dilakukan dengan penuh keikhlasan bagi tujuan-tujuan tertentu dan ia dianggap sebagai ibadah.

## FUNGSI DOA

Doa yang dilakukan oleh seseorang mengandungi beberapa fungsi dalam hidup dan kehidupannya. Di antara fungsi doa itu adalah:

- Doa sebagai pencerminan kehambaan makhluk di hadapan Tuhan. Tirmizi melaporkan hadis daripada Nabi Muhammad. Hadis ini daripada Abu Hurairah:

"Siapa sahaja tidak memohon kepada Allah, maka Dia murka kepadanya,"

- Doa adalah salah satu bentuk ibadah kerana adalah perintah daripada Allah. Dalam salah satu hadisnya, Nabi Muhammad berkata:

"Diterima daripada Nu'man bin Basir daripada Nabi Muhammad berkaitan dengan ayat Allah: beliau berkata, 'Doa adalah ibadah',

- Doa sebagai suatu penyelesaian masalah kehidupan, baik yang spiritual maupun yang material. Daripada Anas yang melaporkan, Nabi Muhammad berkata:

"Hendaklah setiap orang dan kalian memohon segala keperluan kepada Tuhanmu, sampai ia memohon kepada Tuhan tatkala tali kasutnya putus." (Riwayat Bukhari)

- Doa sebagai penggerak spiritual yang lahir melalui zikir dan doa
- Doa adalah sebahagian daripada qadar yang ditetapkan bagi seseorang. Tsauban pernah melaporkan hadis daripada Nabi Muhammad:

Nabi Muhammad berkata, "Umur seseorang tidak bertambah kecuali dengan melakukan kebaikan, Qadar yang menimpa seseorang tidak ditolak kecuali dengan doa dan kebaikan akan diharamkan kepada seseorang kerana doa yang dilakukannya,"

(Riwayat Ibnu Majah.)

### **FAEDAH BERDOA**

Allah menuntut untuk kita sering melakukan doa kepadaNya. Rasulullah SAW yang dilaporkan oleh al-Hakim bersabda:

"Tidak ada sesuatu yang paling mulia dalam pandangan Allah selain daripada berdoa kepadanya, sedang kita dalam keadaan lapang."

(Riwayat al-Hakim)

Berdoa mempunyai banyak faedah seperti berikut:

- Doa adalah senjata bagi menolak kedatangan musuh.
- Doa juga sebagai senjata bagi menolak pelbagai bencana, sekali gus adalah alat mendatangkan kemaslahatan.

- Memperoleh naungan rahmat Allah.
- Menunaikan kewajipan taat dan menjauhkan maksiat.
- Membendaharakan sesuatu yang diperlukan semasa susah dan sempit.
- Memperoleh keredaan Allah
- Memperoleh hasil yang pasti, kerana setiap doa itu dipelihara dengan baik di sisi Allah. Maka ada waktunya, permohonan itu dipenuhi dengan cepat dan ada kalanya dibendaharakan semasa hari akhir.
- Melindungi diri daripada bala bencana.
- Menolak bencana atau meringankan tekanannya.
- Menjadi perisai bagi menolak bala.
- Menolak tipu daya musuh, menghilangkan keresahan dan memperoleh hajat serta mengurangkan kesusahan.

### **DOA MUSTAJAB**

- **Doa seorang Muslim pada saudaranya.**

Abu Darda' meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda, "Doa seorang muslim pada saudaranya itu mustajab. Di atas kepala orang itu ada malaikat yang apabila orang tadi mendoakan kebaikan kepada saudaranya, malaikat itu berkata, "Amin, dan semoga kau mendapatkan kebaikan yang sama ." (Riwayat Muslim)

- **Orang Yang Terkena Musibah**

Rasulullah SAW bersabda, " Siapa pun yang terkena musibah kemudian berdoa ; Sungguh, kami berasal dari Allah dan sungguh, kepadaNya kami kembali. Ya Allah, berilah kami ganjaran dalam musibah ini dan berilah kami ganti yang lebih baik untuknya . "

- **Orang yang teraniaya**

Mu'adz bin Jabal meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda, "Takutilah doa orang yang teraniaya. Sesungguhnya tak ada penghalang antara doa itu dengan Allah",

(Riwayat Bukhari-Muslim)

- **Orang tua terhadap anaknya**

Rasulullah SAW bersabda, "Ada tiga doa yang takkan pernah ditolak. Doa orang tua kepada anaknya, doa orang yang berpuasa dan doa orang musafir." (Riwayat Baihaqi).

- **Orang yang sedang bermusafir**

Rasulullah SAW bersabda, "Ada tiga orang yang doanya pasti dikabulkan. Doa orang tua kepada anaknya, doa orang yang berada dalam perjalanan dan doa orang yang teraniaya.

### **DOA YANG DILARANG DAN ORANG YANG TIDAK DITOLAK DOANYA**

Agama melarang seseorang yang berdoa supaya dirinya dicelakan oleh Allah atau pun dibinasakan, baik mengenai hartanya maupun mengenai hak miliknya. Nabi Muhammad berkata:

"Sekali-kali janganlah kamu meminta supaya dirimu dicelakakan, begitu juga dengan anak-anakmu, pelayanmu dan harta-bendamu. Mungkin permintaan-permintaan itu bertepatan dengan saat-saat ijabah, di mana doa itu langsung diperkenankan oleh Allah," (Riwayat Abu Dawud).

Namun demikian, agama membolehkan kita berdoa memohon kecelakaan bagi orang yang zalim, supaya dengan kecelakaan itu terlepaslah para manusia daripada kelazimannya.

Manakala di antara orang-orang yang tidak ditolak doanya adalah sebagaimana yang diberitakan oleh Tirmizi daripada Abu Hurairah, Nabi Muhammad berkata, "Ada tiga orang yang sekali-kali tidak akan ditolak doanya oleh Allah. Pertama, orang yang sedang berpuasa sehingga ia berbuka. Kedua, kepala negara yang adil dan ketiga, orang yang teraniaya."

## CARA ALLAH MENGKABULKAN DOA

Doa itu kadang-kadang dikabulkan oleh Allah dengan memberikan apa yang kita mohonkan kepadanya, kadang-kadang dengan menolak sesuatu bencana yang bakal menimpa kita atau menggantikannya dengan ganjaran lain di akhirat. Nabi Muhammad berkata:

- “Tidak ada Muslim di muka bumi ini yang berdoa memohonkan sesuatu kepada Allah, melainkan Allah mengabulkannya sebagaimana yang dimohonkannya, atau dipalingkan Allah daripadanya sesuatu kecelakaan selagi ia tidak mendoakan sesuatu yang mengandungi dosa atau memutuskan silaturahim.” Maka berkata seseorang, ‘kalau begitu baiklah kami memperbanyakkan doa’. Jawab Nabi Muhammad, ‘Allah menerima doa hambanya lebih banyak lagi,’ (Riwayat Tirmizi)

### I'LAJ

Bagi kaedah rawatan seseorang itu hendaklah mengikuti peraturan-peraturan berdoa sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam meliputi aspek-aspek berikut;

#### Dilakukan Penuh Beradab

- Keadaan diri sebaik-baiknya berwuduk, bersih pakaian dan tempat serta menutup aurat.
- Dalam keadaan khusyuk dan merendah diri kepada Allah dan menghadap ke arah kiblat.
- Merendahkan suara dan tidak mengganggu orang lain.
- Jangan menggunakan lafadz doa yang bersajak.
- Yakinlah bahawa yang dipohon itu diperkenankan oleh Allah SWT.
- Mengulang-ulang ungkapan doa yang penting di tempat-tempat tertentu.
- Memulakan dengan memuji Allah dan selawat (ke atas Nabi SAW) dan mengakhiri dengan pujian terhadap Allah dan berselawat.
- Beristighfar (bertaubat) sebelum berdoa.
- Hendaklah memahami isi dan maksud doa yang dilafazkan.
- Doa itu bukan bertujuan untuk melakukan dosa, atau memutuskan hubungan silaturahim dan jangan memohon segera dimakbulkan doa tersebut.
- Memulakan doa dengan memohon keampunan untuk dosa diri sendiri yang dilakukan, kemudian untuk saudara mara beriman.

- Memulakan doa dengan memohon keampunan untuk dosa diri sendiri yang dilakukan, kemudian untuk saudara mara beriman.
- Hendaklah dengan penuh perasaan pengharapan dan jangan cuba mengatakan “Ya Allah ampunilah daku sekiranya Engkau mahu, rahmatilah sekiranya Engkau inginkan”.
- Mengangkat kedua-dua tangan sehingga keparas bahu seperti yang dibuat oleh Nabi SAW.
- Menadah tapak tangan dengan mengarah ke langit dan sekiranya meminta perlindungan, tapak tangan mengarah kebawah.
- Berdoa dengan suara perlahan.

### **Memilih waktu Terbaik**

Berdoa boleh dilakukan pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun terdapat waktu-waktu tertentu yang lebih mustajab sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW sendiri antaranya;

- Waktu pagi sebelum terbit matahari dan setelah selesai menunaikan solat Subuh.
- Tiap-tiap selepas solat fardhu lima waktu.
- Antara solat zohor, Asar dan Maghrib.
- Antara azan dan iqamah atau selepasnya.
- Ketika bangun tidur.
- Selepas membaca tasyahud akhir sebelum salam.
- Ketika hendak masuk dan keluar masjid.
- Antara takbir solat hari raya.
- Dalam khutbah jumaat, khutbah hari raya dan khutbah nikah.
- Ketika menziarahi Makam Rasulullah SAW di Masjid Nabawi.
- Ketika melakukan sesuatu pekerjaan dan urusan penting.
- Ketika membaca qunut bagi solat subuh dan solat lain.
- Tiap-tiap kali mengadakan majlis dan upacara yang tidak berbentuk kemaksiatan dan kemungkaran.
- Ketika ditimpa kesulitan, gundah gulana dan resah gelisah.
- Ketika berjumpa dengan sanak saudara dan sahabat handai yang lama berpisah.
- Ketika hujan turun.
- Ketika hendak mulakan solat dan sesudah menunaikannya.
- Sepanjang malam, terutama sepertiga yang akhir dan waktu makan sahur.
- Ketika khatam al-Quran 30 juzuk.
- Ketika sujud dalam solat khususnya pada sujud akhir.

## **Memilih Tempat Terbaik**

Tempat-tempat yang sesuai bagi melakukan doa supaya doa itu diterima, adalah seperti berikut:

- Ketika melihat Kaabah.
- Ketika melihat masjid Nabi Muhammad.
- Di tempat dan semasa melakukan tawaf.
- Di sisi Multazam.
- Di dalam Kaabah.
- Di sisi perigi Zamzam.
- Di belakang makam Ibrahim.
- Di atas Bukit Shafa dan Bukit Marwah.
- Di Arafah, di Muzdalifah, di Mina dan di sisi ketiga-tiga Jamrah.
- Di tempat-tempat yang mulia lainnya, seperti di masjid dan tempat-tempat ibadat Islam lainnya.

## **Memilih Bahan Berdoa**

Doa hendaklah dilakukan mengikut keutamaan atau urutan seperti;

### **Memohon Perkara Berkaitan Keimanan dan Ketaqwaan**

- Masukkan iman dan takwa di dalam hati.
- Mohon bimbingan, tunjukan jalan lurus, jalan kebenaran dan istiqamah di jalan kebenaran.
- Keteguhan Iman.
- Mendapat hakikat iman.
- Mencapai tahap iman orang Mukminin sebenar.
- Mati dalam iman.
- Tidak dipalingkan daripada iman.
- Dihindari daripada Syirik dan kufur.
- Dihindari was-was.
- Menjadi kekasihnya.

Tujuan: Menguatkan keyakinan seseorang terhadap Allah.

Membina hubungan diri kepada Allah.

Mendapat bimbingan Allah.

Melakukan penyerahan diri secara mutlak kepada Allah.

Mampu menjelaskan matlamat hidup.

Melahirkan ketenangan dan keyakinan diri.

## **2. Keampunan**

Berdoa boleh dilakukan pada bila-bila masa. Walaubagaimanapun terdapat waktu-waktu tertentu yang lebih mustajab sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW sendiri antaranya;

- Dosa diri, ibubapa, isteri, anak, adik-beradik, sahabat dan sekian Muslimin dan Muslimat.
- Dihindari dari melakukan dosa.
- Dipadamkan dosa-dosa yang lalu.

Tujuan: -Penyucian diri  
-Melahirkan ketenangan jiwa

## **3. Memohon Perlindungan**

- Daripada godaan dan gangguan Syaitan, Iblis Dan Godaan Nafsu
- Kejahatan Manusia.
- Musibah, bala bencana, wabak penyakit dll.

Tujuan:- Meletakkan diri dibawah lindungan Allah.  
- Menghindari dan mengalahkan musuh manusia khusus  
Syaitan Iblis dan Nafsu Jahat.

## **4. Afiat dan Kesejahteraan Keluarga diri dan lainnya**

- Afiat jasmani, rohani, intelek dan emosi.
- Selamat daripada bala bencana di dunia dan akhirat.
- Hilangkan sifat mazmumah pada diri secara khusus seperti malas, cemburu, dan cepat marah.
- Hati yang tenang.
- Umur yang berkat.
- Dihindari daripada api neraka.
- Kesejahteraan keluarga dan keturunan.
- Mendapat keturunan yang baik.
- Anak yang soleh dan solehah.
- Murah rezeki dan halal.

Tujuan:- Mendapat Afiat jasmani, rohani, intelek dan emosi  
- Selamat daripada bencana, mala petaka dan wabak penyakit  
- Keselamatan hidup diakhirat  
- Menghilangkan sifat-sifat tercela  
- Kesejahteraan hidup diri, isteri, anak dan adik beradik  
- Memurahkan rezeki

## 5. Doa-doa pilihan

### i- Doa bagi mereka yang was-was dalam beriman

Baca:

أَمْتُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ

Maksudnya:

Aku Beriman dengan Allah dan RasulNya.

dan baca:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِ

Maksudnya:

Dialah yang awal dan Dialah yang akhir, Dialah yang zahir dan Dialah yang batin, Dialah yang Maha Mengetahui segala sesuatu

- Hendaklah memohon perlindungan dengan Allah daripada gangguan syaitan.
- Berhenti daripada memikirkan perkara yang meragukan.

### ii- Doa untuk memudahkan sebarang urusan

اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَ سَهْلًا  
وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحُرْزَنَ إِذَا شَاءْتَ سَهْلًا

Maksudnya:

Ya Allah, tidak ada kemudahan kecuali sesuatu yang Engkau permudahkan, Engkau menjadikan kedua-dua itu mudah sekiranya Engkau kehendaki

- iii- Doa menghilangkan was-was dalam solat atau ketika mem baca Al-Quran

Baca:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya:

Aku berlindung dengan Allah daripada syaitan yang direjam".

Dan ludah ke sebelah kiri tiga kali

- iv- Doa untuk mengusir syaitan dan gangguannya  
Bacaan untuk menolak gangguan syaitan

Baca:

أَعُوذُ بِكُلِّمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ الَّتِي لَا يُحَاوِرُهُنَّ بِرٌّ وَلَا فَاجِرٌ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ، وَبِرًا وَزَرًا ،  
وَمِنْ شَرِّ مَا يَتَوَلَّ مِنَ السَّمَاءِ ، وَمِنْ شَرِّ مَا يَعْرُجُ فِيهَا ، وَمِنْ شَرِّ مَا ذَرَّا فِي الْأَرْضِ ،  
وَمِنْ شَرِّ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا ، وَمِنْ شَرِّ قِنْ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ ، وَمِنْ شَرِّ كُلِّ طَارِقٍ  
إِلَّا طَارِقًا يَطْرُقُ بِخَرْ يَا رَحْمَنُ

Maksudnya:

Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna, yang tidak boleh ditembusi oleh orang yang baik dan yang jahat, dari kejahatan semua makhluk, dari kejahatan semua yang turun dari langit dan yang naik kepadanya, dari kejahatan semua yang tumbuh di dalam bumi dan yang keluar daripadanya, dari kejahatan fitnah yang berlaku di waktu malam dan siang dan dari kejahatan yang datang (pada waktu malam) kecuali dengan tujuan baik, wahai Tuhan yang Maha Pengasih

#### v- Doa perlindungan untuk anak-anak

Rasulullah SAW telah berdoa untuk perlindungan Hasan dan Husain (cucunya) dengan membaca:

أَعُوذُ كُمَا بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَّهَامَةٍ وَّمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَّامَةٍ

Aku minta perlindungan bagi kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada setiap syaitan, binatang yang berbisa dan bencana ain (pandangan mata yang menimpakan penyakit)

#### vi- Doa ketika ditimpa sesuatu yang tidak disukai

Rasulullah SAW telah berdoa untuk perlindungan Hasan dan Husain (cucunya) dengan membaca:

قَدَرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ

Allah sudah mentakdirkan (menentukan) sesuatu yang dikehendakinya.

“Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah dari mukmin yang lemah. Kedua-duanya baik. Bersungguh-sungguh melakukan perkara yang bermanfaat kepadamu. Minta tolonglah kepada Allah dan jangan lemah.

Apabila kamu ditimpa sesuatu kesusahan, jangan berkata: ‘Seandainya aku berbuat begini..dan begitu..’ tapi berkatalah: ‘Allah sudah mentakdirkan (menentukan) sesuatu yang dikehendakinya’. Sesungguhnya perkataan ‘Kalau/seandainya’ akan membuka pintu bagi gangguan syaitan”

- (i) Memohon perlindungan dengan Allah dari gangguan syaitan.
- (ii) Melaungkan azan.
- (iii) Membaca zikir dari hadis-hadis Nabi dan membaca Al-Quran.

vii- Doa ketika ditimpa bencana

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمُ ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ

Maksudnya:

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Yang Maha Agung lagi Maha Lemah Lembut. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan Arasy yang agung, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Tuhan langit dan bumi da Tuhan Arasy yang mulia.

اللَّهُمَّ رَحْمَتَكَ أَرْجُوا فَلَا تَكْلِنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةً عَيْنٍ ، وَأَصْلِحْ لِي شَانِهَ كُلُّهُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya:

Ya Allah, demi rahmatMu aku memohon maka janganlah Engkau serahkan aku kepada diriku walaupun sekilip mata dan perelokkanlah urusanku keseluruhannya, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ ، سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya:

Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau, Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku telah tergolong daripada orang-orang yang zalim.

اللَّهُ اللَّهُ رَبِّي لَا أَشْرُكُ بِهِ شَيْئًا

Allah, Allah Tuhanku, tidak akan aku sekutukanNya dengan sesuatu.

### viii- Doa ke atas musuh

اللَّهُمَّ مُرِّلْ الْكِتَابِ، سَرِيعُ الْحِسَابِ، اهْزِمُ الْأَهْزَابَ، اللَّهُمَّ اهْزِمْهُمْ وَزُلْزِلْهُمْ

Maksudnya:

Wahai Tuhan yang menurunkan kitab, yang pantas perhitungannya, kalahkanlah kumpulan kafir. Ya Allah, kalahkanlah mereka dan goncangkanlah kedudukan mereka.

### ix- Doa ketika dukacita dan sedih

اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ ابْنُ عَبْدِكَ، ابْنُ أَمْبَتِكَ، تَاصِبِتِي بِيَدِكَ، مَا صَفِيْتِ فِي حُكْمِكَ، عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ، أَسْأَلُكَ  
بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ، سَمِّيَتْ بِهِ نَفْسِكَ، أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ، أَوْ عَلَمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ، أَوْ سَأَثْرَتْ بِهِ فِي  
عِلْمِ الْغَيْبِ عَنْكَ، أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رِبْعَ قُلُوبِيِّ، وَنُورَ صَدْرِيِّ، وَجَلَاءَ حُزْنِيِّ وَذَهَابَ هُمَّيِّ

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak kepada hambaMu, anak kepada hamba perempuanMu, ubun-ubunku di tanganMu, terlaksana ke atasku hukumanMu dan adil kehakimanMu terhadapku, aku memohon kepadaMu dengan setiap nama yang Engkau namakan tengannya diriMu, atau Engkau turunkan di dalam kitabMu, atau Engkau telah mengajarnya kepada seseorang daripada makhlukMu atau yang tersembunyi pada ilmu ghaib di sisiMu, jadikanlah Al-Quran penenang hatiku, cahaya di dadaku, penghapus kedukaanku dan penghilang kesusahanku.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهُمَّ وَالْحَزَنِ وَالْعَجَزِ وَالْكَسْلِ وَالْبُخْلِ وَالْجُنُونِ وَضَلَالِ الدِّينِ وَغَلَبةِ الرِّجَالِ

Maksudnya:

Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada ditimpa kesusahan dan kedukaan daripada kelemahan dan kemalasan, daripada kedekut dan perasaan takut dan daripada desakan berhutang dan paksaan orang

x- Doa ketika berhadapan dengan musuh

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِهِمْ وَنَعُوذُ بِكُمْ مِّنْ شُرُورِهِمْ

Maksudnya:

Ya Allah, sesungguhnya kami jadikan Engkau sebagai penghapus mereka dan kami berlindung denganMu daripada kejahanan mereka.

اللَّهُمَّ أَنْتَ عَصْدِيْ ، وَأَنْتَ نَصِيرِي ، بِكَ أَخْوَلُ وَبِكَ أَصْوَلُ وَبِكَ أَقْاتِلُ

Maksudnya:

Ya Allah, engkaulah Pembantuku dan Engkaulah Penolongku dan dengan pertolongan Engkaulah aku berperang.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنَعَمُ الْوَكِيلُ

Maksudnya:

Cukuplah bagi kami pertolongan Allah dan Allahlah sebaik-baik penolong.

xi- Doa apabila terganggu dan terkejut ketika tidur atau rasa kesepian

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَافَاتِ مِنْ غَضْبِهِ وَعَقَبَةِ ، وَشَرِّ عِبَادَهِ ، وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَحْضُرُونَ

Maksudnya:

Aku memohon perlindungan dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna daripada kemurkaaNya dan azabNya, daripada kejahanan hambaNya dan daripada hasutan syaitan-syaitan dan daripada syaitan mendekatiku

## TAJUK 2 : KEPERLUAN SOKONG BANTU

### OBJEKTIF:

Pada akhir sesi, fasilitator akan dapat :

- a) Menjelaskan faedah ‘sokong bantu’ dari segi sosial dan ekonomi;
- b) Menjelaskan peringkat-peringkat ‘sokong bantu’;
- c) Menghuraikan peranan agensi-agensi dalam melaksanakan proses ‘sokong bantu’;

### PERKARA UTAMA:

- a) Faedah ‘sokong bantu’ terhadap kualiti hidup, sosial dan ekonomi;
- b) Mengurangkan stigma masyarakat terhadap golongan mak nyah melalui penglibatan pelbagai pihak dalam aktiviti ‘sokong bantu’;
- c) Peringkat-peringkat pelaksanaan ‘sokong bantu’ ;
- d) Peranan dan pendekatan aktiviti yang berkesan dari pelbagai sektor;

### FAEDAH ‘SOKONG BANTU’:

- a) i. Mak nyah dapat meneruskan kehidupan mereka dengan positif dan berkualiti.  
ii. Mak nyah berpeluang mendekatkan diri kepada Allah dan menghayati kehidupan beragama.  
iii. Mak nyah dapat meningkatkan motivasi diri melalui perkhidmatan kaunseling Syari.  
iv. Mak nyah dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti negatif dan tidak sihat seperti pelacuran dan pembedahan pertukaran jantina.  
v. Mak nyah dapat kembali kepada fitrah sebagai lelaki dan dapat meneruskan kehidupan dengan baik tanpa dipinggirkan oleh masyarakat.

- b) Faedah sosial dan ekonomi;
- Mak nyah mampu berdikari dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi;
  - Mak nyah berpeluang ditawarkan pekerjaan yang lebih baik oleh majikan;
  - Mak nyah dapat mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti negatif seperti pelacuran dan ini menghindarkan mereka daripada dijangkiti penyakit seperti HIV; dan
  - Mak nyah mempunyai lebih masa untuk bersama keluarga dan orang yang tersayang.
- c) Mengurangkan stigma masyarakat terhadap golongan mak nyah;
- Membentuk masyarakat penyayang melalui usaha 'sokong bantu' yang diterajui oleh pemimpin agama;
  - Mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap permasalahan mak nyah dengan memberi fokus kepada kebajikan mereka;
  - Membolehkan golongan mak nyah menjalani kehidupan bermasyarakat dengan menyertai aktiviti yang dianjurkan;
  - Menghindarkan diskriminasi masyarakat terhadap golongan mak nyah dan keluarga;

#### **PERINGKAT-PERINGKAT SOKONG BANTU**

Berikut adalah peringkat-peringkat sokong bantu:

- Kesedaran dan Pencegahan  
Dilaksanakan kepada golongan yang belum terlibat dan yang berisiko untuk terlibat.
- Rawatan dan Pemulihan  
Dilaksanakan kepada golongan mak nyah.

Aktiviti Kesedaran dan pencegahan	Aktiviti Rawatan dan pemulihan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan agama yang mantap</li> <li>• Program motivasi dan pembangunan diri</li> <li>• Program kesedaran hidup sihat</li> <li>• Sokongan keluarga dan masyarakat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bimbingan Agama</li> <li>• Kaunseling Syarie</li> <li>• Khidmat Nasihat</li> <li>• Bimbingan kerjaya</li> </ul>

## PENDEKATAN PELBAGAI SEKTOR DIPERLUKAN BAGI SOKONG BANTU

Bagi aktiviti sokong bantu, pendekatan pelbagai sektor sangat diperlukan. Ini termasuklah peranan:

- a) Agensi-agensi agama – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM).
- b) Agensi-agensi kerajaan - (Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan lain-lain agensi berkaitan.
- c) Institusi Keluarga.
- d) Institusi Pendidikan.
- e) Pemimpin masyarakat.
- f) Media massa.
- g) Institusi Masjid.
- h) Pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

## **PERANAN AGENSI-AGENSI AGAMA**

Peranan agensi-agensi agama dalam menangani isu mak nyah:

a) Kesedaran dan pencegahan

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan menangani masalah mak nyah di peringkat awal, agensi-agensi agama berperanan:

- i) Memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai isu mak nyah dan pandangan Islam mengenainya,
- ii) Memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai masalah sosial yang berlaku akibat kecelaruan gender dan kesannya terhadap agama,
- iii) Memupuk kesedaran masyarakat tentang pentingnya peranan mereka dalam menangani isu mak nyah
- iv) Memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai peranan mereka berdasarkan konsep amar ma'ruf nahi munkar.

Peranan agensi-agensi agama dalam menangani isu mak nyah:

b) Rawatan dan pemulihan

Bagi proses rawatan dan pemulihan golongan mak nyah, agensi-agensi agama berperanan:

- i) Memberi kefahaman dan penghayatan Islam.
- ii) Memberi bimbingan agama secara berterusan untuk mendekatkan mereka kepada Islam.
- iii) Memberi kesedaran tentang bahaya dan akibat perbuatan sumbang dari perspektif moral dan agama.
- iv) Memupuk rasa sayang mereka terhadap diri sendiri agar menjauhi perbuatan yang boleh memudaratkan diri.

## **PERANAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

Peranan agensi-agensi kerajaan dalam menangani isu mak nyah termasuklah:

a) Kesedaran dan pencegahan

Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan mencegah masalah mak nyah di peringkat awal, agensi-agensi kerajaan berperanan:

- i. Memberi maklumat dan pemahaman mengenai bahaya penyakit berjangkit seperti HIV dan penyakit kelamin.
- ii. Memberikan maklumat dan pemahaman mengenai kaedah pencegahan penyakit-penyakit tersebut.
- iii. Memberi maklumat dan pemahaman mengenai kesan negatif pembedahan penukaran jantina dan suntikan hormon.
- iv. Memberi sokongan psikologi.
- v. Memberi bantuan kebajikan dan sokongan moral.
- vi. Memberi bimbingan kerjaya.
- vii. Memperbanyak sebaran maklumat melalui media elektronik dan media cetak.
- viii. Menyediakan pusat rujukan maklumat.

b) Rawatan dan pemulihan

- i. Menggalakkan mak nyah membuat ujian saringan HIV.
- ii. Menyediakan khidmat nasihat bagi mak nyah yang telah dijangkiti penyakit.
- iii. Menyediakan khidmat rawatan yang bersesuaian.

### **PERANAN INSTITUSI KELUARGA**

a) Kesedaran dan pencegahan

- i. Memberi didikan agama yang sempurna.
- ii. Mengenal pasti kecenderungan personaliti anak-anak.
- iii. Memberi kesedaran kepada anak-anak agar tidak terjebak dengan gejala mak nyah.
- iv. Mengawal perilaku anak-anak secara berterusan yang v. cenderung ke arah kelembutan.
- vi. Menyelami permasalahan anak-anak.
- vii. Tidak terlalu memberi kebebasan kepada anak-anak tanpa kawalan.

b) Rawatan dan pemulihan

- i. Menyelesaikan masalah secara bersama.
- ii. Memberi perhatian yang secukupnya.
- iii. Memperuntukkan masa bersama.
- iv. Menbantu anak-anak untuk berubah kepada yang lebih baik.
- v. Membentuk persekitaran yang baik.
- vi. Memberi dorongan dan memupuk nilai-nilai positif dalam diri.
- vii. Memberi semangat.

- viii. Memberi galakan.
- ix. Memberi perangsang dan
- x. Mengambil berat.

### **PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN**

- a) Kesedaran dan pencegahan
  - i. Mengenal pasti dan memantau pelajar yang berpersonaliti lembut (softies).
  - ii. Mengukuhkan pendidikan agama.
  - iii. Mengadakan kempen kesedaran.
  - iv. Mengambil langkah pencegahan dan mewujudkan suasana yang positif di sekolah dan dalam diri pelajar.
- b) Rawatan dan pemulihan
  - i. Memberi bimbingan dan nasihat yang berkesan kepada pelajar.
  - ii. Mengawal tingkah laku pelajar.
  - iii. Menerapkan akhlak-akhlak yang terpuji dalam diri pelajar dan
  - iv. Mengetatkan lagi disiplin dan peraturan sekolah.

### **PERANAN PEMIMPIN MASYARAKAT**

- a) Kesedaran dan pencegahan
  - i. Mewujudkan mekanisma yang bersesuaian untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.
  - ii. Memperbanyakkan program-program keagamaan bagi membentuk akhlak masyarakat.
  - iii. Memperbanyakkan aktiviti turun padang bagi mendekati masyarakat untuk mengenali dan menyelami dengan lebih mendalam permasalahan masyarakat.
  - iv. Mengambil berat isu sosial dan mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah tersebut.
  - v. Melaksanakan program-program kesedaran agar tidak meminggirkan golongan mak nyah.
  - vi. Mengadakan program mak nyah bersama masyarakat bagi mengelakkan stigma dan pandangan negatif terhadap golongan ini.

## **PERANAN MEDIA MASSA**

- a) Kesedaran dan pencegahan
  - i. Memaparkan rancangan yang dapat mendidik masyarakat.
  - ii. Menerbitkan program, rancangan, artikel dan berita yang memberi kesedaran kepada masyarakat.
  - iii. Memperbanyakkan program agama.

## **PERANAN INSTITUSI MASJID**

- a) Kesedaran dan pencegahan
  - i. Mengimarahkan masjid.
  - ii. Menjalankan kegiatan keilmuan dan kemasyarakatan.
  - iii. Memainkan peranan yang aktif dalam menangani gejala sosial dan keruntuhan akhlak.
- b) Rawatan dan pemulihan
  - i. Mengalu-alukan golongan mak nyah untuk mendekati masjid;
  - ii. Memberi bimbingan kepada mak nyah yang ingin memperbaiki kehidupan dengan bertaubat dan kembali ke pangkal jalan.


## **PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN**

- a) Kesedaran dan pencegahan
  - i. Membantu institusi yang terlibat dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pendidikan agama di peringkat awal bagi mencegah penglibatan dalam aktiviti mak nyah.
  - ii. Memberi kesedaran kepada golongan yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi mak nyah.
  - iii. Menyokong aktiviti yang dianjurkan kepada golongan mak nyah untuk kembali kepada fitrah sebagai lelaki dan menjalani kehidupan yang normal.
  - iv. Membantu pihak kerajaan menangani isu sosial berkaitan mak nyah.
  - v. Memberi bimbingan dan kesedaran kepada golongan mak nyah mengenai kepentingan mengelakkan diri dari terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat.

b) Rawatan dan pemulihan

- i. Menyediakan pusat rujukan untuk mendapatkan khidmat nasihat.
- ii. Memberi bimbingan kerjaya.
- iii. Membantu golongan mak nyah yang telah dijangkiti penyakit seperti HIV dan penyakit kelamin untuk mendapatkan rawatan.

**RINGKASAN PERANAN AGENSI-AGENSI**



# ***MODUL 5***

## ***PELAN TINDAKAN***

### **Tujuan**

*Modul ini bertujuan memberi kemahiran kepada peserta bagi melaksanakan aktiviti Temu Seru dalam membanteras masalah sosial di peringkat akar umbi. Ia mengandungi definisi, konsep, mekanisma pelaksanaan, peranan, tanggungjawab, larangan dan peraturan sukarelawan ketika melaksanakan aktiviti tersebut.*

# **BAB 1 :**

# **TEMU SERU**

# **(OUTREACH)**

## OBJEKTIF:

1. Memberi pemahaman tentang definisi temuseru.
2. Menjelaskan konsep temuseru menurut perspektif Islam.
3. Memberi kefahaman tentang prinsip aktiviti temuseru.
4. Menjelaskan peranan dan tanggungjawab sebagai sukarelawan temuseru.

### Definisi Temuseru

- Turun padang atau turun ke lapangan.
- Berjumpa dan beramah mesra dengan klien atau komuniti yang sukar didekati.

### Pandangan Islam

Rasulullah SAW bersabda;

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُّنْكِرًا فَلْيُغْبِرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلِسَانِهِ، وَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ،  
وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ – روایہ مسلم

Maksudnya;

"Siapa yang melihat satu kemungkaran hendaklah dia mencegahnya dengan tangannya, jika dia tidak berupaya hendaklah dia mencegah dengan lidahnya dan sekiranya dia tidak mampu juga dia hendaklah mencegahnya dengan hatinya. Yang demikian adalah selemah-lemah iman.

(Riwayat Muslim)

### Asas Temuseru

1. Keimanan
2. Keikhlasan
3. Mempunyai ilmu
4. Doa/Harapan/Motivasi

Aktiviti temuseru perlu dilaksanakan dengan keikhlasan berdasarkan kepada kepentingan berikut;

- Membantu orang yang lemah (sama ada lemah akidah, lemah ibadah, lemah akhlak, dan lemah fizikal) amat dituntut dalam Islam.
- Membentuk orang yang lemah kadang-kadang bermula dengan komunikasi. Komunikasi bertenaga mempunyai kekuatan dalam. Jangan cuba menguasai seseorang yang lemah secara paksa.
- Berinteraksilah semasa bertemu dengan mereka dan lahirkan keperihatinan tentang nasib mereka. Jika ada ruang, peluang dan kesempatan carilah jalan untuk berkomunikasi dengan mereka dan berkata sesuatu.
- Isikan dengan input-input yang baik ketika bersama mereka dan kita akan dapat menjalinkan hubungan yang bermakna dengan mereka dalam masa yang singkat.
- Olahkan mesej yang kita dengar itu semula untuk memastikan penyampaian dan penerimaan yang betul. Ingatlah bahawa lebih banyak yang kita fahami, lebih banyak yang dapat kita uruskan mereka.
- Semakin banyak kita tidak fahami, semakin banyak yang akan dimanipulasi. Apabila mentafsirkan sesuatu, Rasulullah SAW mengajar kita supaya mencari tujuh puluh sebab perlakuan buruk orang lain dan jika sekiranya tidak ada satu alasan pun yang betul, mungkin ada tafsiran yang belum kita ketahui.

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ - البيت: 5

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah Dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya .....

(Surah Al-Bayinnah: 5)

### Prinsip-Prinsip Temuseru

Sukarelawan ketika melakukan aktiviti temuseru hendaklah berpegang pada prinsip berikut;

- Terlatih dalam bidang temuseru (rujuk buku Manual Sukarelawan Sosial Islam).
- Bijak menyesuaikan diri dengan sesiapa sahaja dalam semua keadaan.
- Cara pergaulan, komunikasi dan hubungan yang baik.
- Berpengetahuan mengenai isu sosial yang hendak ditangani.
- Mematuhi jadual temuseru yang ditetapkan.  
Bersifat terbuka dan tidak membuat andaian / penilaian peribadi (non-judgemental)
- Bertindak bijak kepada klien yang ada masalah.
- Penampilan bersahaja dan tidak terlalu formal.
- Sentiasa peka dengan keadaan semasa.
- Sentiasa meningkatkan pengetahuan dan maklumat yang sedia ada.
- Bertindak secara rasional dan memberi kerjasama jika ditahan pihak berkuasa.
- Tidak melibatkan masalah peribadi dengan klien.
- Berpengetahuan dan berkemahiran untuk mendapatkan bantuan rujukan seperti balai polis, hospital, klinik pakar, pusat bantuan guaman, badan bukan kerajaan (NGO), rumah-rumah perlindungan, pusat komuniti dan sebagainya.
- Mempunyai sensitiviti dan kreativiti dalam penyampaian maklumat.
- Selalu berwaspada dan ikut gerak hati bila berada dalam suasana yang mencurigakan di lapangan semasa aktiviti temuseru.
- Prihatin dan bertindak bijak dalam apa jua keadaan dan masalah.
- Membuat pemetaan sosial (*Social Mapping*) dan laporan.

### **Peranan dan Tanggungjawab**

Peranan dan tanggungjawab berikut hendaklah dilaksanakan oleh para sukarelawan ketika menjalankan aktiviti temuseru iaitu;

- Membuat outreach ke lokasi sasaran dan berjumpa klien.
- Menjalinkan hubungan akrab dengan komuniti dan penduduk sekitarnya membiasakan diri dengan keadaan sekitarnya.
- Peka dan sensitif tentang apa yang berlaku di lokasi sasaran.
- Mengenalpasti lokasi yang baru dan terkini.
- Menjadi pendengar yang baik dan menunjukkan rasa simpati kepada mereka.

- Menjaga kerahsiaan dan kepercayaan yang diberikan oleh klien dan komuniti.
- Tiada diskriminasi terhadap mereka dan melayani komuniti dengan saksama
- Sampaikan maklumat dengan tepat dan bijak menangani masalah klien.
- Menggunakan bahasa tempatan supaya mudah untuk berkomunikasi

### **Etika dan Larangan**

Ketika aktiviti temuseru sedang dijalankan para sukarelawan dilarang melakukan perkara-perkara berikut;

- Meninggalkan ibadat wajib seperti solat dan puasa
- Berpakaian tidak sopan dan mendedahkan aurat
- Bertengkar
- Menunjuk-nunjuk
- Suka menilai dan memandang rendah kepada klien/komuniti
- Menggunakan bahasa yang sukar difahami
- Menjual atau mengedar dadah, kondom, pelincir berdasarkan air atau apa juar barang.
- Bertindak membuat keputusan peribadi untuk klien.
- Berkonfrantasi dengan pihak berkuasa.
- Bawa kawan atau sesiapa sahaja untuk menunjuk aktiviti klien.
- Mengambil gambar tanpa kebenaran klien.
- Berlagak lebih tahu dan pandai di hadapan klien.
- Tidak menghormati klien
- Menghina dan mengaibkan klien
- Berjanji dan member harapan kosong kepada klien
- Memungut derma tanpa kebenaran.
- Melibatkan masalah peribadi semasa temuseru
- Menimbulkan perasaan berpuak-puak serta bermusuhan sesama klien.

## Objektif

1. Meningkatkan kefahaman kepada fasi berkenaan mekanisme untuk melakukan aktiviti temuseru.
2. Memberi penjelasan berkenaan kemahiran yang perlu dimiliki untuk melakukan aktiviti temuseru.

Dalam melaksanakan aktiviti temuseru, terdapat lima (5) mekanisme pelaksanaan yang perlu diketahui, bagi membantu keberkesanan hasil aktiviti tersebut.

### Mengenal Pasti Lokasi

Mengetahui keadaan dan suasana lokasi merupakan makanisma utama dalam kejayaan aktiviti temuseru. Maklumat tersebut boleh didapati dengan melaksanakan tinjauan awal, bertujuan untuk mendapatkan maklumat seperti berikut:

- Apa yang berlaku di lokasi?
- Siapa yang berada di lokasi?
- Mengapa lokasi tersebut dipilih?
- Apa aktiviti berisiko tinggi berlaku di lokasi?
- Siapa individu yang boleh dirujuk yang mengawal lokasi tersebut seperti ketua yang menjaga kawasan?

### Temuseru akan lebih efektif sekiranya :

- Anda sudah mengenal pasti aktiviti yang berlaku di lokasi tersebut.
- Dapat membina kepercayaan dan menjalin kemesraan dengan klien serta penduduk setempat.
- Mendapat kerjasama yang positif dengan klien.
- Menampakkan perubahan sikap dan kesedaran klien mengenai masalah peribadi.

## **Mengenal pasti Sasaran Kelompok & isu gejala sosial**

2.1 Penyumbang gejala sosial LGBT yang dapat dikenal pasti yang disasarkan, antaranya :

### **Sesi Taklimat**

Kandungan taklimat antaranya;

- Keperluan mengadakan program ini sebagai satu pendekatan turun padang untuk bertemu sasaran secara langsung (face to face)
- Memberi gambaran awal tentang bentuk komunikasi yang perlu dilakukan oleh peserta.
- Menerangkan maklumat latar belakang sasaran, lokasi serta isu-isu yang telah dikenal pasti bagi melaksanakan aktiviti temuseru.

### **Tugasan Kumpulan**

Setiap kumpulan sukarelawan sosial Islam ini akan diberi tugas seperti berikut;

- Menyediakan laporan program membanteras gejala sosial dan maksiat
- Cadangan pembangunan masyarakat dengan kaedah pendidikan yang perlu dilaksanakan.

### **Senarai Keperluan**

Sukarelawan yang terlibat dalam aktiviti temuseru perlu memastikan membawa senarai keperluan seperti berikut :

- Kad Pengenalan Diri
- Penyembur Lada
- Lampu Suluh
- Wisel
- Buku catatan
- Senarai Rujukan
- Skaf/ baju seragam temuseru
- Kit Kecemasan
- Sarung tangan getah

### **TAJUK 3 : PANDUAN KOMUNIKASI DI LAPANGAN**

Perkara berikut adalah panduan dalam aktiviti komunikasi ketika temuseru:

#### **Sentuhan memikat hati**

- Senyum
- Memberi Salam
- Berjabat tangan
- Memeluk, mendakap, merangkul
- Mencium mengikut kesesuaian
- Memegang tangan
- Tangan di atas bahu
- Tanya khabar / sapaan / menyapa
- Doa/motivasi

#### **Sentuhan berhemah**

- Dekatilah (kemesraan)
- Dengarilah (isu/masalah) – 5W 1H
- Fahamilah dan hayati (perasaan – HATI/  )
- Bantulah (bina keyakinan)
- Penilaian (menilai perubahan)

#### **5W 1H**

- What / apa isunya ?
- Who / siapa terlibat ?
- Why / kenapa berlaku ?
- When / bila berlaku?
- Where / di mana berlaku?
- How / bagaimana ?

#### **Kawalan suara**

- Nada
- Kelembutan
- Kelajuan

#### **Ruang**

- Jarak diantara sasaran dengan sukarelawan.
- Tanda dan perubahan merujuk kepada sasaran ketika pra komunikasi dilakukan, contoh :- perubahan muka dan tempat.

## Bahasa Badan

Bahasa Badan merupakan suatu bentuk ekspresi seseorang yang terpamer di wajahnya dan pergerakan badan.

Antara bahasa badan yang boleh dikenal pasti ketika proses komunikasi ialah :-

- Kedudukan kepala
- Muka, terutamanya mulut, kening dan dahi.
- Mata
- Bahu
- Posisi tubuh
- Pergerakan
- Aksi dan isyarat
- Pakaian

#### **TAJUK 4: TIPS MERAPATI SASARAN**

**Membina hubungan kemesraan dan keakraban iaitu:**

- Perkenalkan diri dan hajat anda.
- Penampilan bersahaja dan ceria.
- Bertanya khabar dan beramah mesra.
- Pergaulan berhemah dan hormat menghormati.
- Tidak memandang hina atau menunjukkan rasa tidak selesa bersama mereka.
- Tidak pilih kasih.
- Pergi pada masa dan keadaan yang sesuai.
- Melakukan tindakan susulan.
- Mencari persamaan contoh :- minat atau hobi yang sama.

**Membina kepercayaan iaitu;**

- Tunjukkan yang anda ambil berat tentang mereka.
- Terangkan apa yang dilakukan dan tujuan anda hanya untuk kebaikan mereka.
- Edaran risalah yang berkaitan.
- Beri keyakinan kepada mereka anda ingin membantu.
- Mengadakan tindakan susulan.
- Jadikan mereka seorang seperti seorang kawan.
- Menjaga rahsia klien dan bersifat berkecuali.
- Merendahkan diri dan pohon kemaafan.

**Bertindak bijak iaitu:**

- Menjadi seorang pendengar yang baik, bukannya membuat keputusan untuk klien.
- Menjaga kerahsiaan mengenai apa yang diceritakan oleh klien.
- Menggalakan mereka untuk mengambil tindakan dan keputusan sendiri.
- Tidak membuat andaian atau menghukum/menilai terhadap klien.
- Beri jawapan dengan penuh yakin dan tepat.
- Sekiranya tidak tahu jawapannya dan minta maaf serta berjanji untuk memberitahu kemudian hari.
- Jangan panik jika sesuatu tidak diingini berlaku.

### **Risiko**

Ketika melaksanakan aktiviti temuseru para sukarelawan berkemungkinan akan berhadapan risiko-risiko seperti berikut;

- Dimarahi atau ancaman oleh kapten atau penjaga kelab atau kawasan.
- Terdedah kepada disamun atau dirompak ketika di lapangan.
- Terlibat dalam tangkapan operasi pihak berkuasa (Operasi Polis).
- Berhadapan dengan klien yang sakit.
- Dihalang masuk ke pusat khidmat seks ( bagi pelacuran) atau lapangan kerana dianggap mengganggu klien atau kapten.
- Terdedah kepada gangguan seksual.
- Berada di persekitaran yang biasa berlaku pergaduhan, aktiviti penjualan dadah, samseng, orang mabuk, perjudian, bapa ayam dan sebagainya.
- Terdedah kepada persekitaran yang kotor, tercemar dan berbau busuk.

### **Tips Berhadapan Risiko**

Berikut adalah beberapa kaedah untuk berhadapan situasi-situasi kritikal.

#### **Diganggu oleh pelanggan atau kapten:**

- Jangan bertindak agresif dan emosional.
- Cakap dengan baik dan beritahu apa yang anda lakukan.
- Jangan bertindak dan bercakap sehingga menyinggung perasaan.
- Sekiranya keadaan tidak berubah, tinggalkan tempat itu segera.

#### **Disamun atau Dirompak**

- Jangan melawan sekiranya bersendirian takut perompak bersenjata.
- Untuk menggelakkan kejadian rompakan berlaku dicadangkan keluar secara berkumpulan.
- Buat laporan polis dengan kadar segera.

#### **Berlaku Operasi Polis**

- TInggalkan tempat itu secepat mungkin dan jangan panik.
- Kalau sempat, beritahu yang lain.
- Sekiranya terkurung dalam "brothel" bertenang dan tunggu sehingga keadaan reda.

### **Sukarelawan ditahan polis semasa berada di lapangan**

- Sukarelawan hendaklah memberi kerjasama dan menunjukkan kad pengenalan diri.
- Memberitahu secara jelas tugas yang dilakukan dan sentiasa beri penekanan mengenai membanteras gejala sosial.
- Sekiranya kedua-duanya ditangkap, minta bantuan penduduk sekitar untuk menghubungi kawan atau pertubuhan.
- Sukarelawan dikehendaki keluar ke lapangan berkumpulan untuk keselamatan bersama.

### **Klien beri barang / hadiah**

- Terima semua hadiah yang diberi kecuali barang yang berharga dan wang ringgit.
- Sekiranya didesak, terima untuk elak rasa tersinggung serta berterima kasih tetapi nyatakan pemberiannya akan dikongsi dengan rakan lain.

### **Klien belanja makan / minum**

- Tolak dengan baik.
- Sekiranya didesak terimalah dan nyatakan kita terima pelawaannya sebagai seorang kawan.

### **Klien sakit**

- Bertanya kepada klien jika mahu pergi ke hospital / klinik.
- Mengambil langkah keselamatan sekiranya berlaku sebarang pendarahan.
- Jika uzur / sakit, minta bantuan orang sekeliling / kawan untuk menghantar ke hospital / klinik / telefon ambulans.

# **BAB 2**

## **PROGRAM MUKAYYAM MAK NYAH (ASAS)**

**Tujuan:**

- i. Mengenali Diri Sebagai hamba Allah
- ii. Kefahaman dalam melaksanakan ibadah

**Objektif:**

- i. Membantu kendiri Mak Nyah
- ii. Sokong Bantu Mencari Erti Hidup Yang Diredhai Allah

## JADUAL PROGRAM MUKHAYYAM BERSAMA GOLONGAN MAK NYAH

	Tarikh/ Hari	5.30pg & 8.30pg	8.30pg- 10.30pg	10.30pg- 11.00pm	11.00pm- 1.00pm	2.30pmg- 4.30pmg	4.30pmg- 5.00pmg	5.00pmg- 6.30pmg	6.30pmg- 9.30pm	6.30pmg- 9.30pm	9.30pm- 11.00pm	11.00pm- 12.00nm
(Rabu)			Pendafaran / Taklimat & Penempatan Peserta	Ice- Breaking	Makan Tengahari, Solat Zohor	Bina Kumpulan	Minum Petang Dan Solat Asar	Riadah	Makan Malam, Solat Magrib, (TERAPI SOLAT) Dan Solat Isyak	Interaktif 1 Tayangan Video Mengenal Kelebihan Manusia (JAKIM)	Minum Malam Dan Tidur	
(Khamis)	Bangun Pagi, Solat Subuh & (TERAPI SOLAT) Senam Pagi dan Sarapan Pagi	Interaktif 2  AIDS / Pencegahan + penyakit yg bpulana dr maksiat MAC/KMM	Minum	Interaktif 3  Kerjaya MARA/Dagang Halal/	Makan Tengahari Dan Solat Zohor	KEMBARA	Hutan, jambatan gantung, gua gelap		Makan malam, Solat Magrib,Isyak (TERAPI SOLAT)	Interaktif 4 Tayangan Video Dunia Nan Rupun -garbaran hari kiamat (JAKIM)	Minum / Makan Malam Dan Tidur	
(Jumaat)	4.30 PAGI SOLAT HAJAT & QIAMULAILL (TERAPI JIWA/ZIKIR) -Subuh	Interaktif 5  Tayangan Video mati (SIDIM)	Minum	Interaktif 6  Taklimat, Periapan Solat Jumaat	Makan Tengahari Dan Solat Jumaat		Interaktif 7  Marathonne Kaunseling Syarie		Makan malam, Solat Magrib,Isyak (TERAPI SOLAT)	Interaktif 8 -Ijaz Syarie		
Sabtu	4.30 PAGI SOLAT HAJAT & QIAMULAILL (TERAPI JIWA/ZIKIR) Subuh	(PENUTUP PROGRAM) Bersurai										

**1. AKTIVITI ICE BREAKING/TA'ARUF**

**BINA UKHUWWAH (Sesi Taa'ruf / Suai Kenal)**

**Objektif :**

- Mewujudkan interaksi dikalangan peserta
- Memupuk silaturrahim
- Menanam sikap kerjasama dan memupuk persaudaraan

**PELAKSANAAN AKTIVITI:**

**AKTIVITI 1: 60 MINIT**

**Peserta dibahagi kepada kumpulan mengikut :**

- Huruf pada awal nama peserta
- Bulan kelahiran yang sama
- Negeri asal yang sama

**AKTIVITI 2 : (20 MINIT) Contoh**

Peserta diminta mencari nama, tanda tangan, kegemaran, hobi setiap rakan

**Proses aktiviti:**

Peserta diminta mengenali, berkomunikasi dan menghafal nama peserta di dalam kumpulan.

**Kesan Aktiviti:**

Dapat mewujudkan interaksi yang meluas dan berkesan, memahami perilaku setiap individu, mesra dan berkerjasama.

## **2. BINA KUMPULAN**

### **Objektif :**

- 1. Membina sikap kerjasama dalam satu kumpulan**
- 2. Mempunyai identiti kumpulan**

### **Proses Aktiviti:**

1. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Peserta dibekalkan sehelai kain putih serta 3 batang pen marker yang berwarna hitam, biru dan merah.
3. Fasilitator mengarahkan peserta mencatat perkara berikut:
  - a. Nama Kumpulan
  - b. Logo Kumpulan
  - c. Lagu kumpulan
  - d. Motto Kumpulan
  - e. Etika Kumpulan
  - f. Fasilitator mengarahkan peserta membina imej kumpulan berdasarkan catatan yang diberikan.
  - g. Kerja yang dihasilkan mesti dijaga supaya tidak hilang, rosak, kotor dan akan dibawa kemana sahaja.
  - h. Masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan hasil kerja hanya 30 minit atau 40 minit sahaja.

### **Keperluan Peralatan**

- a. Kain putih
- b. Kayu
- c. Pen marker (3 warna)

## **3. RIADAH/FUTSAL/BERAKIT/BERKAYAK**

### **Objektif :**

- 1. Uji kekuatan fizikal**
- 2. Uji kekuatan mental**
- 3. Nilai Kerjasama**

#### **4. TERAPI IBADAH SOLAT**

### **Objektif :**

1. Mengingatkan para peserta tentang bacaan solat dan yang berkaitan.
2. Menceritakan tentang kepentingan solat dalam hidup.
3. Menceritakan kepada peserta tentang keesaan Allah dan sifat-sifatnya.
4. Menceritakan kepada peserta peranan pengaruh zikir sebagai makanan roh.
5. Mendedahkan amalan rutin Islam dalam membentuk peribadi mulia.

### **Skop**

- i. Cara ambil wuduk
- ii. Bacaan dalam solat
- iii. Rukun solat (Qauli dan F'ili)
- iv. Syarat sah solat
- v. Perkara yang membatalkan solat
- vi. Memperkenal dan mempraktikan zikir harian
- iv. Penekanan terhadap pengajian Iqra' dan tahsin al-Quran
- vii. Penekanan terhadap gaya dan penampilan muslim (cth. Pakaian bermula dari solat).

### **Proses aktiviti**

1. Fasilitator mengarahkan peserta supaya duduk dalam kumpulan masing-masing.
2. Setiap kumpulan akan dibimbing oleh fasilitator masing-masing.
3. Program ini dilaksanakan selepas solat maghrib hingga subuh (cth. Aktiviti Qiamuliai dan zikir munajat).

## 5. INTERAKTIF 1 : MENGENAL KELEBIHAN MANUSIA

### Objektif :

- Menjelaskan pengertian insan menurut perspektif al-Quran

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِّعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ الْغُوَّ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾  
وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَرَةِ فَيَعْلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ  
أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنِ ابْغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ  
لَا مَذَنِّيْهِمْ وَعَاهَدُهُمْ رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُرَّ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ سَخَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْوَرِثُونَ ﴿١٠﴾

المؤمنون – 10-1

(Surah al-mukminun: 1-10)

- Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman,
- Iaitu mereka yang khusyuk dalam solatnya;
- Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia;
- Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu);
- Dan mereka yang menjaga kehormatannya, -
- Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela: -
- Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas;
- Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya;
- Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya;
- Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi –

وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَنَ لِهِ خُسْرٌ ۝ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا  
بِالْكَبَرِ ۝

(al-Ashr: 1-3)

1. Demi Masa!
2. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian -
3. kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

## 2. Mengenal pasti proses kejadian insan menurut al-Quran

ثُمَّ خَلَقْنَا الْنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَمًا فَكَسَوْنَا الْعِظَمَ لَحْمًا ثُمَّ  
أَشَانَهُ خَلْقًا إِلَّا حَرَقَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَكْبَرُ حَسَنُ الْخَالِقِينَ ۝

“Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. Ialu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk Dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.”

(al-Mu'minun: 14)

## 3. Mengenal kelebihan manusia berbanding mahkluk lain.

### 4. Memahami sifat negatif manusia.

### 5. Mengenal tingkatan diri insan disisi Allah SWT.

## Skop Huraian:

### 1. Pendahuluan

- Manusia sebagai sebaik-baik kejadian. Firman Allah SWT dalam Surah al-Israa': 70.

وَلَقَدْ كَرِمْنَا بَنِي آدَمَ وَهَمْ لَهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُم مِّنَ الْطَّيْبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمْنَ

خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

..”Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda Yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”

- Merujuk kepada Al-Quran, Allah SWT menamakan manusia dengan beberapa panggilan (Nas), cth. Surah al-Baqarah: 168

يَتَأْكُلُونَ النَّاسُ كُلُّوْمِمَا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيْبًا وَلَا تَتَّعِدُوا خُطُوْتَ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

“ Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana Sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”

- Islam adalah agama fitrah yang suci lagi sesuai dengan tabiat semulajadi manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum :30

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلَّدِينِ حَيْنِفَا قَطَرَتَ اللَّهُ أَنِّي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِحَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ

الْقِيمُ وَلِكَ أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

“(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ugama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama Yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya”

**Panggilan tersebut:**

- i. al-l'nsan : 65 kali
- ii. al-Nas :240 kali
- iii. al-ins : 18 kali
- iv. Al Basyar juga digunakan dalam al-Quran yang merujuk kepada manusia sebagaimana firman Allah dalam surah al-kahf ayat 110.

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaKu bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang satu; oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia memperseketukan sesiapapun Dalam ibadatnya kepada Tuhannya"

## **2. Penciptaan Manusia**

**Gambaran al-Quran berkaitan penciptaan manusia:**

**Al- Turab (Tanah)**

**Surah al-Rum :20**

وَمَنْ ءَايَتِهِ أَنْ خَلَقْكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا أَنْتُمْ بَشَرٌ تَنَسَّرُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya (menghidupkan kamu semula), bahawa ia menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi"

## At-Tin

(Tanah yang bercampur air)

### Surah al-Anaam:2

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ طِينٍ ثُمَّ قَضَى أَجَلًا وَأَجَلٌ مُسْمَىٰ عِنْدَهُ ثُمَّ أَنْتُمْ تَمْرُونَ ﴿٢﴾

“Dia lah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian ia tentukan ajal (kematian kamu) dan satu ajal lagi yang tertentu di sisiNya (iaitu masa yang telah ditetapkan untuk dibangkitkan kamu semula pada hari kiamat); Dalam pada itu, kamu masih ragu-ragu (tentang hari pembalasan)”

## Min Tin Lazib

(Tanah yang bercampur air yang pekat dan liat)

### Surah As-Saffat :11

فَاسْتَفْتِهِمْ أَهُمْ أَشَدُ حَلْقاً أَمْ مَنْ خَلَقَنَا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ طِينٍ لَازِبٍ ﴿١١﴾

“(setelah nyata kekuasaan kami) maka bertanyalah (Wahai Muhammad) kepada mereka (yang ingkarkan hidupnya semula orang-orang mati): Adakah diri mereka lebih sukar hendak diciptakan, atau makhluk-makhluk lain yang Kami telah ciptakan? Sesungguhnya Kami telah mencipta mereka dari tanah liat (yang senang diubah dan diciptakan semula)”

## Sal Salin Min Hamain Masnun

(Tanah yang berbau kerana proses kepanasan )

### Surah al-Hijr:28

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَلِقْ بَشَرًا مِنْ صَلْصَلٍ مِنْ حَمَإٍ مَسْنُونٍ ﴿٢٨﴾

“Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, Yang berasal dari tanah kental Yang berubah warna dan baunya”

## **Sal Salinkal Fakhhar**

(Tanah yang kering seperti tembikar)

**Surah ar Rahman : 14**

خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَلٍ كَالْفَخَارِ ﴿١٤﴾

“ia menciptakan manusia (lembaga Adam) dari tanah liat kering seperti tembikar”

**Min ai ma' (air)**

**Surah al-Furqan:54**

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿٥٤﴾

“Maha berkat Tuhan yang menurunkan Al-Furqaan kepada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam”

**Proses kejadian manusia berdasarkan surah al mukminun ayat 12-13:**

وَلَقَدْ خَلَقْنَا إِلَّا إِنْسَانَ مِنْ سُلْنَانٍ مِنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ ﴿١٣﴾

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; kemudian Kami jadikan “pati” itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh”

### 3. Kelebihan Manusia berbanding makhluk lain:

- i. Anugerah akal
- ii. Dibekalkan dengan ilmu pengetahuan (al-baqarah:31)

وَعَلِمَ آدَمُ الْأَسْمَاءَ كُلُّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالُوا إِنَّمَا يُنْبَئُونِي بِالْأَسْمَاءِ هُوَ لَأَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

صَادِقِينَ

وَعَلِمَ آدَمُ الْأَسْمَاءَ كُلُّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالُوا إِنَّمَا يُنْبَئُونِي بِالْأَسْمَاءِ هُوَ لَأَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣١﴾

“Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: “Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar”.

- iii. Kesempurnaan unsur rohani dan jasmani.
- iv. Allah ciptakan kemudahan alam tabii untuk manusia.
- v. Menerima amanah llahi dalam memakmurkan bumi.
- vi. Dilengkapkan oleh Allah dengan kebolehan diri yang boleh ditingkatkan untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan skop ibadah yang luas.

### 4. Sifat Negatif Diri Manusia Menurut Al-Quran:

- i. Bersifat lemah (an-Nisa' :28)

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تُخْفِفَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَنُ ضَعِيفًا ﴿٢٨﴾

“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumNya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah”

- ii. Bersifat tergesa-gesa dan gopoh (al-Isra :11)

وَيَدْعُ الْإِنْسَنُ بِالشَّرِّ دُعَاءً وَبِالْخَيْرِ وَكَانَ الْإِنْسَنُ عَجُولاً ﴿١١﴾

“dan manusia berdoa dengan (memohon supaya ia ditimpa) kejahanan sebagaimana ia berdoa dengan memohon kebaikan, dan sememangnya manusia itu (bertabiat) terburu-buru”

iii. Bersifat berbantah-bantah (al-Kahfi:54)

وَلَقَدْ صَرَقْنَا فِي هَذَا الْقُرْءَانِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ إِلَّا نَسْنُ أَكْثَرُهُ شَيْءٌ جَدَلًا ﴿٥٤﴾

"Dan demi sesungguhnya Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam al-Quran ini untuk umat manusia, dari segala jenis contoh bandingan; dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya"

iv. Bersifat cepat putus asa, (Surah Yusuf: 87)

يَبْنَىٰ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْتَيْسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْتِيْسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا  
الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

"Wahai anak-anakku! pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunyamin), dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir".

vi. Bersifat keluh kesah (al-Maarij : 19)

إِنَّ إِلَّا نَسْنَ حُلْقَ هَلْوَعًا ﴿١٩﴾

Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut)"

vii. Bersifat tidak tahu berterima kasih (al-Isra:67)

وَإِذَا مَسَكُمُ الظُّرُفُ في الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِيَاهُ فَلَمَّا جَنَاحُكُمْ إِلَى الْبَرِّ أَغْرَضْتُمُ وَكَانَ إِلَّا نَسْنُ كُفُورًا ﴿٦٧﴾

"Dan apabila kamu terkena bahaya di laut, (pada saat itu) hilang lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain dari Allah; maka apabila Allah selamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tada (tidak mengingatiNya); dan memanglah manusia itu sentiasa kufur (akan nikmat-nikmat Allah)"

viii. Bersifat kedekut (kikir) (al-isra :100)

قُلْ لَوْ أَنْتُمْ تَمْلِكُونَ حَزَابِنَ رَحْمَةٍ إِذَا لَأْمَسْكُتُمْ خَشْيَةً لِلنَّفَاقِ وَكَانَ الْإِنْسَنُ قَوْرَأً ﴿١٠٠﴾

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika kamu memiliki perbendaharaan rahmat Tuhanmu pada ketika itu tentulah kamu akan berlaku bakhil kedekut kerana takut kehabisan; dan sememangnya manusia itu bertabiat bakhil kedekut"

viii. Bersifat hasad dengki kisah Qabil dan Habil, Fitnah.(Surah al-Hujurat 12)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا اْجْتَبُوا كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِنْمَرٌ وَلَا يَجْسُسُوا وَلَا يَغْتَبُ بَعْضُكُمْ

بَعْضًا لِتُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهُتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana Sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadaNya. (oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani"

x. Bersifat was-was, dalam Surah (An Nas: 5-6)

الَّذِي يُوَسِّعُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

"Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia.laitu pembisik dan penghasut dari kalangan jin dan manusia".

## 5. Bentuk petunjuk yang Allah berikan kepada manusia:

- i. Petunjuk tabii
- ii. Petunjuk pancaindera (Deria), (Surah An Nahl: 78)

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِنْ بُطُونِ أُمَّهِتُكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْدَةَ لَعَلَّكُمْ

تَشْكُرُونَ

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur”

### iii. Petunjuk Pemikiran, (al-Baqarah 1-3)

الْمِنْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ فِيهِ هُدًى لِلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ

وَمَمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝

“Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa; laitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka”

### iv. Petunjuk Keagamaan, (ali Imran, 19)

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ الْأَعْلَمُ وَمَا أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أَتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغِيًّا

بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرُ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ۝

“Sesungguhnya ugama (yang benar dan direndai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya”

## v. Petunjuk Keimanan, (al-Baqarah 1-5)

الْمِنْ ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَبَّ لَهُ مِنْ دُرْدَى لِلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقْيِمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ عَمَّا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُرَّبُوْقُنُونَ ۝ أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِنْ رَبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝

1. Alif, Laam, Miim.
2. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa;
3. Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.
4. Dan juga orang-orang yang beriman kepada Kitab “Al-Quran” yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).
5. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lah orang-orang yang berjaya.

## 6. Tingkatan insan disisi Allah SWT:

### i. Muttaqin (yang bertakwa), (Al-Baqarah 1-3)

الْمِنْ ذَلِكَ الْكِتَبُ لَا رَبَّ لَهُ مِنْ دُرْدَى لِلْمُتَّقِينَ ۝ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقْيِمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ۝

1. Alif, Laam, Miim.
2. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwah;
3. Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka.

- ii. Muhsinin (yang suka kepada kebaikan), (Ali Imran: 134,) (Al A'raaf: 56)

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالصَّرَاءِ وَالْكَوْلَمِينَ الْعَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

in

"Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahaninya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik"

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَةَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ

as

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan Segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya"

- iii. Mukhlisin (yang ikhlas), (surah Al-Hijr: 40)

إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلَصِينَ

"Kecuali di antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hambaMu yang dibersihkan dari sebarang syirik".

- iv. Mukminin (yang beriman), (surah Al Jumu'ah: 9)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ

لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya),

v. Muslimin (yang menerima Islam sebagai agama kehidupan)

**Kesimpulan :**

- Manusia adalah makhluk yang dimuliakan dengan pelbagai kelebihan, peluang dan potensi yang boleh dikembangkan.
- Hanya insan yang mengenal diri mampu menjana kekuatan potensi yang dianugerahkan.

**6. INTERAKTIF 2 : HIV/AIDS**

**Objektif :**

1. Memberi pendedahan kepada Mak Nyah tentang pengenalan penyakit HIV/AIDS
2. Menghuraikan cara-cara pencegahan penyakit HIV/AIDS
3. Memberi kesedaran terhadap kesan penyakit HIV/AIDS

**Skop Huraian:**

1. Memberi pendedahan kepada Mak Nyah tentang perbezaan HIV/AIDS
2. Menerangkan tentang proses jangkitan HIV/AIDS
3. Menerangkan tentang bagaimana cara mengesan simptom dijangkiti HIV/AIDS
4. Menerangkan kepentingan istiqamah terhadap aktiviti harian/semasa
5. Menerangkan keburukan amalan seks bebas

**7. INTERAKTIF 3 : KERJAYA**

**Objektif :**

1. Mendedahkan tentang kerjaya yang boleh mereka ceburi jika keluar dari kelompok Mak Nyah
2. Peluang –peluang pekerjaan yang halal dan menjamin masa depan
3. Pendedahan tentang peluang-peluang khidmat latihan dan kemudahan pinjaman dari agensi yang berkaitan (kerajaan/swasta) bagi meningkatkan ekonomi Mak Nyah

## **8. INTERAKTIF 4 : KEMBARA/RIADAH**

### **Objektif :**

1. Memperlihatkan keagongan dan kebesaran Allah SWT.
2. Menguji kekuatan fizikal dan mental.
3. Sikap kerjasama dan berpasukan.
4. Membina jati diri Mak Nyah agar berkeyakinan terhadap diri sendiri yang benar.
5. Mengembalikan semula fitrah kejadian asal Mak Nyah

### **SKOP**

1. Dilakukan di kawasan rekreasi.
  2. Memberi pendedahan kepada aktiviti lasak dan kekreatifan minda masing-masing.
  3. Pecahkan individu mengikut kumpulan masing-masing bagi memastikan gerak-kerja yang diberikan diselesaikan secara bersama.
  4. Melantik seorang ketua bertujuan membina atas kepimpinan
  5. Memberi pendedahan kepada aktiviti sebenar golongan lelaki sejati
- 9. INTERAKTIF 5 : TAYANGAN AUDIO VISUAL DAN MUHASABAH (DUNIA YANG RAPUH)**

### **Objektif :**

1. Memberi pendedahan konsep taubat melalui muhasabah tentang dunia yang sementara.
2. Memberi pendedahan terhadap perlunya membersihkan diri dari dosa-dosa lalu.
3. Menerangkan aspek kehidupan realiti insan sejati.
4. Hidup yang sementara haruslah digunakan sebaik-baiknya.

### **SKOP**

1. Tayangan video (video dunia nan rapuh)
2. Berdasarkan surah al-waqiah dan al-qiamah
3. Gambaran hari kiamat hari kehancuran dunia
4. Ulasan Fasilitator selepas tayangan

## **10. INTERAKTIF 6 : TAYANGAN AUDIO VISUAL DAN MUHASABAH**

### **Objektif :**

1. Memberi pendedahan tentang dunia yang sementara.
2. Memberi pendedahan terhadap realiti pelbagai bentuk kematian
3. Hidup yang sementara haruslah digunakan sebaik-baiknya.

### **SKOP**

1. Tayangan video kematian.
2. Bersedia dah untuk mati?
3. Ulasan Fasilitator selepas tayangan.

## **11. INTERAKTIF 7 : TAKLIMAT PERSIAPAN SOLAT JUMAAT**

### **Objektif :**

1. Memberi sokongan agar Mak Nyah tidak segan untuk menunaikan kewajipan solat jumaat.
2. Memberi pendedahan terhadap persediaan solat jumaat.

## **12. INTERAKTIF 8 & 9 : MARATHONE 'IIAJ SYARIE**

### **Objektif :**

1. Memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan rawatan rawatan dalam diri fizikal dan spiritual
2. Kaunselor membimbing emosi dan psikologidan spiritual mak nyah kejalan yang benar.
3. Untuk mencungkil kembali jiwa fitrah klien.

### **SKOP/PELAKSANAAN AKTIVITI**

1. Aplikasi Manual 'Ilaj Syarie
2. Peserta akan diberi rawatan Syarie yang bertauliah serta telah mengikuti program Manual Kaunseling Syarie JAKIM .
3. 'Ilaj Syarie akan dijalankan samada secara berkelompok atau individu.

## CADANGAN UNTUK TEMA MUKHAYYAM MAK NYAR

### TEMA : "SAYANGI DIRI.. ANDA DIHARGAI"

#### CATATAN

- Perubahan kepada sikap individu
- Menjana prestasi hidup dan persekitaran positif
- Mendidik supaya mencintai diri dengan cara mentaati segala perintah Allah.

### KEMBALILAH KEPADA ISLAM – ( IMAN, ISLAM, EHSAN )

I	=	Istiqamah untuk mencari redha Allah
S	=	Sayangi diri dengan taat perintah Allah
L	=	Lapangkan jiwa dengan segala rintangan hidup
A	=	Akhlik ( kena jujur, amanah, ikhlas dan)
M	=	Muamalah ( menjaga hubungan dgn Allah, manusia dan makhluk lain)

### CADANGAN UNTUK LAGU TEMA

BIL	Tajuk Lagu	Falsafah
1.	1. Insyaallah- Maher Zein 2. Cahaya- Opick 3. Takdir- Opick 4. Istighfar	<ul style="list-style-type: none"><li>- Konsep Allah melihat setiap apa yang manusia lakukan</li><li>- Mohon agar sentiasa berada di jalan yang lurus (sentiasa mendapat keridhaan Allah)</li><li>- Allah maha mengetahui setiap keluhan hamba, pasti ada jalan keluar setiap perkara, ALLAH Maha Penyayang.</li></ul>

# **BAB 3 :**

## **KELAS PEMANTAPAN (LANJUTAN)**

### **1. Tujuan**

Modul ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran lanjutan kepada peserta rentetan daripada kursus asas (mak nyah). Kursus asas yang dilaksanakan selama seminggu tidak memadai jika dibandingkan dengan ilmu-ilmu asas Islam yang luas. Oleh itu, kelas dan kursus lanjutan perlu diadakan sebagai pengukuhan kepada Mak Nyah.

### **2. Objektif**

- i. Memastikan Mak Nyah benar-benar faham akan ajaran Islam yang sebenar.
- ii. Memastikan Mak Nyah dapat mempraktikkan segala amalan Islam yang diajar semasa kursus asas.
- iii. Memberi penerangan kepada Mak Nyah kepentingan Istiqamah dalam menuntut ilmu.

### **3. Strategi Asas Kelas Pengukuhan**

- i. Kelas Lanjutan Harian
- ii. Kursus Lanjutan (3 bulan sekali)

#### **A. Kelas Lanjutan Harian (KELAS FARDHU AIN)**

HARI/MASA	TAJUK	PENJELASAN SKOP
ISNIN	AKIDAH	Rukun Islam, Rukun Iman
SELASA	MUNAKAHAT	Kekeluargaan Islam
RABU	IBADAH	Solat
KHAMIS	TASAUF /AKHLAK	Sifat- Mahmudah dan sifat mazmumah
JUMAAT	MUAMALAT	Ekonomi Islam
SABTU	PENGAIJIAN UMUM	Kesihatan, sosial, kepenggunaan,

## **B. Kursus Lanjutan**

- i. Hubungi panel-panel dakwah setiap kelas lanjutan harian untuk memberikan senarai calon peserta kursus.
- ii. Keluarkan surat tawaran kursus kepada setiap panel dakwah dan calon peserta.
- iii. Membuat tindakan susulan kepada peserta yang berminat menghadiri kursus.
  - a. Tempat
  - b. Tarikh
  - c. Keperluan Kursus
  - d. Surat Pelepasan untuk majikan.
- iv. Peserta yang telah selesai menghadiri semua kursus perlu diberikan sijil penyertaan/penghargaan dan perlu disenaraikan sebagai sukarelawan Mak Nyah.

# BAB 4:

## PROGRAM DAIE MAK NYAH (OUT COME)

### Objektif

1. Dapat menghasilkan sekurang-kurangnya 5 orang Mak Nyah yang mampu menjadi fasilitator dan da'ie dalam setahun. Mereka akan diberi latihan TOT Manual Sukarelawan Sosial Islam menangani gejala sosial.
2. Kembali kepada fungsi sebenar dakwah yang berkesan terus kepada kumpulan sasaran.
3. Mengalami sendiri realiti dan pengalaman Mak Nyah, seterusnya menjadikannya sebagai satu kekuatan kepada pendakwah dalam berdakwah di lapangan.
4. Membentuk kekuatan sukarelawan kerja-kerja sosial Islam dalam suasana dakwah yang sesuai dengan permasalahan baru yang muncul dalam ruang lingkup masa kini.
5. Menggunakan kaedah dakwah yang digunakan oleh pendakwah terdahulu (Hassan Al-Banna) dalam menangani masalah sosial kontemporari yang wujud di kalangan audien sekeliling.
6. Keluar dari ruang lingkup dakwah yang tipikal agar sukarelawan sosial Islam dapat dilihat lebih berwibawa dengan metodologi yang berkesan walaupun memerlukan jangka masa yang panjang untuk menuai hasilnya.

### KRITERIA PENGERAK SOSIAL ISLAM:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءٌ وَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ

القيمة – البيبة : 5

“Dan tidaklah mereka itu diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah, dengan tulus ikhlas menjalankan agama untukNya semata-mata, berdiri lurus dan menegakkan solat serta menunaikan zakat dan yang demikian itu adalah agama yang benar” (al Bayyinah : 5)

**قُلْ إِن تَخْفُوا مَا فِي صُدُورِكُمْ أَوْ تُبَدُّوْهُ يَعْلَمُ اللَّهُ وَيَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَاللَّهُ**

**عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ – آل عمران : 29**

Katakanlah: "Jika kamu menyembunyikan apa yang ada dalam hatimu atau kamu melahirkannya, pasti Allah Mengetahui". Allah mengetahui apa-apa yang ada di langit dan apa-apa yang ada di bumi. dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu." (Ali Imran : 29)

1. Ikhlas bekerja untuk mencapai keredhaan Allah SWT semata.
2. Tidak memikirkan sama sekali untuk mengejar gelaran atau habuan kebendaan.
3. Bersedia berkorban untuk mencapai matlamat DAKWAH BIL HIKMAH dengan kerjaya dakwah Bil Hal.
4. Bersedia memperbaiki diri dari segi peningkatan ilmu dan pengukuhan keperibadian Muslim setiap masa.
5. Sentiasa berusaha untuk meningkatkan ketakwaan dan pengabdian diri kepada Allah SWT.
6. Bersungguh-sungguh dan sangat berdisiplin dalam melaksanakan tugas dan amanah.
7. Menjaga nama baik dan kepercayaan masyarakat terhadap DAKWAH.
8. Menjadikan Rasullullah saw sebagai contoh ungu (قدوة حسنة) dalam setiap aspek kehidupan.
9. Mendampingi Al-Quran dan berusaha untuk merealisasikan panduannya dalam kehidupan seharian.
10. Bekerja keras untuk memperbaiki dan membela nasib umat Islam khususnya dan masyarakat seluruhnya di mana sahaja berada.
11. Bersedia memberi khidmat kerja-kerja sosial Islam kepada sesiapa sahaja yang memerlukan pertolongan.
- 12 Sangat menjaga masa dengan menghayati kehendak perintah Allah swt dalam Surah Al-'Asr :

وَالْعَصْرِ. إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ. إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا  
بِالصَّابِرِ

"Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar"

13. Bersedia untuk mengikut jadual perjumpaan dan mesyuarat dengan penuh disiplin.
14. Bersedia memenuhi arahan pimpinan DAKWAH dalam setiap masa.

#### PENDEKATAN STRATEGI DAKWAH :

وَأَخْفِضْ جَنَاحَكَ مِنْ أَثْبَاعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

"Dan rendahkanlah sayapmu – yakni bersikap rendah dirilah – kepada orang yang mengikutimu dari kalangan kaum mu'minin" (As-Syu'a'ra : 215)

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفُحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۖ يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

"Sesungguhnya Allah menyuruh dengan keadilan, berbuat baik dan memberi sedekah kepada kaum kerabat serta melarang perbuatan keji, kemungkaran dan kederhanaan. Allah menasihatkan kepadamu semua, supaya engkau semua dapat memperoleh peringatan" (An Nahl : 90).

#### ADVOKASI (MERUBAH POLISI)

- Menilai, meneliti dan memberi input kepada semua dasar dan mekanisme jentera kerajaan yang melaksanakan program pembangunan masyarakat Islam.

#### GEMBLENG SUMBER

- Mengenal pasti sumber-sumber yang boleh digembeleng untuk membangunkan sosio-ekonomi masyarakat Islam.

#### GEMBLENG TENAGA

- Mengembeleng golongan ulama, cendekiawan, kakitangan kerajaan, usahawan, seniman, professional, pemimpin politik, ahli media untuk membantu menjayakan pembelaan dan transformasi umat Islam.

### **GEMBLENG MASSA**

- Melancarkan sebanyak mungkin kempen yang berkesan untuk mengembangluaskan masyarakat massa dalam pelbagai isu sosio-ekonomi dan politik masyarakat Islam.

### **BINA JARINGAN**

- Mewujudkan jaringan DAKWAH dengan pelbagai badan NGO dan agensi kerajaan yang boleh bekerjasama dalam mencapai matlamat perjuangan DAKWAH secara teoris dan praktis.

### **BINA ORGANISASI**

- Memperkuatkan pengurusan dan pembangunan organisasi DAKWAH sebagai sebuah organisasi yang efektif, cekap, berdisiplin, profesional, berpengaruh dan bina rangkaian dakwah secara menyeluruh (**شمول**).

### **BINA PENGGERAK**

- Memperkuatkan sistem pembinaan kaderisasi dan aktivis penggerak dakwah dengan ciri dan kriteria yang boleh diteladani oleh masyarakat.

### **BINA PENGARUH**

- Memperkuatkan kerja-kerja penyelidikan dan media untuk menyebarluaskan pengaruh dari pendirian DAKWAH dikacamata masyarakat.

### **BINA MODEL**

- Mengusahakan model-model contoh dalam pelbagai bidang dan di pelbagai lokasi untuk diikuti oleh masyarakat bagi membangkitkan keupayaan masyarakat Islam di semua peringkat.

## **JENIS DAN BENTUK KERJAYA DAKWAH:**

1. Majlis penerangan berdasarkan isu-isu semasa, dari kampung ke kampung atau bandar ke bandar di masjid atau surau.
2. Bengkel / dialog bertindak masyarakat setempat.
3. Kempen bergerak (pameran, ceramah, tayangan video, dan sebagainya).
4. Seminar berdasarkan isu.
5. Penerangan Berkelompok atau Bengkel Aktivis.
6. Pertunjukan Kaedah Temuseru.
7. Menghantar memorandum.
8. Mengedar risalah.
9. Kuliah khas.
10. Buat profail dan pemetaan lokasi bermasalah.

## **PENDEKATAN PROGRAM**

1. Membina sensitiviti setiap golongan sasaran agar peka dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat.
2. Membina kemahiran berinteraksi setiap golongan sasaran agar boleh mendekati sesiapa sahaja untuk tujuan dakwah.
3. Mengambil hikmah pendekatan bongkar dan selongkar untuk mengetahui permasalahan sebenar.
4. Mendekat dan merapatkan jurang kemasyarakatan melalui aktiviti lapangan dan berinteraksi dengan masyarakat.
5. Membentuk rangkaian gerak kerja dalam menangani gejala sosial.
6. Menggerakkan aktiviti Pemetaan Sosial dengan pendekatan mengumpul maklumat, memerhati dan menilai melalui perspektif hidup masyarakat.

## Indikator Pencapaian

1. Bilangan Rangkaian Penggerak Dakwah yang dapat dilahirkan bagi mencegah masalah sosial dan maksiat.
2. Bilangan Aktivis Dakwah Lapangan yang mampu dijana bagi tujuan untuk terlibat di dalam usaha pencegahan dan pemuliharaan gejala sosial dan maksiat.
3. Model kawasan yang menunjukkan menurunnya gejala sosial dan maksiat di kalangan golongan remaja dan belia.
4. Tahap Kesedaran Sukarelawan terhadap masalah gejala sosial dan maksiat di dalam masyarakat dan keaktifan pendakwah bertindak memerangi gejala ini.
5. Keaktifan Aktiviti Sukarelawan Dakwah lapangan, pendekatan pencegahan yang berbentuk pendidikan kepada masyarakat, kesedaran, pengupayaan pelajar dalam bentuk kempen, dialog, ceramah, aktiviti berfaedah untuk golongan pelajar dan remaja yang digerakkan.
6. Bilangan Sukarelawan yang terlibat dalam menggerakkan usaha pencegahan dan pendidikan kesedaran masyarakat terhadap gejala sosial dan maksiat.
7. Bilangan Pelajar, Remaja dan Belia yang mengikuti program pemulihan gejala sosial yang dijalankan para pendakwah dan NGO Islam serta berjaya memulih mereka yang terlibat dalam gejala sosial dan maksiat.

## Etika Penggerak Dakwah Lapangan (مِيَّدَانِي)

1. Berkhidmat dengan penuh keikhlasan, kecekapan dan berkualiti.
2. Menguasai medan dan memahami kelompok sasaran dan isu dengan mendalam.
3. Melaksanakan usaha perubahan dengan hikmah dan ketegasan dengan menggunakan kepelbagaiannya mekanisme dakwah (perubahan).
4. Menggerakkan inisiatif perubahan dengan bersungguh-sungguh tanpa segan silu (hemoi) dalam melakukan pengorbanan di jalan dakwah.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ مِّنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا.

الأحزاب : 21

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”

Golongan pendakwah jarang-jarang sekali mendekati golongan terpinggir dan berdakwah secara terus kepada mereka. Mereka sebenarnya sangat memerlukan kaunseling keagamaan dan kasih sayang masyarakat. Jika ini tidak berlaku, mereka akan terus rosak dan merosakkan orang lain pula yang juga dahaga kasih sayang dan ilmu agama. Setiap pendakwah mesti berusaha lebih keras lagi untuk memperbaiki situasi dan kondisi masyarakat dengan melaksanakan satu proses yang tersusun secara berperingkat-peringkat di medan lapangan dakwah mereka, dengan membekalkan kemahiran berkomunikasi dan berinteraksi ketika mendekati kumpulan anak muda ini:

**Pertama** - Mereka perlu memahami keadaan sosial masyarakat tersebut. Keadaan sosial masyarakat desa (*rural community*) contohnya sudah tentu sangat berbeza dengan masyarakat bandar (*urban community*) mahupun masyarakat di penempatan-penempatan terancang seperti Felda.

**Kedua** - Para pendakwah perlu mengkaji perubahan sosial yang telah berlaku dalam masyarakat tersebut dengan menekankan aspek kronologi penularan sesuatu gejala sosial itu ke dalam masyarakat dan juga kronologi penglibatan individu dalam gejala sosial sebagai kes rujukan atau biasa disebut 'study case'.

**Ketiga** - Setelah para pendakwah memahami kedua-dua perkara diatas, proses yang seterusnya dapat dijalankan dengan cara paling berhikmah iaitu proses memperjelaskan perspektif masyarakat kepada perspektif Islami dimana Islam itu adalah satu cara hidup (*a way of live*). Proses Islamisasi masyarakat ini perlu dilakukan secara berbeza-beza berdasarkan kelompok sosial masyarakat dapat dijelaskan kepada empat isu utama yang diklasifikasikan seperti berikut; Gaya Hidup, Akademik, Budaya Sosial dan Kekeluargaan.

Kelompok 'Sakit Sosial' lebih sesuai didekati dengan dakwah lapangan secara terus. Para pendakwah perlu turun berjumpa mereka di tempat mereka berkumpul kerana tidak mungkin mereka akan datang berjumpa dengan kalian. Disamping itu, proses Islamisasi untuk Kelompok 'Biasa' juga perlu diteruskan dengan cara penulisan, kuliah-kuliah dan hebahan media.

**Keempat** - Proses pemberian **(اصلاح)** masyarakat perlu dilaksanakan selepas proses Islamisasi berlaku. ini permakna, masyarakat setempat perlu diupayadayakan (*capacity building*) supaya mereka boleh bergerak sendiri untuk meneruskan proses Islamisasi. Komuniti setempat perlu membina semula nilai-nilai murni masyarakat yang selama ini mungkin telah dilupakan.

**Kelima** - Proses yang kelima ini merupakan proses akhir yang paling sukar untuk dicapai. Proses yang pertama sehingga keempat perlu diperkembangkan ke komuniti-komuniti yang lain sehingga keseluruhan masyarakat memahami Islam dalam erti kata yang sebenar. Setelah itu, proses pemberian sistem dan hukum mesti dilaksanakan dimana sistem Kapitalis dan Liberal ditukar kepada sistem Islamis yang ternyata lebih praktikal.

**Kesimpulannya:** Lima proses ini sudah pasti merupakan proses yang sangat panjang di mana kita sendiri mungkin tidak akan sempat menikmati hasilnya tetapi yakinilah dengan usaha yang istiqomah (konsisten) dan pengharapan kepada Allah SWT yang tinggi, anak cucu kita akan memperolehi kehidupan yang lebih sempurna.

Sayugia diingat, tugas pendakwah untuk menyampaikan **(تبليغ)**, bukan menghalau orang **(تنفير)**. Ketika Mu'az bin Jabal akan berangkat, hendak menjadi Gabenor di Yaman, Rasulullah SAW telah berpesan kepadanya dengan kata, maksudnya; "Mudahkanlah, jangan dipersulitkan, gembirakanlah, jangan timbulkan kebencian sehingga orang cabut lari"**(يسرا ولا تعسر وبشر ولا تنفر)**.

Apabila nampaknya, jalan masih buntu, tidak ada titik pertemuan antara sang dai'i dan mad'u, semua ikhtiar telah dilakukan, maka perpisahan harus dilakukan dengan cara yang patut dan pantas.

Firman Allah swt dalam Surah Al-Muzammil, ayat 10:

**وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يُقُولُونَ وَاهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا**

"Dan Bersabarlah terhadap apa yang dikatakan oleh mereka (yang menentangmu), dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik."

Kendalikan diri kalian dengan sebaik-baiknya, jangan kita sesak nafas, disebabkan kata-kata mereka yang kasar. Berpisahlah dari mereka dengan tingkah laku yang memperlihatkan budi pekerti yang tinggi dan akhlak yang "jamil", yang indah.

Biarlah kita akhiri temu bual dengan mereka buat seketika, jangan sampai jalan dakwah terputus dan terbantut. Biarkanlah mereka yang memutuskan hubungan ini, bukan yang memutuskan itu si juru dakwah.

فِيمَا رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ لَذَّتْ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فُطَّلًا غَلِيلَ الْقَلْبِ لَانْفَصُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَارِعُهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَّزْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ - آل عمران : 159

"Maka Dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (Sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya." (Ali Imran : 159)

Ingatlah kita kepada doa Rasulullah SAW semasa baginda di Thoif, sewaktu dilempar batu sehingga berdarah kaki baginda:

**اللَّهُمَّ اهْدِ قَوْمِي فَإِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ**

"Wahai Tuhanku, tunjukilah kaumku ini lantaran mereka, sesungguhnya, tidak tahu apa yang mereka katakan"

Suara jiwa yang demikian itu hanya biasa keluar dari rasa cinta kepada ummat yang sedang dipanggilnya kepada kebenaran; rasa sedih mengenangkan nasib mereka, bila mereka terus dalam kesesatan; rasa cinta yang mendalam kepada Risalah yang sedang dibawanya. Yang akhirnya, bersumber kepada rasa cinta kepada Yang Ampunya Risalah, Al Khaliq, Ar Rahim.

Bermujadalah antara da'ie dengan mad'u, ada kalanya berhasil dalam waktu yang singkat; ada kalanya memerlukan masa yang panjang dan terkadang bertemu jalan buntu. Memang "Lapangan Dakwah" itu ada batasnya. Pendakwah telah diisyaratkan oleh Allah SWT dalam al-Quran, Surah Yunus, ayat 42-43:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْمَعُونَ إِنَّكَ أَفَأَنْتَ تُسْمِعُ الصُّمَّ وَلَوْ كَانُوا لَا يَعْقُلُونَ وَمِنْهُمْ مَنْ يُنْظَرُ إِلَيْكَ أَفَأَنْتَ هَدِيُّ الْعَمَى وَلَوْ كَانُوا لَا يُبَصِّرُونَ

“Dan di antara mereka (yang ingkar) itu, ada yang datang mendengar ajaranmu (dengan tidak mendapat faedah sedikitpun sebagai orang pekak); maka engkau (Wahai Muhammad) tidak berkuasa menjadikan orang-orang yang pekak itu mendengar, juga kalau mereka menjadi orang-orang yang tidak muhu memahami perkara yang didengarnya.”

“Dan di antara mereka pula ada yang memandang kepada perkara-perkara yang engkau tunjukkan (tetapi mereka tidak nampak kebenarannya sebagai orang buta); maka engkau (Wahai Muhammad) tidak berfaedah menunjuk jalan kepada orang-orang yang buta, juga kalau mereka menjadi orang-orang yang tidak muhu melihat (perkara yang engkau tunjukkan itu).”

Yang tuli bukan telinganya, yang buta bukan matanya, tetapi akal dan hatinya yang tuli dan buta. Kemahuannya juga sudah beku. Orang tidur mudah dan biasa dibangunkan. Bagaimana pula membangunkan orang yang sudah jaga, tetapi berpura-pura tidur! Yang penting dalam situasi dan kondisi sebegini, ialah kemampuan pendakwah mengendalikan dirinya, memelihara keseimbangan dan ketenangan jiwanya dan menghindarkan pemborosan tenaga dengan sia-sia. Telah ditentukan oleh Allah SWT dalam al-Quran, Surah Al-A'raf, ayat 199:

### خُذِ الْعَقْوَ وَأْمِرْ بِالْغُرْفَ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ – الأَعْرَافُ : ١٩٩

“Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).”

Memang, ada kalanya bermujadalah dengan tidak lancar perjalannya perlu diistirehatkan. Jangan membiarkan pendakwah diseret kepada omong-omong kosong yang mungkin sengaja untuk menghabiskan tenaganya; atau ingin mencampur-adukkan yang haq dengan yang batil, yang dinamai “kompromi”.

Bila pendakwah bertemu dengan situasi dan ini, maka Al-Quran memberikan jalan keluar dalam Surah An-Nisa', ayat 63:

### أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعَظِّمْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلًا بِلِيغاً – النَّسَاءُ : ٦٣

"Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah SWT akan apa yang ada dalam hati mereka, oleh itu berpalinglah engkau daripada mereka, dan nasihatilah mereka, serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka."

Hentikanlah bermujadalah bila sudah ternyata, bahawa meneruskannya hanya akan menghabiskan tenaga dan masa dengan sis-sia. Kata-kata perpisahan haruslah (قولا بلغا) perkataan yang akan sampai menjangkau ke lubuk hati sanubari mereka itu. Jangan tinggalkan kata-kata yang meninggalkan kesan pahit atau jengkel, sehingga terputus, berkerat rotan.

#### **KAEDAH PERLAKSANAAN:**

Setiap seruan dakwah perlu menghimpunkan maklumat, ilmu dan kefahaman tentang dakwah yang berkesan dari masa ke semasa. Ia mengutip juga kefahaman tersebut dari para pendakwah yang lain, yang mungkin membicarakan topik yang sama sehinggalah apabila tiba kesedaran di dalam jiwynya.

Para pendakwah perlu bijak memilih masa dalam pengoperasian amal dakwah dan ia perlu berada dikedudukan yang penting. Memilih masa yang sesuai, pada audien yang sesuai di tempat yang sesuai adalah pra-syarat menjayakan seruan dakwah. Ini kerana dakwah terkesan dengan suasana lingkungan yang dilalui oleh para pendakwah dan audien.

(Ibnu Mas'ud menyatakan : "Bahawa Rasulullah SAW berhati-hati memberikan peringatan kepada kami (ikut kesesuaian masa), ditakuti kami merasa bosan dan jemu".)

Pendakwah tidak perlu memanjangkan bicaranya terhadap audien kerana ini kadang-kadang menjemukannya dan menyebabkannya berasa gelisah. Langkah terbaik bagi seorang pendakwah ialah membiarkan audien berkeinginan tinggi untuk mengetahui bahan yang disampaikan dan meminta penambahan ilmu tersebut.

Sifat tergesa-gesa untuk melihat hasil berlaku kepada audien akan membawa natijah yang buruk. Audien memberikan respon terhadap apa yang disampaikan oleh pendakwah sama ada dia menolak atau menerima seruan tersebut. Kedua-dua perkara ini jika belum sampai tempohnya boleh membawa mudarat kepada audien dan oleh itu pendakwah perlu bertadarruj **قدح** (beransur-ansur) dalam langkah-langkah dakwahnya.

Cara yang paling terbaik bagi menangani perkara ini ialah para pendakwah janganlah terlalu segera dalam membuat keputusan. Berilah peluang kepada audien membuat keputusan secara langkah demi langkah dan beransur-ansur, dijelaskan kepadanya akibat-akibat jika menerima seruan dakwah di samping menyatakan harapan-harapan positif jika responsif terhadap seruan dakwah. Meletakkan masa sebagai salah satu faktor efektif keberkesanannya dakwah akan meringankan tekanan yang dilalui oleh para pendakwah terutama berdepan dengan kekecewaan dan cepat berputus asa.

Mengambil kira faktor masa akan membuka ufuk yang luas bagi pendakwah, sentiasa optimistik dan positif dan tinggi cita-citanya. Ia umpama seorang doktor yang berdepan dengan pesakitnya. Doktor itu tidak pernah berkata kepada pesakitnya : "Buatlah sekali rawatan sahaja nanti kamu akan sembuh" tetapi katanya: "buatlah berkali-kali rawatan, dalam tempoh tertentu pasti kamu akan sembuh..".

Semoga para pendakwah mencontohi sikap doktor yang bersabar dan tidak jemu merawat pesakitnya sehingga pesakitnya itu sembuh. Semuanya itu dikira berdasarkan faktor masa, kesabaran, keikhlasan dan kesungguhan di dalam mengubati pesakitnya. Pendakwah ibarat doktor yang merawat umat yang sakit. Di hadapannya seribu satu macam manusia yang semuanya menuntut kepada faktor masa untuk sembuh.

## RUJUKAN

Mak Nyah Dari Perspektif Islam, Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri. Mac 2012. Bengkel Pembangunan Manual Mak Nyah. ILIM, Selangor.  
Amer Shakir Zainol. (2003). "Konsep Kendiri."

[\(13.3.2003\)](http://myschoolnet.ppk.kpm.my/kaunseling/kkendiri.htm)

Berhati-hati tangani fenomena lelaki lembut. 2003. Berita Harian, 28 Julai: C3.  
Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). "Psikologi Kanak-kanak & Remaja." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Lukman Z. Mohamad. (2002). "Lelaki Transeksual dan Pelacuran Nyah di Malaysia:

Lukman Z. Mohamad dan Zuriana Zahrin. (2002). "Fenomena Pelacuran Remaja di Malaysia." dalam. Lukman et al. (ed). Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors

Mohd Yusman Awang, Muhd. Izhar Abu Samah dan Zamri Rambli. 2004. Laporan khas hidup sebagai mak nyah. MASSA, Februari: 25-38.

Nor Ba'yah Abdul Kadir & Yahaya Mahamood. (2002). "Pembangunan Loose Personaliti dan Gangguan Seksual di Kalangan Pelajar Transeksual: Temubual Personal dan Kumpulan Fokus." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka

Yik Koon Teh. (2001). "*Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia: The Influence of Culture and Religion on Their Identity.*

Yik Koon Teh. (1998). "*Understanding The Problems of Mak Nyahs (male transsexuals) in Malaysia.*" South East Asia Research, 6(2): 165-180.

Md Ali Sabrani. (2002). "Fenomena Transeksual dari Pandangan Islam." Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Transeksualiti di Institusi Pengajian Tinggi, Century Mahkota Hotel Melaka

Abdul Karim Zaidan. *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Baiti al-Muslim fi al-Syar'iyyah al-Islamiah*. 1994. Muassasah al-Risalah.

Abdullah Nasih 'Ulwan. *Tarbiyah al-Aulad fi al-Islam*. 1985. Dar al-Salam

Ahmad Ibn al-Syurbasi. *Yas'alunaka fi al-Din al-Hayat*. 1995. Dar al-Jail, Beirut Lubnan.

Al-Imam al-Hafiz Abi Daud Sulaiman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani al-Azdi. *Sunan Abi Daud*. 1393H/1973. Dar al-Hadis Hims, Syiria.

Ibn Hajar al-Asqalani, Ahmad Ibn Ali. *Fath al-Bari fi Syarah Sahih Bukhari*. 1407. Al-Maktabah al-Salafiyyah.

Dr. Muhammad Nasiruddin al-Albani. *Hukum Penyerupaan dalam Islam*. 1993. Sharma's Media.

Dr. Soleh bin Fauzan bin Abdullah bin al-Fauzan. *Tanbihat ala Ahkam Takhtasu al-Mukminat*. 1424H. Percetakan dan Penerbitan Agama, Arab Saudi.

Majduddin Abu Sa'adat al-Mubarak Ibn Muhammad Ibn Athir. *Al-Nihayah fi Gharib al-Hadis wa al-Athar*. 1417H. Dar al-Fikh dan al-Maktab al-Ilmiah.

Muhammad al-Amin bin Mukhtar al-Syanqiti. *Adwa' al-Bayan fi Idhah al-Quran bi al-Quran*. 1408H/1988M. Maktabah Ibn Taimiyyah.

Teh Yik Koon (2002). *The Mak Nyah : Malaysian Male to Female Transsexuals*: Eastern University Press, 2002

Lim Hock Ean, Ang Chooi Leng, Teh Yik Koon (2010). *Size Estimation for Local Responses in Malaysia for HIV Prevention in Sex Work*: Ministry of Health and Malaysian AIDS Council.

Amer Shakir Zainol. (2003). "Konsep Kendiri."  
<http://myschoolnet.ppk.kpm.my/kaunseling/kkendiri.htm>.(13.3.2003)

Fadilah Zaini et al. " Sahsiah Pelajar Lelaki Lembut: Suatu Persepsi Masyarakat Kampus UTM"

Farawahida Mohd Yusof dan Sharifah Munirah Timmiati. "Lelaki Lembut: Faktor Dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsiah Mahasiswa IPTA." Johor, UTM.

Berhati-hati tangani fenomena lelaki lembut. 2003. Berita Harian, 28 Julai: C3.  
Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). "Psikologi Kanak-kanak & Remaja." Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka

Lukman Z. Mohamad. (2002).

## **PENGHARGAAN**

Pasukan editorial merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada panel penulis dan penilai yang terdiri daripada kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO's), ahli-ahli akademik yang telah bersungguh-sungguh menyumbangkan idea dan tenaga dalam membangunkan manual ini. Semoga segala usaha murni ini mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT serta memberi manfaat dan kebaikan kepada semua.

Manual ini telah disediakan dan diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK). Antara mereka yang terlibat adalah:

### **Penaung**

Dato' Haji Othman bin Mustapha

### **Penasihat**

Tuan Haji Razali bin Shahabudin

### **Ketua Pengarang**

Puan Saimah binti Mukthar

### **Pengarang**

Dr. Abdul Ghaffar bin Surip

### **Editor**

Pn. Haslinda binti Lukman

Pn. Marzita binti Ibrahim

### **Sidang Pengarang**

#### **Kementerian Kesihatan Malaysia**

Dr Hazizan Bin Mohd Noon

Dr Salina Bt Abd Aziz

Dr Zakirah Binti Taib

Pn Engku Mardhiah binti Engku  
Kamaruddin

#### **Jabatan Agama Islam Negeri**

Tuan Hj Zakaria bin Abd Razak (JAIP)

Ustaz Nasaruddin bin Ngah (JHEAIP)

Ustaz Mohammad Nawawi bin Ahmad (JHEIK)

Pn. Raja Norhidayah binti Raja Hasanuddin (MAIS)

**Majlis AIDS Malaysia**  
En Zamzuri bin Abd Malik  
Cik Siti Syazani binti Suhaimi  
Mohamad Rafi bin Jafar

**Agensi Antidadah Kebangsaan**  
En. Abdullah bin Abdul Rahman

**Bahagian Agama dan Kaunseling PDRM**  
En. Che Alias bin Che Ismail

**KPWKM**  
En. Mohd Syafiq Anas bin Abdullah  
En. Abd Rahman bin Abdullah

**JAKIM**  
Pn. Fauziah Razab  
En. Imran Abd Rahman  
Pn. Madfuzah bt Mohammad  
En. Shahruhnizam bin Abu Bakar  
Pn. Nik Suhaila bt Nik Muhammad  
Pn. Norihan bt Zakaria  
Cik Hariati bt Abu Kher  
En. Saadi bin Awang  
Cik Hazwani Mohd Nor  
En. Mohd Salleh B Ariff  
En. Arrahman bin Awang  
Pn. Nor Asniah Mohd Noh  
En. Hasrulhisham bin Suhaimi  
Cik Syamimi binti Shamsudin

**NGO**  
En. Mohd Hanafiah bin Abd Malik (SIDIM)  
En. Abdul Halim bin Zakaria (PUM)  
En. Kamaruddin bin Kassim  
Cik Hassuna binti Abd Rahman (UNGGAS)  
Cikgu Mohd Khairiri bin Ramli (SKKIK)

**JAWI**  
En. Khairul Anuar bin Mustaffa  
En. Nik Marzuki bin Mohd Nor

